

RnD DoME

Research Development
Department of Mechanical Engineering

PROCEEDING of International Conference on Project Innovation in Community

18 - 19 Jun 2022 | VENUE : Kota Bharu, Kelantan,

Vol. 10, No.1, 2022

Make the Solution Simple and Sustainable



RnD DoME

Research Development Department of Mechanical Engineering

Proceedings of International Conference on Project Innovation in Community (i-ProCOM@2022)

ISSN 2180-2238

e-ISSN 2948-4405

Vol 10 No 1 : 2022

No part of this book can be reproduced in any form or by any means without prior written permission of the publisher.

Disclaimer:

Authors have ensured sincerely that all the information given in this book is accurate, true, comprehensive, and correct right from the time it has been brought in writing. However, the publishers, the editors, and the authors are not to be held responsible for any kind of omission or error that might appear later on, or for any injury, damage, loss, or financial concerns that might arise as consequences of using the book.

© 2022, i-ProCOMM@2022 RnD DoME

Editorial Office :

*Innovation, Research & Development Unit
Mechanical Engineering Department
Politeknik Kota Bharu, Kelantan.
MALAYSIA.
Email : conferencedome@gmail.com
Tel.: +60139221971*

Editorial Board

Chief Editor

Ts. Ahmad Farudzi Bin Azib (PKB)

Senior Editor

Asst. Prof Ts. Dr. Khairul Azhar Mat Daud (UMK)

Asst. Prof Ts. Dr. Muhammad Izzuddin Syakir Ishak (USM)

Asst. Prof Ts. Dr. Nik Zulkarnain Khidzir (UMK)

Ts. Dr. Md Baharuddin Abdul Rahman (USM)

Dr. Muhammad Zuhair Bin Zainal (USM)

Editors

Hj. Ahmad Bin Omar (PKB)

Shamsuddin Bin Abdullah (PKB)

Fahly Khairi Bin Mohd Zain (PKB)

Mat Zuki Bin Abdul Rahman (PKB)

Mohd Sobri Bin Hussin (PKB)

Wan Siti Rodziah Binti Mohd Nasir (PKB)

Sharifah Mona Liza Binti Sayed Salabudin (PKB)

Abd Aziz Bin Md Zin (PKB)

Fauziah Binti Hamdan (PKB)

Roslehaini Binti Hamzah (PKB)

Mohd Lukman Bin Awang Noh (PKB)

Hamdan Nazeri Bin Zainal Abidin (PKB)

Mohd Sukiman Bin Muhammad (PKB)

Muhamad Shah Rul Bin Kamaruddin (PKB)

International Advisory Board

Prof Dr. Rahmah Johar (Universitas Syiah Kuala, Bandar Aceh, Indonesia)

Prof Dr. Sudarmin, M.Si (Universitas Negeri Semarang, Indonesia)

Asst. Prof Muhammad Salaebing (Thaksin University, Songkhla, Thailand)

Web Master

Mohd Faizul Bin Abdul Rahman (PKB)

Designer

Marzuki Bin Muhammad (PKB)

CONTENTS

No	Title	Page
1	Pembelajaran Berasaskan Projek (PbP) dalam Penghasilan dan Ujilari Produk “Portable Incinerator” <i>Aswandi Bin Yaakob, Mazlan Bin Che Mustapa</i>	1
2	Inovasi Pengunci Pintu Automatik Tanpa Sentuh <i>Muhammad Saiful Adli Bin Fouzi, Nik Arif Hazny Bin Nik Yahya, Mohd Faidzul Bin Abdul Rahman</i>	8
3	Fast Dryer Machine: The Development of Its Prototype in Kota Bharu Polytechnic <i>Shamsuddin Bin Abdullah, Ahmad Farudzi Bin Azib, Kamaruzaman Bin Abdullah</i>	15
4	Penghasilan Alat Bantu Mengajar bagi Sistem Ekzos di Politeknik Kota Bharu <i>Mohd Sobri Bin Hussin, Ahmad Farudzi Bin Azib, Omar Bin Mamat</i>	21
5	Merekabentuk Recycle Water <i>Ahmad Bin Omar, Sukiman Bin Mohammad, Mohd Ariff bin Ibrahim</i>	26
6	Inovasi Alat Pengasing Telur <i>Roslehaini Binti Hamzah, Che Seman Bin Che Cob, Md Fadzil Bin Hasbollah</i>	37
7	The Effectiveness of Online Learning in DJJ20053 - Electrical Technology Module at Kota Bharu Polytechnic <i>Ahmad Bin Omar, Ahmad Farudzi Bin Azib, Shamsuddin Bin Abdullah</i>	47
8	Basic Mastery of Wiring System in Electrical Wiring Course DET10022 <i>Mohd Maramuzafar Bin Mohamad</i>	53
9	Motivation Video: You Can Do It! A Short Video in Developing Technical Students to Love English Language <i>Che Fadhilah Binti Che' Lah, Shuzura Binti Yusof</i>	64
10	Car Skate Innovation Project <i>Hjh Sharizan Binti Abdul Halim</i>	71
11	Mesin Pencucuk dan Pembakar Sate <i>Hjh Sharizan Binti Abdul Halim</i>	80
12	Profile Analysis of Students' Creative Problem-Solving Skills in Reaction Rate Topic Based on the Results of Development of Integrated Contextual-Based Test Instruments Indicators of Mathematical Modeling and Logical Framework <i>Nurkintan Aprilia, Endang Susilaningih, Sudarmin</i>	88
13	Development of Smart Potato Wedges Cutter <i>Tan Chin Chai</i>	98
14	Four Stroke Engine for STEM <i>Maizul Afzairizal Mohd Adnan, Mohd Azhar bin Abdul Aziz, Nur'ain Natasha binti. Shaari</i>	103

15	Pemahaman Pelajar-pelajar Semester Satu Politeknik Muadzam Shah Tentang Rukhsah Solat Jamak dan Qasar <i>Ramli Bin Omar, Rohani Binti Abd Razak, Mohd Zohdi Bin Said</i>	110
16	Kajian Keberkesanan Inovasi Turning Cadcam (T-CDM) kepada Pelajar Kejuruteraan <i>Fahly Khairy Bin Mohd Zain, Mohd Shakirin Bin Ab Rahim, Md Zairudin B. Zakaria</i>	116
17	Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih <i>Badrul Sakinah Binti Hj Sanusi</i>	126
18	Water Turbine Kit <i>Badrul Sakinah Binti Hj Sanusi</i>	135
19	Development of Augmented Reality (AR) Application for Practical Learning on Interactive Valve Trainer <i>Burhanudin Bin Mohamed, Nik Abdullah Bin Nik Hassan</i>	143
20	The Design of Dobby Hand Loom <i>Akmal Bin Uzir</i>	151
21	Water Wheel Mini Generator <i>Fauziah Binti Hamdan, Suraya Binti Mustafa, Mat Zuki Bin Abdul Rahman</i>	158
22	Respon Siswa Terhadap Penggunaan Video Tutorial untuk Menguji Kemampuan Spasial <i>Rikza, Rahmah Johar</i>	167
23	Inovasi High Definition Audio Mixer for Teacher <i>Mat Sazilin Bin Ayub</i>	176
24	Students' Adaptive Reasoning in Solving Pythagoras Theorem Problems Viewed by Self-Efficacy <i>K A Fitri, S Prabawanto, E C Mulyaning</i>	184
25	Smart Electric Car Tyre Aids <i>Tan Chin Chai, Koh Foo Hin, Ts. Wong Chun Fong</i>	192
26	Mereka Bentuk Hand Loader Bagi Kerja Penurunan Barang Dari Pickup 4X4 <i>Mohd Sukiman bin Mohammad, Ahmad bin Omar, Baharin Bin Che Ajid</i>	197
27	Pengesan Alkohol Kabin Kenderaan <i>Muhamad Shah Rul Bin Kamaruddin, Tengku Azmie Bin Raja Hassan</i>	204
28	The Application of a Problem-Based Learning Model Integrated with Sustainable Development to Improve Students' Ecological Knowledge <i>Legian Setyorini, Sudarmin, Endang Susilaningsih, Susilaningsih</i>	212
29	Laman Web Pogram Mini Project: Inovasi dalam Pelaksanaan Program Kecemerlangan Pelajar <i>Nurliyana Husna Binti Ramli, Mohd Faizal Bin Ismail</i>	219

30	Keberkesanan Pembelajaran Secara Atas Talian bagi Kursus Strength of Materials (DJJ3103) di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Bharu <i>Mohd Sobri Bin Hussin, Ahmad Farudzi Bin Azib, Abd Aziz Md Zin</i>	227
31	Kotak Tisu Automatik <i>Sofea Ling Abdullah, Norliza Binti Naw, Maisarawani binti Spahat</i>	234
32	Inovasi Dalam Penghasilan Projek Penyedut Asap Rokok <i>Nik Arif Hazny Bin Nik Yahya, Muhammad Saiful Adli Bin Fouzi</i>	241
33	Kesan Penggunaan Aplikasi Nearpod Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Pelajar Sijil Perkhidmatan Logistik Di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang <i>Mohd Azian bin Husin @ Che Hamat, Muhd Fadhlullah bin Rashid, Wan Nur Azura Binti Wan Abdullah</i>	252

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) Dalam Penghasilan Dan Ujilari Produk *Portable Incinerator*

Aswandi bin Yaakob
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Seberang Perai
Jalan Permatang Pauh
13500 Permatang Pauh
+60194766554,
aswandi@psp.edu.my.

Mazlan bin Che Mustapa
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Seberang Perai
Jalan Permatang Pauh
13500 Permatang Pauh
+60194105443,
mazlan@psp.edu.my.

Abstrak

Portable Insinerator (PI) adalah sebuah mesin yang dibangunkan bagi pelupusan teks atau bahan bercetak ayat suci Al-Quran yang rosak atau lusuh melalui mekanisma pembakaran dalam sistem terkawal dan mesra alam. Menggunakan PI, proses pembakaran dapat dilakukan dengan berkesan bagi menjaga kesucian Al-Quran. Proses pembakaran tersebut dilakukan secara tertutup dan terlindung bertujuan mengelakkan fitnah ketika proses pelupusan berlangsung. Berdasarkan kajian sorotan yang telah dilakukan, didapati mesin PI yang terdapat di pasaran kebanyakannya bersaiz besar dan mahal. Susulan keperluan kepada pelupusan al-quran lama semakin meningkat terutamanya daripada institusi kecil seperti masjid dan surau, pembangunan projek inovasi ini diyakini dapat memberi manfaat yang besar sekaligus membantu melunaskan tuntutan fardu kifayah di dalam usaha melupuskan teks atau bahan bercetak ayat suci al-quan yang telah lusuh. Usaha ini wajar demi memastikan kesucian al-quran terus terpelihara.

Kata kunci: *Fabric cutting machine, innovation project.*

1. PENGENALAN

Mesin Incinerator merupakan alat pengolah bahan bercetak yang mampu membakar bahan bacaan Al-Quran dengan lebih efisien daripada pembakaran biasa [1]. Proses insinerasi ini melibatkan pembakaran bahan bercetak dengan menggunakan haba yang tinggi. Mesin ini mampu mengurangi isipadu bahan pelupusan sehingga 75-80% dan sisa pembakaran berupa abu cukup kering dan bebas dari berbau yang tidak menyenangkan [2]. Abu kebanyakannya terbentuk oleh unsur-unsur bukan sisa organik, dan boleh mengambil bentuk benjolan pepejal dan zarah yang dibawa oleh gas serombong. Suhu yang digunakan biasanya diantara 600-1200°C sehingga dapat mengurangi lebih dari isipadu awal bahan bacaan Al-Quran kecuali bahan beracun dan kaca [3]. Di samping itu, mesin yang ingin dibangunkan ini mampu membakar bahan bacaan Al-Quran antara 2 kilogram hingga 5 kilogram dalam tempoh 30 minit hingga 45 minit bergantung kepada kapasiti ruangan pembakaran [4].

Demi menjaga kesucian Al-Quran, beberapa langkah pelupusan diperlukan. Langkah yang pertama adalah penerimaan bahan. Bagi langkah ini, pekerja perlu bekerja dengan tertib serta berwuduk. Langkah kedua adalah proses merekod bahan. Tujuannya bagi mengenalpasti jumlah Al-Quran yang


diterima untuk dilupuskan. Di samping itu, maklumat tersebut akan menjadi bukti kukuh dan rujukan pada masa hadapan. Proses yang seterusnya adalah pembakaran bahan. Pembakaran Al-Quran ini akan dilakukan dengan masa yang singkat menggunakan mesin Incinerator yang dibangunkan. Proses berikut adalah membatakan abu Al-Quran yang telah dibiarkan semalaman. Abu akan dicampur dengan air supaya membentuk bata. Akhirnya bata tadi akan dilarutkan ke laut [5].

2. METODOLOGI

Antara proses pelaksanaan projek ini ialah merekabentuk mesin portable incinerator, mekanisma pergerakan dan lain-lain. Metodologi adalah bahagian yang penting untuk membantu sesuatu projek berjalan dengan lancar selain dari memudahkan seseorang untuk mengetahui bagaimana sesuatu projek/ kajian berkaitan dijalankan.

2.1 Proses pembuatan portable incinerator

Pada awal projek ini, penyelidikan dan kajian telah dibuat berkaitan dengan mesin incinerator yang sedia ada. Maka dari situ tercetusnya idea untuk menginovasikan mesin incinerator sedia ada kepada mudah alih. Dalam pada itu, pemilihan bahan untuk projek kajian adalah penting bagi memastikan ketahanannya. Sebagai contoh, penyelidik memilih batu seramik untuk kerangka asas projek kajian kerana ia mempunyai ketahanan terhadap suhu yang panas. Roda pula digunakan untuk projek kajian ini bagi memudahkan pergerakan mesin ini ke tempat yang berbeza. Jika dibandingkan dengan mesin incinerator sebelum ini yang berada di industri hanya berada statik di sesuatu tempat. Bagi memastikan projek kajian berjalan dengan lancar, carta alir proses rekabentuk sehingga kepada kajian rekabentuk dibuat bertujuan memastikan setiap proses pelaksanaan berjalan dengan sistematik dan secara tidak langsung dapat mengelakkan dari berlaku masalah (rujuk rajah 1).




Rajah 1. Carta alir proses rekabentuk hingga kajian portable incinerator.

2.2 Pemilihan konsep dan rekabentuk mesin portable incinerator


Terdapat 2 rekabentuk mesin “Portable Incinerator” yang berpontensi untuk dibangunkan.

Idea pertama (rujuk rajah 2) mempunyai rekabentuk seperti silinder. Ruang pembakar di buka dari atas dan di sebelahnya terdapat Activated Carbon Filter. Rekabentuk ini mempunyai beberapa kekurangan dari segi keselamatan seperti ketidakstabilan projek kerana rekabentuk tapaknya tidak rata. Selain itu, ruang pembakar yang sempit boleh mendatangkan bahaya apabila tangan yang hendak meletakkan bahan bacaan Al-Quran ke dalam ruang pembakar berkemungkinan tinggi terkena coil spring yang bersuhu tinggi dan menyebabkan lecur.



Rajah 2. Rajah rekabentuk idea pertama.

Idea kedua (rujuk rajah 3) mempunyai rekabentuk seperti segi empat tepat. Rekabentuk ini telah di kaji lebih teliti dari aspek keselamatan dan kemudahan. Dari aspek keselamatan rekabentuk ini direka dengan tapak yang rata, lebar dan tinggi yang cukup untuk kestabilan projek ini. Seterusnya, ruang pembakar direka lebih luas untuk memudahkan meletak bahan bacaan Al-Quran kedalam ruang bakar. Untuk kemudahan pula, projek ini diubah suai untuk memudahkan pergerakan tanpa perlu mengangkat dengan memberikan struktur roda di bawah tapak dan struktur untuk menolak dibelakang incenerator ini. Akhir sekali, saiz projek yang sederhana dengan rekabentuk segi empat tepat memudahkan penyimpanan di kawasan yang rata.



Rajah 3. Rajah rekabentuk idea kedua.

Rekabentuk yang telah dipilih adalah berdasarkan kaedah penilaian matriks. Terdapat sembilan kriteria yang diambil yang diambil kira untuk memilih konsep reka bentuk yang terbaik. Jadual 1 menunjukkan kriteria yang dimaksudkan.

Jadual 1. Kriteria utama untuk menghasilkan projek

Kriteria	Penerangan
Fungsi	• Projek yang dihasilkan akan berfungsi dengan berkesan
Rupa bentuk	• Projek yang dihasilkan perlu mempunyai rupa bentuk yang sesuai
Kesesuaian Bahan	• Menggunakan bahan yang sesuai dan mudah diperolehi
Kaedah Binaan	• Menggunakan kaedah yang sesuai dan mudah
Ketahanan	• Projek yang hendak dihasilkan mempunyai ketahanan penggunaannya
Kos	• Kos pembinaan projek tidaklah terlalu tinggi
Kemasan	• Projek yang dibina perlu mempunyai kemasan yang sesuai dan menarik
Keselamatan	• Projek mestilah selamat digunakan
Nilai komersial	• Projek berpotensi untuk dipasarkan

Hasil dari perbincangan, didapati idea rekabentuk kedua lebih berpontensi untuk dibangunkan terutama apabila mengambilkira aspek keselamatan dan kemudahannya. Jadual 2 menyenaraikan rumusan keseluruhan perbincangan dan berkaitan kelebihan dan kekurangan kedua-dua rekabentuk yang dikemukakan.


Jadual 2. Kelebihan dan kekurangan rekabentuk

Cadangan	Kelebihan	Kekurangan
Idea Rekabentuk 1	• kos yang berpatutan • Tidak mencemarkan udara	• Tidak stabil • Tahap keselamatan yang rendah
Idea Rekabentuk 2	• Mudah untuk bergerak • Kos yang berpatutan • Stabil • Tidak mencemarkan udara	• Berat

Pada peringkat seterusnya, idea rekabentuk yang dipilih dikembangkan kepada lukisan kejuruteraan 3-dimensi daripada lakaran kasar yang telah dibuat sebelum ini.


Teknologi rekabentuk berbantu komputer (computer-aided design, CAD) telah digunakan untuk membentuk, mengolah dan mengoptimumkan rekabentuk yang dipilih. Semua bahagian lengkap

yang digunakan untuk penghasilan projek kajian mesin incinerator ini ditunjukkan melalui lukisan kejuruteraan 3-dimensi pada rajah 4 dan 5.



Rajah 4. Lukisan Isometrik

Lukisan isometrik pada rajah 4 menunjukkan ukuran keseluruhan projek kajian iaitu 52 sentimeter panjang, 50 sentimeter lebar dan 31 sentimeter tinggi. Ruang pembakaran pula berukuran 25 sentimeter panjang, 46 sentimeter lebar, dan 17 sentimeter tinggi.



Rajah 5. Lukisan Pemasangan dan Bill of Material

Lukisan pemasangan pada rajah 5 menunjukkan bilangan bahan yang digunakan dan paparan leraiian setiap satu komponen. Bahagian pertama merupakan bahagian struktur pada badan projek iaitu keluli

tahan karat yang berukuran 52 sentimeter panjang, 50 sentimeter lebar dan 31 sentimeter tinggi. Di bahagian dalam mesin ini terdapat gegelung yang mampu menahan haba yang tinggi, iaitu k-type thermocouple yang berfungsi untuk mengesan haba didalam satu kawasan. P.I.D (proportional integral derivative) controller pula berfungsi sebagai pengawal suhu tekanan dan kelajuan. Dc motor dan suis digunakan untuk On atau Off manakala bata merah adalah struktur menahan haba supaya tidak bocor ke kawasan luar.

2.3 Soal Selidik

Satu soal selidik telah dijalankan ke atas 40 orang responden untuk mengukur keperluan dan keberkesanan projek kajian ini. Responden adalah terdiri daripada kakitangan, pekerja kebersihan dan juga pelajar di Politeknik Seberang Perai yang dipilih secara rawak. Borang soalselidik telah diberikan kepada responden sebelum dan selepas mesin portable incinerator ini dibangunkan.

3.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 3 menunjukkan keputusan yang diperolehi dari soal selidik yang telah dijalankan. Soalan 1 hingga 3 menunjukkan peratusan setuju yang tinggi, iaitu lebih dari 80% untuk pemilikan bahan bacaan yang mengandungi cetakkan ayat suci Al Quran dan keperluan untuk pelupusan. Soalan 4 hingga 6 menguji pengetahuan/ kesedaran kaedah pelupusan secara pembakaran/pembakaran terbuka. Peratusan setuju serendah 40% dicatatkan oleh responden.

Soalan 7 hingga 12 pula menguji pandangan berkaitan pembangunan sebuah mesin pembakaran untuk pelupusan bahan bacaan yang mengandungi cetakkan ayat suci Al Quran. 20% responden tidak bersetuju/ tidak pasti sebelum didedahkan kepada mesin pembakaran yang dibangunkan dalam projek kajian ini. Walau bagaimanapun, peratusan bersetuju meningkat kepada 100% dalam 4 soalan utama yang diberikan selepas pendedahan kepada mesin sebenar.

Sebahagian besar responden memiliki naskah Al Quran dan bahan cetakan Al Quran tetapi tidak mengetahui kaedah yang betul untuk melupuskan bahan tersebut. Kemungkinan responden hanya menyimpan Al Quran dan bahan cetakan Al Quran yang telah pun lusuh dan rosak tanpa melakukan pelupusan. Kebanyakan Al Quran dan bahan bercetak terus disimpan oleh responden sedangkan terdapat kaedah yang boleh digunakan untuk melupuskannya.

Merujuk kepada soal selidik selepas mesin portable incinerator dibangunkan dan diujilari, sebahagian besar bersetuju mesin portable incinerator ini sangat membantu responden untuk melupuskan Al Quran dan bahan bercetak Al Quran. Responden juga setuju mesin portable incinerator sangat mudah untuk dikendalikan kerana tidak memerlukan kemahiran yang khusus. Responden juga setuju penggunaan mesin portable incinerator ini dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar disebabkan proses pelupusan dilakukan di dalam bekas yang tertutup. Membangunkan dan menguji mesin portable incinerator ini juga dapat memberi peluang kepada bidang kejuruteraan untuk membuat kajian lanjut berkenaan rekabentuk mesin agar menjadi lebih baik dan juga kaedah untuk menghasilkan pembakaran dengan lebih berkesan serta menjimatkan tenaga elektrik.

Projek mesin portable incinerator ini memerlukan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi aliran haba di dalam ruangan pembakaran. Antara penambahbaikan yang boleh dilakukan adalah menggunakan DC Converter untuk menaikkan nilai voltage dari bahagian masukan kepada bahagian keluaran. Penambahbaikan kedua adalah membesarkan ruang pembakaran agar dapat menampung

lebih banyak helaian-helaian Al-Quran yang rosak untuk proses pembakaran. Penambahbaikan yang terakhir adalah menggunakan bahan yang lebih ringan untuk membuat badan incinerator supaya lebih mudah digerakkan.

Keseluruhan peratusan setuju untuk semua soalan yang diberikan kepada responden boleh dirujuk di rajah 6.

4.0 KESIMPULAN

Daripada keputusan yang telah diperolehi, penggunaan portable incinerator untuk membantu pembakaran bahan bercetak di politeknik seberang perai telah berjaya dilaksanakan.

Portable Incinerator ini yang merupakan sebuah projek baru telah berjaya menambah baik dan mempercepatkan proses pembakaran naskah-naskah Al-Quran yang rosak dan lusuh mengikut langkah-langkah yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Malaysia agar kesuciannya terjaga.

Mesin portable incinerator ini didapati memberi banyak manfaat, pengetahuan dan kebaikan kepada pengguna yang merancang untuk melupuskan naskah Al Quran. Dengan membangunkan dan mengujilari mesin portable incinerator ini, pengetahuan dalam bidang kejuruteraan rekabentuk produk dapat dikembangkan. Mesin bersaiz kecil dapat dihasilkan berbanding dengan mesin yang sedia ada di pasaran, selain mudah untuk disimpan.

Rujukan

- [1] Ab Gani, S. A., & Ahmad, M. N. (2019). Proses pengurusan pelupusan teks-teks al-Qur'an di Jabatan Agama Islam Negeri Johor: Peranan pihak yang bertanggungjawab dan permasalahannya. *International Journal Od West Asian Studies*, 11(1), 45-57.
 - [2] Nasir, N. M., Ishak, H., & Ahmad, N. (2018). Pengaplikasian Kaedah Pembakaran Sebagai Kaedah Yang Terbaik Dalam Menjaga Kemuliaan Dan Kesucian Al-Quran. In 5th International Conference On Research In Islamic Education And Arabic Language 2018 (ICRIALE 2018) (p. 855).
 - [3] Hutagalung, S. J., & Intang, A. (2020). Analisa Dan Uji Performa Alat Pembakar Sampah (Doctoral Dissertation, Universitas Tamansiswa Palembang).
 - [4] Lesmana, A., Junaidi, J., & Kurniawan, E. Rancang Bangun Alat Pembakar Sampah (Incinerator) Dengan Burner Oli Bekas. *JTRAIN: Jurnal Teknologi Rekayasa Teknik Mesin*, 2(1), 35-40.
 - [5] Huda, M., & Hastuti, E. (2012). Pengaruh temperatur pembakaran dan penambahan abu terhadap kualitas batu bata. *Jurnal Neutrino: Jurnal Fisika dan Aplikasinya*.
- Abd Rahman Abd Ghani. 2009. Pemeliharaan al-Qur'an: Kajian di Unit Kawalan Teks alQur'an Kementerian Keselamatan dalam Negeri. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Nur Farisha Faiz. 2009. Mesin insinerator Lupus al-Quran. Utusan Melaka. utusan.com.my [25 Julai 2018].

Inovasi Pengunci Pintu Automatik Tanpa Sentuh

Muhammad Saiful Adli bin
Fouzi
Jab. Kej. Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
16450 Ketereh, Kelantan
+60129583495
msaf84@gmail.com

Nik Arif Hazny bin Nik
Yahya
Jab. Kej. Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
16450 Ketereh, Kelantan
+60199144571
arizie96@yahoo.com

Mohd Faidzul Abdul Rahman
Jab. Kej. Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
16450 Ketereh, Kelantan
+60199389490
faidzul@pkb.edu.my

Abstract

Sistem Pengunci Pintu Automatik adalah satu sistem yang direka bentuk dan dihasilkan dengan tujuan untuk mempercepatkan proses penguncian pintu rumah dengan lebih cepat dari jarak yang lebih jauh berbanding kaedah penguncian yang ada pada masa sekarang. Ini kerana ianya untuk menyelesaikan masalah kelewatan dan keselamatan yang terjadi disebabkan penguncian pintu rumah yang tidak berkesan. Dalam kajian ini, pengkaji telah mereka bentuk dan menghasilkan Sistem Pengunci Pintu Automatik dengan menggunakan dua kaedah sambungan sistem iaitu secara bluetooth dan Global System for Mobile (GSM) ataupun juga dikenali dengan teknologi Internet Of Things(IOT). Bagi kedua-dua sistem penguncian automatik ini, telefon bimbit bertindak sebagai alat untuk menghantar isyarat kepada pengunci untuk melakukan proses penguncian atau membuka kunci. Seterusnya Sistem Pengunci Pintu Automatik yang dihasilkan diujilari untuk mengukur jarak, kelajuan dan kecekapan penguncian yang diperolehi dari Sistem Pengunci Automatik yang dihasilkan. Dari segi jarak penguncian, Sistem Penguncian Automatik secara bluetooth hanya boleh dilakukan dalam radius 25 meter di antara telefon bimbit dengan pengunci. Sistem Pengunci Automatik secara GSM pula tidak mempunyai had jarak penguncian kerana pengguna boleh membuat proses mengunci atau membuka kunci menggunakan khidmat pesanan ringkas(SMS). Walaupun begitu, Sistem Penguncian Pintu Automatik secara bluetooth menunjukkan kelajuan 20 kali ganda lebih cepat dari Sistem Penguncian Pintu Automatik secara GSM dengan kelajuan mengunci 2 ms^{-1} berbanding 0.2 ms^{-1} . Dari segi kecekapan pula, pengkaji mendapati Sistem Penguncian Automatik secara bluetooth menunjukkan kecekapan yang lebih tinggi dimana isyarat sambungannya yang lebih konsisten berbanding pola isyarat Sistem Penguncian Automatik secara GSM yang tidak sekata. Hasil dari ujilari pada kedua-dua system pengunci pintu automatik tanpa sentuh ini, pengkaji mendapati pengunci automatik secara GSM lebih sesuai untuk digunakan bagi penguncian jarak jauh kerana jarak isyarat capaiannya yang tidak terhad manakala pengunci automatik secara bluetooth lebih sesuai untuk digunakan penguncian dalam radius 25 meter atau juga boleh digunakan untuk penguncian yang lebih domestik seperti penguncian almari, rak meja dan laci.

Keywords: *pengunci pintu automatik; Bluetooth; Global System for Mobile (GSM) ; Internet Of Things(IOT)*

1. PENDAHULUAN

Teknologi pada masa kini telah mendatangkan banyak manfaat kepada masyarakat pada masa kini yang selari dengan era globalisasi. Kemajuan negara bergantung pada kecanggihan teknologi terutamanya dalam bidang pembuatan, mekanikal dan sebagainya. Kemudahan teknologi telah meningkatkan kreativiti dan kemahiran masyarakat untuk mencipta sesuatu teknologi yang bermanfaat. Penggunaan teknologi pintar berasaskan kaedah mekanikal dan elektronik mendapat permintaan semakin meluas disebabkan berkembangnya aplikasi bersumberkan teknologi internet.

Pintu adalah objek yang digunakan sebagai penghalang untuk mengakses atau masuk dan keluar dari atau ke dalam sesuatu tempat. Biasanya sesebuah pintu akan ditutup dan dikunci untuk memastikan barang atau objek yang ada dalam sesuatu bilik atau ruangan terjaga dan tersimpan dengan baik. Namun, banyak masalah telah timbul disebabkan proses penguncian dan pintu seperti kelewatan dalam aktiviti seharian kerana mengunci pintu secara manual memerlukan masa yang agak lama, iaitu selama beberapa minit. Selain itu, kerap kali berlaku juga pelajar terlupa untuk mengunci pintu rumah sehingga menyebabkan pelbagai masalah timbul seperti kecurian dan sebagainya. Akibat itu, sering berlaku kejadian kehilangan barang disebabkan kecuaiannya terlupa untuk mengunci pintu. Kebanyakan kes seperti ini berlaku apabila seseorang tergesa-gesa untuk menuju ke destinasi. Selain itu, kehilangan kunci pintu manual menyebabkan pintu manual tidak dapat dikunci dan ini menyebabkan keadaan yang tidak selamat.

Justeru, masalah-masalah ini telah mendorong pengkaji untuk memilih projek inovasi pengunci pintu automatic tanpa sentuh. Pintu adalah objek yang digunakan sebagai penghalang apa sahaja untuk mengakses ke dalam sesuatu tempat. Justeru, alat pengunci pintu merupakan alat yang penting untuk mengunci pintu yang mana secara tidak langsung tahap keselamatan. Pemilihan projek ini adalah untuk menaiktaraf alat pengunci yang biasa kepada automatik yang dapat dikawal secara kawalan jauh dengan menggunakan internet.


Pengunci pintu automatik merupakan alat pengunci yang lebih canggih jika dibandingkan alat pengunci biasa. Penggunaan alat pengunci automatik ini dapat digunakan melalui penggunaan *Internet Of Things (IOT)* yang mana aplikasi ini dapat digunakan dimana-mana sahaja. Berdasarkan masalah-masalah yang telah diterangkan sebelum ini, beberapa objektif telah ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

1. Mengurangkan masa untuk mengunci pintu berbanding kaedah manual.
2. Untuk membolehkan pengguna mengunci pintu pada jarak yang lebih jauh.
3. Dapat mengunci pintu tanpa menggunakan anak kunci menerusi kaedah tanpa sentuh.

2. METODOLOGI KAJIAN


Setelah membuat kajian literatur mengenai litar bagi pengunci . pintu automatik, pengkaji telah membuat rajah litar skematik bagi mengenal pasti komponen-komponen yang diperlukan dalam pembinaan sistem pengunci pintu automatik ini. Rajah 1 dan Rajah 2 masing-masing menunjukkan litar skematik bagi sistem pengunci pintu automatik dan carta alir pelaksanaan proses penguncian

bagi sistem ini. Beberapa alat-alat diperlukan dalam pemasangan sistem pengunci pintu otomatis ini iaitu mikro pengawal, skrin digital(LCD), diod pemancar cahaya(LED), wayar pelompat, papan Bread, peranti Bluetooth atau GSM, Arduino Uno dan servo motor. Rajah 3 dan Rajah 4 masing-masing menunjukkan struktur pembinaan pengunci pintu automatik dan pemasangan komponen-komponen mengikut litar skematik.



Rajah 1. Litar skematik pengunci pintu automatik


Rajah 1 di atas menunjukkan litar skematik pengunci pintu automatik dimana sambungan litar dimulakan dengan bekalan kuasa 5V daripada bateri atau sumber kuasa yang berkaitan. Sumber kuasa 5 V ni akan dihantar kepada seluruh system pengunci sebelum isyarat mengunci ditunjukkan menggunakan isyarat LED dan arus dibumikan selepas melalui relay 220Ω.



Rajah 2. Carta pelaksanaan penguncian pintu automatik


Pelaksanaan proses penguncian pintu automatik tanpa sentuh adalah ditunjukkan dalam Rajah 2 di atas dimulakan apabila pengguna menghantar isyarat input menggunakan peranti *Bluetooth atau GSM* untuk dihantar ke mikro pengawal atau Arduino Uno. Isyarat input seterusnya akan diterima

oleh mikro pengawal Arduino Uno yang akan menghantar isyarat output mengunci pintu kepada servo motor pengunci pintu. Ini menyebabkan servo pintu bergerak sebanyak 20 darjah diikuti servo kunci bergerak sebanyak 90 darjah. Ini menyebabkan LED mengeluarkan arahan meminta kata laluan dan bernyala warna 'MERAH'. Ini menyebabkan peranti *Bluetooth* menghidupkan mod membaca. Setelah kata laluan dimasukkan oleh pengguna, peranti *Bluetooth* akan membaca input yang dimasukkan dan membuat pengesahan bagi kata laluan tersebut. Sekiranya kata laluan yang betul dimasukkan, LED akan memaparkan "AKSES DITERIMA" dan ini akan menggerakkan servo kunci dan servo pintu untuk membuat penguncian. Sekiranya kata laluan tidak betul dan ditolak, pengguna perlu mengulang masuk kata laluan yang betul.



Rajah 3. Struktur pembinaan pengunci pintu automatik

Rajah 3 di atas menunjukkan struktur pembinaan pengunci pintu automatik yang menunjukkan sambungan bagi komponen-komponen pengunci pintu automatik yang perlu disediakan dan dipasang untuk mendapatkan satu litar system yang lengkap. Komponen-komponen seperti bekalan kuasa dari bateri disambung kepada Arduino yang bertik sebagai unit pemprosesan pusat (CPU). Seterusnya litar disambung pada peranti *Bluetooth* atau *GSM* dan Modul LCD. Litar ini kemudiannya disambung kepada relay dan motor pengunci untuk melengkapkan proses penguncian sebelum litar akhirnya dibumikan. Manakala Rajah 4 menunjukkan pemasangan lengkap komponen-komponen pengunci pintu automatik mengikut litar skematik. Kawalan proses penguncian dibuat dengan menggunakan isyarat kawalan menggunakan telefon pintar. Pengekodan dan pengaturcaraan (*coding*) perlu dibuat seperti dibawah untuk menghubungkan telefon pintar kepada sistem pengunci pintu automatik yang dipasang pada pintu.



Rajah 4. Pemasangan komponen pengunci pintu automatik mengikut litar skematik. Sumber : <http://www.jogjarobotika.com>

3. DAPATAN KAJIAN

Data-data yang diperolehi dari proses ujilari disusun seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dibawah. Data –data ini direkodkan semasa proses ujilari untuk meneliti kecekapan dan kepantasan proses penguncian menggunakan penguncian secara Bluetooth dan GSM.

Jadual 1. Hasil keputusan proses ujilari bagi pengunci pintu automatik

Jarak Penguncian (m)	Masa Pengunci an secara Bluetooth h (s)	Masa Penguncian secara GSM (s)	Penerimaan Isyarat Bluetooth	Penerimaan Isyarat GSM
5	2.5	25	Baik	Baik
10	4.6	35.3	Baik	Baik
15	7	44.2	Kurang baik	Baik
20	8	50.7	Kurang baik	Kurang baik
25	-	63.5	Tiada sambungan	Kurang baik
30	-	70.7	Tiada sambungan	Kurang baik

Dari data-data di atas, kelajuan penguncian bagi bluetooth dan GSM boleh dikira dengan membahagikan jarak penguncian dengan masa penguncian bagi bagi kaedah Bluetooth dan GSM seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 dibawah.

Jadual 2. Jarak Penguncian lawan kelajuan penguncian bagi pengunci pintu automatik

Jarak Penguncian (m)	Kelajuan mengunci bluetooth (ms^{-1})	Kelajuan mengunci GSM (ms^{-1})
5	2	0.2
10	2.173913	0.283286
15	2.142857	0.339367
20	2.5	0.394477
25	0	0.393701
30	0	0.424328

Dari segi jarak penguncian, Sistem Penguncian Automatik secara bluetooth hanya boleh dilakukan dalam radius 25 meter di antara telefon bimbit dengan pengunci. Sistem Pengunci Automatik secara GSM pula tidak mempunyai had jarak penguncian kerana pengguna boleh membuat proses mengunci atau membuka kunci menggunakan khidmat pesanan ringkas(SMS). Pengkaji mendapati pengaturcaraan bagi pengunci pintu automatik GSM adalah sukar dan kompleks berbanding Bluetooth yang menyebabkan isyarat penerimaannya lemah dan tidak konsisten. Walaupun begitu,

sistem penguncian pintu automatik secara bluetooth menunjukkan kelajuan 20 kali ganda lebih cepat dari Sistem Penguncian Pintu Automatik secara GSM dengan kelajuan mengunci 2 ms^{-1} berbanding 0.2 ms^{-1} . Dari segi kecekapan pula, pengkaji mendapati Sistem Penguncian Automatik secara bluetooth menunjukkan kecekapan yang lebih tinggi dimana isyarat sambungannya yang lebih konsisten berbanding pola isyarat Sistem Penguncian Automatik secara GSM yang tidak sekata. Hasil dari keputusan yang diperolehi dari ujilari ini, pengkaji mendapat proses pengunci pintu boleh dibuat secara automatik pada jarak yang lebih jauh dengan menggunakan kaedah penguncian GSM. Penguncian secara Bluetooth lebih sesuai digunakan untuk jarak yang lebih dekat.

4.KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dalam kajian ini pengkaji telah mereka dan menghasilkan satu sistem penguncian pintu automatik yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah pelajar politeknik atau penghuni rumah yang terlupa mengunci pintu rumah apabila keluar dari rumah. Pengkaji telah menggunakan dua kaedah penguncian automatik iaitu menggunakan *Bluetooth* dan *GSM*. Sistem penguncian yang telah dihasilkan kemudiannya diujilari untuk mengetahui perbandingan kemampuan system itumembuat proses penguncian pintu. Hasil keputusan dari ujilari mendapati untuk penguncian jarak yang jauh melebihi radius 20 meter, penguncian secara *GSM* adalah lebih sesuai berbanding penguncian secara *Bluetooth* kerana isyarat capaiannya yang terhad berbanding penguncian secara GSM. Namun begitu, bagi jarak dalam radius kurang 25 meter, penguncian secara *Bluetooth* memberikan kualiti penguncian yang lebih baik dengan kelajuan mengunci yang lebih cepat dan isyarat penerimaan yang lebih baik. Oleh itu, penguncian secara *Bluetooth* boleh digunakan sebagai alternatif untuk mengunci benda yang berdekatan seperti rak, laci, almari dan sebagainya.

Rujukan

- [1] A. Najma, B. Mohana, A. MohanBabu. 2019. “*GSM Based Door Lock System*” International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE)ISSN: 2278-3075, Volume-8 Issue-6S, April 2019
- [2] Kurniadi dan Fitriyani, 2018. *Sistem Kendali Jarak Jauh Perangkat Elektronik Berdasarkan Cloud Computing*” Sekolah Tinggi Teknologi Garut. Indonesia
- [3] Md. Nasiruzzaman 2016. *Microcontroller Based Efficient Door Lock System*” East West University Bangladesh
- [4] Md. Maksudur Rahman, Dr. Mohammed Sowket Ali dan Md. Shoaib Akther. 2018. “*Sistem Kunci Elektronik Dilindungi Kata Laluan Untuk Keselamatan Rumah Pintar*” Universiti Malaysia Pahang
- [5] Mohd Faizal Bin Muhammad Zaini. 2010. “*Remote Control Doorlock System*” Faculty of Electronic and Computer Engineering Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- [6] Muzawi, Efendi, Sahrin . 2018. “Prototaip Pengendalian Lampu Jarak Jauh Dengan Jaringan Internet Berdasarkan Internet Of Things(IOT) Menggunakan Raspberry PI 3” Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Riau

- [7] Nurulfarah Afiqah Binti Mohammad Azmi. 2013. “*Smartphone Activated Door Lock Using Wifi*”
- [8] Ogri, Okwong dan Etim. 2013. “*Reka Bentuk Pembinaan Sistem Keselamatan Mengunci Pintu Menggunakan GSM*”
- [9] Prasetyo , Isnanto, dan Widiyanto. 2014. “*Sistem Buka Kunci Automatik Menggunakan Rentetan Pola Pengenalan*”
- [10] Rafid Karim dan Haidara Al-Fakhri. 2013. “*Smart Door Lock*”. School of Information and Communication Technology (ICT) KTH Royal Institute of Technology Stockholm, Sweden
- [11] Samsiah Ahmad, Muhammad Farhan Ramli, Zalikha Zulkifli dan Lily Marlia Abdul Latif . 2020. “*Wireless IoT Smart Door Lock Using Viola-Jones Face*” *Mathematical Sciences and Informatics Journal*
- [12] Vol. 1, No. 2, Nov. 2020, pp. 70-76 <http://www.mijuitmjjournal.com>. Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Tapah Campus Perak, Malaysia
- [13] Subianto . 2016. “*Prototaip Kawalan Jauh Beberapa Penghawa Dingin Berasaskan IP Raspberry*” Department of Statistics. Universitas Syiah Kuala, Indonesia
- [14] Sura Mahmood Abdullah. 2016. “*Design Secured Smart Door Lock Based on Jaro Winkler Algorithm*”. Department of Computer Science , University of Technology , Baghdad , Iraq

Fast Dryer Machine-The Development Of Its Prototype In Kota Bharu Polytechnic

Shamsuddin Bin Abdullah
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanang,
16450 Ketereh
+60127461587,
esbande56@gmail.com

Ahmad Farudzi Bin Azib
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanang,
16450 Ketereh
+60139221971,
farudzi@pkb.edu.my.

Kamaruzaman Bin Abdullah
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanang,
16450 Ketereh
+60199594130,
kamaruzaman@pkb.edu.my.

Abstrak

This study was conducted to produce a Fast Dryer Machine. It is a project by engineering students at Kota Bharu Polytechnic. To produce this Fast Dryer Machine, a conceptual study has been started to find the most suitable design for this machine. The methodology for this study includes the planning process, design selection, design sketch, cost estimation, material purchase, manufacturing, and improvement. The results of the study of the effectiveness of this machine have shown that it meets the objectives of the study and has some specific advantages. It can reduce labour consumption and save time, compared to manual methods that take a long time. The cost of producing this project is also not too expensive and can be bought by the community. Therefore, this project has succeeded in achieving the objectives presented. Overall, the production of this machine is expected to be the beginning to produce more other products in helping the community.

Keywords: Fast Dryer, project, effectiveness

1.0 INTRODUCTION

Clothing is the most important component for human beings because it not only protects a person, but also becomes an identity for an individual. The process of clothing management, including the selection of clothing, style of dress and laundry are among the routines in human life. In this case, cleaning or washing clothes is one of the critical routines that should be taken care of by an individual. Clean clothes reflect her lifestyle, and clean clothes can also increase one's self-confidence. The method of washing for clothes can be carried out in various ways, with the presence of many specific washing machines. According to (V. Changrue and V. G. S. Raghavan, 2015) the drying method is selected based on the characteristics of the products and socioeconomic considerations.

Washing machines are domestic necessities that have changed the method in washing clothes. Prior to the invention of the washing machine, clothes were physically washed by hand and scrubbed on a washboard. Historically, the process of inventing this washing machine or washing machine began in the 19th century, during which time, between 1851 and 1871, nearly 2000 patents for washing machines were approved for production in Britain and the United States. In the early 1900s, electric motors were incorporated into washing machine inventions, but the manual method was still maintained (Sergio et al., 2003).

Today, the invention of the washing machine has evolved with an energy-saving design as well as being able to fit in a limited space. In fact, various types of washing machines have also been produced, including fast dryer machines. Design changes involving the use of new materials as well as new manufacturing technologies are actually among the things that need to be considered in the production process. Furthermore, many manufacturers are now beginning to produce washing machines targeted at individuals as well as certain community groups that need washing machines to suit their daily needs (Mushiri & Mbohwa, 2017).

The process of creation and production of a product, especially those involving machines and mechanical systems requires full precision and understanding of what is to be done. There are many steps to follow, starting from finding ideas for products to be produced, cost estimates, design, product testing as well as improvements. The whole process requires a thorough planning before one produces a product.

2.0 BACKGROUND OF STUDY

The use of washing machines is a necessity in modern life where it helps to reduce labour in the laundry. However, with unpredictable weather problems, ordinary washing machines are not able to wash and dry clothes properly. The best alternative in this case is to use a fast dryer machine. This project is carried out to produce a prototype for a fast dryer machine that is expected to help solve the problems of students and housewives who need it.

3.0 OBJECTIVES

This study has several objectives to be achieved, namely:

1. To produce a prototype for an automatic clothes dryer system that is easy and quick to use and suitable for those who do not have time to manage clothes (working and living in big cities).
2. To help reduce the use of space for those living in flats and apartments.
3. To replace the old drying method (especially during rainy days) with a more effective drying system.

4.0 METHODOLOGY

This study is an experimental study involving the production of machine for automatic fast dryer system. There are several key steps carried out in the process of producing this machine which involves work planning, design, material purchase, manufacturing, inspection, and improvement. Among the plans made are the time period to find ideas, do research and objectives for selected ideas, make cost estimates for project implementation, set the time period of project testing that has been completed and do improvement work. The course of the project should be in accordance with the time and planning that has been outlined so that it can avoid failure to produce projects according to the workflow chart.

4.1 Works Procedure

The working procedure in the production of this machine involves three main stages, namely:

1. First stage - Project introduction

This machine fast dryer machine is made of the main materials, namely hollow iron and aluminium zinc on the outside and on the inside, it is coated with a heat-resistant carpet cloth and timer switch plug. The main mechanical materials used to make this model are zinc and iron which are cut to size and then connected using welding and screws. Materials such as aluminium alloys and plug timer switches are also used to ensure heat is well controlled.

2. Second stage - Project background study

At this stage, the focus is more on scientific studies related to the production of this machine. An introduction to something (related projects that have been done before) can increase understanding and provide additional information before starting this machine production project.

3. Third stage - Hardware design

This stage is the stage to develop hardware for the Fast Dryer Machine system. This design process is made according to the study as well as the analysis that has been done at an early stage. The selection of suitable components needs to be done carefully. The function of each component needs to be identified in advance according to the data attachment in order to adapt to the hardware to be developed.

4.2 Work Tools and Materials

For hardware and work equipment, it is a list of external tools and machines used during the production process of this machine fast dryer machine. Among the equipment involved are:

1. Iron cutting machine - This machine is a cutting tool that is usually used to cut materials made of metal. This machine has a row of cutting points around it that each act as its own cutter in two rounds.
2. Drill - Used to drill holes and install zinc project frame with screws.
3. Grinder - Used to grind the excess iron on the project frame.
4. MIG welding machine - Used to connect the cut iron so that it can be used as a project framework.
5. Screwdriver - Used to open and tighten the screws on the Fast Dryer Machine
6. Test pen - Used to check the current and unscrew the electric wire screws on the blower and exhaust fan
7. Pliers - Used to pinch / hold something neatly that cannot be held by hand so that the work runs smoothly.
8. Saw - Used for cutting iron and aluminium L.

The materials used in the production process of this machine fast dryer machine are:

1. Hollow iron - In this project the main material used is iron. Iron is used to build skeletal mechanisms. Iron is a metal produced from iron ore, and is rarely found in free elemental conditions. To obtain the iron element, other mixtures must be removed through chemical reduction. Iron is used in the production of steel, which is not an element but an alloy, different metal compounds (and non-metallic parts, especially carbon). Iron is also strong and durable.
2. Aluminium iron L - To tidy up the zinc assembly when it is mounted on the frame of the Fast Dryer Machine and to prevent heat air from coming out of the aluminium zinc gap.

3. Aluminium zinc - To keep the heat temperature from coming out by blower Fast Dryer Machine
4. Plug switch - A switch is a device that can cut off electrical circuits, stop the flow of electricity or divert the flow from one of two conditions either 'closed' which means both contacts are in contact and allow electricity flow, or 'open' which means the contact is separate and does not conduct electric current.
5. Stanley Blower 200W Heat Gun - Heat gun is intended to clean the hot air and to dry the clothes that have been placed in the Fast Dryer Machine.
6. Cable tie - To fasten the blower components on the Fast Dryer Machine so that it is not detached from contact with air entering through the exhaust fan.
7. Wheels - Used to control the Fast Dryer Machine so that it can easily move anywhere and to facilitate the transfer work.
8. Carpet - Used to prevent heat from escaping through the zinc gap and can reduce the heat on the aluminium zinc.
9. Plug timer - Used to control and cut the electric current that turns on the blower so that it does not move at a set time.

4.3 Fast Dryer Machine Manufacturing Process

There are several main steps in the process of producing this fast dryer machine, namely:

1. Making Skeletal and Removing Excess Iron And Rust:
Once the frame is ready to be formed and welded, the process of cleaning excess iron using a rolling pin and sandpaper should be done to avoid rusty and dirty iron.
2. Fast Dryer Machine packaging process
The next process is the finishing of the skeletal and zinc. The skeletal and zinc are sprayed using paint, that is, on the skeletal iron using anti-rust paint and zinc is sprayed using ordinary paint because to prevent the iron part of the skeletal from rusting.
3. Installation process outside the framework of Fast Dryer Machine
Then, after the frame and zinc are dry from being sprayed with paint, the process of installing the carpet fabric on the zinc is carried out, after which the process of installing the zinc on the frame is done on the outside of the frame. In addition, the process of installing aluminium L iron is mounted on the corner wall of the frame using screws so that it looks neat.
4. Sunroof installation process on the door frame of the Fast Dryer Machine
The process of measuring and cutting the sunroof is done on the door frame of the Fast Dryer Machine. Then the process of installing the sunroof is carried out on the frame door, and the sunroof is fastened with screws to make it look neat.
5. Installation Process In Fast Dryer Machine
After the process of installing the frame cover is completed, then the process of installing the blower with the exhaust fan and also the wires is done on the frame of the Fast Dryer Machine in order to function properly.

4.4 Estimated Cost

The estimated cost of the project is the cost incurred before a project material is purchased to complete the project. After knowing the price of each required item, cost estimation must be made. This is to facilitate the purchase of necessary items and to avoid wastage. **Table 1** shows the estimated cost for this fast dryer machine prototype production project.

Table 1: Estimated Cost for Development of Fast Dryer Machine

Num	Tools and materials	Quantity	Cost (RM)
1	Hollow iron (1x1)	3	70
2	Aluminium L zinc	3	30
3	Aluminium zinc	10 feet	70
4	Exhaust fan	1	30
5	Plug timer switch	1	20
6	Blower	1	20
7	Other equipments		200
TOTAL			620

5.0 RESULTS AND DISCUSSION

The results obtained in this study are the findings on the effectiveness of this machine implemented. Several aspects have been studied on the Fast Dryer Machine, including the work that needs to be on the system such as weight, force to be borne, mechanical efficiency, durability, material movement speed, project life, safety factors and many more. Safety factors should also be emphasized in the design of Fast Dryer Machine.

After conducting further research on this Fast Dryer Machine, it was found that there are several advantages to this project produced. Among the advantages that can be seen in this project are as follows:

- Eco-friendly tool.
- The operation process is simple and does not require specialized expertise to operate it.
- It can reduce manpower.
- Easy to move anywhere.
- Does not require much space to place it.

Table 2: The difference between using a regular dryer and a Fast Dryer Machine.

Material	Regular Dryer	Fast Dryer Machine
Nylon shirt	15 minutes	10 minutes
Cotton shirt	20 minutes more	15 minutes
Polyester Shorts	15 minutes	10 minutes
Trousers	20 minutes more	20 minutes

Several aspects have been studied on the Fast Dryer Machine including the time taken to dry clothes, energy consumption, risk of injury and durability. After doing further research on this Fast Dryer Machine, it was found that there are several advantages to this project produced. From **Table 2**, among the advantages that can be seen in this project is that it takes a short time to dry the nylon shirt which is only 10 minutes compared to the normal drying which is 15 minutes. While for cotton shirt,

it takes only 15 minutes compared to normal drying which is 20 minutes more. For polyester shorts, the time taken is only 10 minutes compared to the usual method of 15 minutes. Finally, drying for normal pants like trousers only takes 20 minutes compared to the normal method, which is more than 20 minutes.

Overall, the most important aspect of this study was to produce a suitable design for the machine. Some design sketches need to be made first until the best sketch is obtained. The design of this project is also considered from several aspects such as size, materials used, type of iron, as well as the position of each component in the designed project model. This is important because if a careless study is done, it will endanger the safety of users and can cause unwanted accidents to occur. This means safety must be applied as a first principle in product design and across the value chain (Borgia 2014; Porter and Heppelmann 2015).

The size of the model design also plays an important role in producing this project. The dimensions on the sketch produced before starting to draft are very important because it facilitates the work of cutting iron as a result of the predetermined size. From the sketches and dimensions, we were able to see the actual size of the tool to be built. The selection of raw materials should also be appropriate because it affects the production of projects with reasonable prices and high durability. To produce a durable Fast Dryer Machine, it is made using hollow iron.

6.0 CONCLUSION AND RECOMMENDATIONS

In conclusion, this Fast Dryer Machine production project can help all walks of life, housewives, and small or medium entrepreneurs in the industry. With the production of this project, it can also reduce labour consumption and save time, compared to manual methods that take a long time. The cost of producing this project is also not too expensive and can be bought by the community. Therefore, this project has succeeded in achieving the objectives presented.

Hopefully in the future, it can be used widely as it saves more time and does not require a long time to dry; in fact it is easy to handle by all sections of society with a simple design.

References

- Mushiri, T., & Mbohwa, C. (2017). Design and Fabrication of a Pedal Powered Washing Machine, 355–366.
- Sergio, A., Duarte, J., Relvas, C., Moreira, R., Freire, R., Ferreira, J. L., & Simoes, J. A. (2003). The design of a washing machine prototype, 24(03), 331–338. [https://doi.org/10.1016/S0261-3069\(03\)00042-6](https://doi.org/10.1016/S0261-3069(03)00042-6)
- Borgia E (2014) The internet of things vision: key features, applications and open issues. *Comput Commun* 54:1–31. <https://doi.org/10.1016/j.comcom.2014.09.008>
- Porter ME, Heppelmann JE (2015) How smart, connected products are transforming companies. *Harv Bus Rev*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- V. Changrue and V. G. S. Raghavan, “Stewart Postharvest Review,” no. January 2015, 2006.

Penghasilan Alat Bantu Mengajar Bagi Sistem Ekzos Di Politeknik Kota Bharu

Mohd Sobri Bin Hussin
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60199941969,
sobri@pkb.edu.my.

Ahmad Farudzi Bin Azib
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60139221971,
farudzi@pkb.edu.my.

Omar bin Mamat
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60199173748,
omar@pkb.edu.my.

Abstrak

Alat bantu mengajar (ABM) adalah penting dalam memberi kefahaman yang lebih mendalam buat pelajar dan membantu tenaga pengajar untuk menjalankan proses pengajaran. Kajian eksperimen ini dijalankan bagi menghasilkan alat bantu mengajar khusus untuk memahami sistem ekzos kenderaan. Keseluruhannya, kajian ini berjaya mengeluarkan suatu alat bantu mengajar baru bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran para pelajar di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Bharu.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan adalah aspek utama serta penting dalam kehidupan seseorang. Pada hari ini, banyak pendekatan dalam bidang pendidikan yang telah dijalankan bagi menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran lebih menarik dan efektif buat para pelajar. Selain daripada bahan-bahan pembelajaran yang lebih komprehensif, serta tenaga pengajar yang lebih berkemahiran dalam bidang masing-masing, penggunaan alat bantu mengajar juga amat membantu untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam untuk para pelajar (Abdul Rahim & Hayazi, 2017).

Alat bantu visual adalah alat yang membantu menjadikan sesuatu masalah atau pelajaran lebih jelas atau lebih mudah difahami dan diketahui (gambar, model, carta, peta, video, slaid, objek sebenar dan lain-lain). Terdapat banyak alat bantu visual yang tersedia dalam dunia pendidikan hari ini. Alat bantu mengajar ini boleh diklasifikasikan sebagai alat bantu visual yang menggunakan penglihatan iaitu disebut juga sebagai alat bantu visual. Contohnya: - model, objek sebenar, carta, gambar, peta, papan flanel, kad flash, papan buletin, papan tulis, slaid, projektor overhead dan sebagainya. Dari senarai ini, papan hitam dan kapur ini adalah alat bantu visual yang paling biasa (Shabiralyani, Hasan, Hamad, & Iqbal, 2015).

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, bahan bantuan mengajar lebih membantu merangsangkan dunia pelajar untuk belajar. Penggunaan bahan bantuan mengajar member sumbangan yang amat besar dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru dan pelajar. Bahan bantuan mengajar ini juga dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam kaedah pengajaran guru yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman (Elyani, Musa, Hadzira, & Mohamad, 2013).

Daya kefahaman pelajar terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi berbanding hanya dengan tertumpu kepada teks dan buku sahaja. Penggunaan alat sebenar dapat memberikan pendedahan dan gambaran sebenar berkaitan teori atau input yang dipelajari oleh pelajar. Justeru, ciri-ciri yang penting yang perlu ada pada satu alat bantuan mengajar (ABM) adalah memberi kemudahan kepada pelajar dalam melihat gambaran sebenar apa yang telah dipelajari.

Penggunaan alat bantu mengajar secara visual, iaitu merangkumi penggunaan peralatan tertentu seperti komputer, tayangan slaid, peralatan mekanikal dan sebagainya adalah sangat efektif dalam merangsang daya pemikiran pelajar. Selain itu, dapat meningkatkan dan mengukuhkan kefahaman pelajar terhadap konteks pembelajaran yang ditetapkan atau *Course Learning Outcome (CLO)* dan justeru dapat menyesuaikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kajian serta projek penghasilan alat bantu mengajar secara visual ini amatlah digalakkan dalam membantu meningkatkan kefahaman para pelajar.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kekurangan alat bantu mengajar, terutamanya bagi subjek-subjek yang berkaitan dengan kejuruteraan dan melibatkan penggunaan peralatan mekanikal merupakan suatu masalah biasa bagi pensyarah teknikal. Pelajar menghadapi kesukaran dalam memahami dengan lebih jelas tentang sesuatu topik mekanikal seperti sistem ekzos. Pensyarah juga menghadapi masalah kerana kesukaran dalam pengajaran dengan hanya mengajar teori berdasarkan buku semata-mata. Keadaan ini menyebabkan pensyarah akan mengambil masa yang lama untuk menjelaskan berkaitan sistem yang terdapat dalam kenderaan seperti sistem ekzos.

Pelajar boleh kehilangan minat mereka sekiranya sesuatu perkara hanya diterangkan melalui teori yang agak membosankan dan kurang difahami. Penggunaan alat sebenar dalam sistem pembelajaran dan pengajaran dalam subjek Automotif dapat membantu pelajar untuk lebih memahami lebih mendalam akan sesuatu sistem kenderaan. Kajian ini telah dijalankan untuk menghasilkan alat bantu mengajar yang benar-benar sesuai dengan subjek Automotif bagi membantu para pelajar untuk memahami keadaan sistem ekzos kenderaan.

1.2 Objektif

Objektif utama bagi kajian ini adalah untuk menghasilkan alat bantu mengajar yang sesuai bagi memahami sistem ekzos. Manakala, objektif spesifik bagi kajian ini adalah:

1. Untuk merekabentuk alat bantu mengajar bagi sistem ekzos yang mudah difahami.
2. Untuk mengenalpasti komponen gerakan dalam mengendalikan sistem ekzos kenderaan.
3. Untuk membuat perbandingan di antara pembelajaran secara praktikal menggunakan alat bantu mengajar dengan pembelajaran secara teori.

2.0 METODOLOGI

Ini adalah kajian eksperimen dalam menghasilkan alat bantu mengajar bagi memahami sistem ekzos kenderaan. Kajian ini mempunyai beberapa prosedur serta gerak kerja yang tertentu, iaitu:

1. Tinjauan literatur

Tinjauan terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penghasilan alat bantu mengajar untuk sistem ekzos. Proses pencarian maklumat ini meliputi carian idea rekaan yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi serta carian tentang anggaran kos projek yang memenuhi kriteria yang diperlukan. Penghasilan rekabentuk harus berasaskan kepada kepentingan rekaan tersebut dengan situasi semasa, boleh memberi maklumat yang mudah (sebagai alat bantu mengajar) dan menjimatkan masa serta tenaga.

2. Penghasilan rekabentuk/lukisan kejuruteraan

Setelah tinjauan literatur dan perbincangan dijalankan untuk tajuk akhir sebelum memulakan proses rekabentuk. Lakaran kejuruteraan ini perlu dilakukan bagi mendapatkan gambaran sebenar rekabentuk projek yang akan dihasilkan. Ia adalah lakaran awal bagi memenuhi keperluan yang terlibat. Dalam lakaran ini, terkandung spesifikasi sebenar projek seperti dimensi rangka, ukuran papan serta kedudukan komponen yang disusun pada papan paparan. Ia harus dilakukan dengan teliti bagi mengelakkan masalah spesifikasi ukuran dengan ukuran sebenar projek.

3. Penghasilan panel rangka bagi alat bantu mengajar sistem ekzos

Panel rangka dihasilkan dengan kepingan besi yang dipotong mengikut spesifikasi ukuran dan dicantumkan menggunakan mesin kimpalan. Pemilihan bahan seperti struktur besi yang kukuh amat penting untuk penggunaan lasak serta menampung beban komponen yang akan dilekatkan pada papan paparan.

4. Pemasangan komponen

Apabila panel rangka dan papan paparan alat bantuan mengajar telah siap dipasang, kerja-kerja penyusunan dan pemasangan setiap komponen sistem ekzos pada papan telah dijalankan.

5. Pengujian alat bantu mengajar

Setelah semua komponen siap dipasang, projek perlu diuji tahap keselamatan pada pengguna dan pemerhatian perlu dilaksanakan bagi melihat kedudukan dan susun atur komponen yang betul serta penandaan komponen yang tepat. Ini bertujuan untuk memastikan objektif dalam penghasilan projek akhir ini dipenuhi dan tercapai.

6. Penambahbaikan

Ini merupakan kaedah bagi memastikan kesempurnaan projek ini, iaitu setelah semua komponen dipasang. Kepentingan kekemasan bagi menampakkan projek yang dihasilkan lebih menarik dan menjamin mutu dan keselamatan apabila siap sepenuhnya.

2.1 Peralatan dan komponen

Terdapat beberapa peralatan dan komponen utama yang terlibat dalam projek penghasilan alat bantu mengajar ini, iaitu:

1. Mesin pemotong (mesin canai pemotong) – digunakan untuk memotong dan mencanai logam sewaktu membuat panel rangka
2. Agen pencuci – untuk membersihkan sisa kotoran pada komponen sistem ekzos

3. Mesin kimpalan – untuk mengimpal besi sewaktu penghasilan panel rangka
4. Mesin pemotong kayu
5. Pembaris

2.2 Langkah keselamatan

Keselamatan merupakan perkara utama yang harus diberi perhatian sewaktu proses penghasilan alat bantu mengajar bagi sistem ekzos ini. Antara langkah keselamatan yang perlu dipatuhi sewaktu menjalankan kajian ini adalah:

- i. Setiap individu perlu memahami terlebih dahulu pengendalian setiap alatan dengan betul yang terdapat di bengkel.
- ii. Pemakaian baju yang sesuai semasa berada di dalam bengkel.
- iii. Elakkan daripada memakai jam tangan atau perhiasan semasa melakukan kerja-kerja di bengkel.
- iv. Memberi sepenuh perhatian semasa melakukan kerja atau mengendalikan mesin di bengkel.
- v. Jangan bergurau atau bermain di dalam bengkel.
- vi. Penggunaan alat tangan yang sesuai mengikut prosedur yang ditetapkan. (*Standard Operation Procedure, SOP*)
- vii. Memakai kasut yang sesuai atau yang disediakan di bengkel.

2.3 Anggaran kos

Anggaran kos bagi kajian ini harus dilakukan sebelum memulakannya. Jadual 1 tersebut menunjukkan anggaran kos bagi projek ini.

Jadual 1: Anggaran Kos bagi Projek

Bil	Barang/peralatan	Kuantiti	Harga (RM)	Kos (RM)
1	Komponen sistem Ekzos <ul style="list-style-type: none"> • <i>Manifold</i> • <i>Catalytic converter</i> • <i>Shell</i> • <i>Substrate</i> • <i>Inner and outer cone</i> • <i>Flexible bellow</i> • <i>Muffler assembly</i> • <i>Flanges</i> • <i>Intermediate pipe</i> • <i>Hanger rod</i> • <i>Gasket</i> 	1 set	200	200
2	Besi pembuatan rangka <ul style="list-style-type: none"> • SQ pipe 1-2/8”(1.0mm) • SQ pipe 1-2”(1.0mm) • SC 003 	6m 6m 4	14.00 14.00 6.50	14.00 14.00 26.00

3	Papan	1	35	35
4	OST cut Off-Off Wheel 4"	2	2.30	4.60
5	Kain	1.5m	9	13.50
6	ASB Carb Spray 400ml	2	14	29.70
7	Lain-lain kos <ul style="list-style-type: none"> • Sewa welding • Menyediakan laporan projek • Bol & nat 			163.20
JUMLAH				500

2.4 Pengujian projek

Prosedur ini dijalankan bagi memastikan semua komponen disusun dengan betul dan tahap keselamatan projek sebelum penggunaannya kelak.

3.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan keputusan adalah berdasarkan analisa terhadap pemerhatian yang dijalankan pada keberkesanan alat bantu mengajar sistem ekzos ini dalam membantu proses pembelajaran dan pengajaran. Terdapat dua ujian utama yang dilakukan terhadap alat bantu mengajar ini setelah siap proses penghasilannya, iaitu:

1. Ujian spesifikasi saiz komponen

Ujian spesifikasi ini dilakukan untuk mengetahui saiz komponen yang digunakan sama dengan saiz komponen pada kenderaan. Secara keseluruhannya, komponen projek ini adalah sama dengan komponen yang sebenar dan lulus ujian ini dengan sempurna. Ia adalah selamat digunakan oleh pelajar dan pensyarah.

2. Ujian keselamatan

Ujian keselamatan ini dilakukan bagi menentukan tahap keselamatan komponen yang dipaparkan pada papan. Bahagian keratan rentas yang dipotong telah dicanai dengan sempurna untuk mengelakkan bahagian tepi tersebut tajam dan kasar. Secara keseluruhannya, setiap komponen yang dipaparkan tidak merbahaya kepada pelajar dan pensyarah.

Secara keseluruhannya, projek penghasilan alat bantu mengajar untuk sistem ekzos ini adalah berjaya dengan semua komponen dan bahan keperluan semasa penghasilan projek berjaya didapati dengan harga yang berpatutan dan bersesuaian dengan jumlah bajet yang telah dirangka sebelum ini.

4.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini merupakan suatu kajian khusus untuk menghasilkan alat bantu mengajar bertujuan untuk lebih memahami subjek yang berkaitan dengan sistem ekzos kenderaan. Walaupun terdapat beberapa masalah yang dihadapi sebelum dan sewaktu menjalankan kajian ini, namun ia berjaya diatasi dengan penambahbaikan terhadap lakaran rekabentuk serta pemilihan komponen yang lebih bersesuaian. Namun begitu, projek ini masih lagi memerlukan beberapa kaedah peningkatan untuk mengatasi kelemahan yang terdapat padanya.

Projek ini mempunyai potensi untuk dikembangkan dan diharapkan pada masa akan datang, ia dapat ditambahbaik melalui:

1. Pemasangan dan kedudukan komponen projek yang lebih teratur dan mudah.
2. Kaedah ilustrasi yang menarik dapat membantu menarik minat pelajar untuk memahami sistem ini.

Rujukan

- Abdul Rahim, H., & Hayazi, M. Y. (2017). Penggunaan alat bantu mengajar di kalangan guru-guru teknikal di Sekolah Teknik daerah Johor Bahru, Johor, (February).
- Elyani, N., Musa, B., Hadzira, M., & Mohamad, B. (2013). Keberkesanan Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar Dalam Pelaksanaan Kursus Sains Kejuruteraan di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah*, 1(1), 223–230.
- Shabiralyani, G., Hasan, K. S., Hamad, N., & Iqbal, N. (2015). Impact of Visual Aids in Enhancing the Learning Process Case Research: District Dera Ghazi Khan. *Journal of Education and Practice*, 6(19), 226–233.

Merekabentuk Recycle Water

Ahmad bin Omar
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh, Kelantan
+60199178640
ahmadomar@pkb.edu.my.

Sukiman bin Mohammad
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh, Kelantan
+60129379253
sukiman@pkb.edu.my.

Mohd Ariff Bin Ibrahim
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh, Kelantan
+60199170192
ariff@pkb.edu.my.

Abstrak

Recycle water ialah satu alat yang dicipta untuk menapis air kotor dan minyak hasil daripada cucian komponen bengkel. Alat ini mudah dikendalikan, seperti boleh ditolak ke tempat yang dikendaki kerana mempunyai roda. Ini akan meringankan kerja semasa menggunakannya di dalam bengkel. Di samping itu, alat ini juga dapat menjimatkan penggunaan air semasa mencuci komponen kecil semasa berada di dalam bengkel, namun begitu orang awam juga boleh menggunakannya untuk kegunaan di rumah. Selain itu, pemilihan bahan yang bermutu tinggi memberi ketahanan kepada projek ini. Dengan ini, hasil kajian yang dijalankan adalah mendapati bahawa alat ini memberi kemudahan kepada pengguna. Dapat disimpulkan bahawa objektif tercapai iaitu sebanyak 94%. Oleh itu, penghasilan projek dapat mencapai objektif utama projek.

Kata kunci: *Recycle, water, menapis*

1.0 PENGENALAN

Air merupakan keperluan asas dalam kehidupan seharian manusia. Namun begitu, isu pencemaran air masih berlaku walaupun negara ini sedang menuju kemajuan. Air dan udara masing-masing penting untuk dijaga. Tetapi dalam arus kemodenan ini juga, telah timbul masalah berkaitan pencemaran udara. Kualiti udara semakin menurun dari hari ke hari (Tg.Faizal 1998) Masalah ini amat membimbangkan kerana boleh menyebabkan bekalan air bersih semakin berkurang. Isu pencemaran air ini serius diperdebatkan samada di media massa kerajaan amnya dan juga di laman sosial umum seperti instagram, facebook, whatsapp dan sebagainya. Berlakunya pencemaran air ini banyak berpunca dari aktiviti kilang yang tidak mematuhi akta OSHA. Kebanyakan kilang sengaja dibina di sepanjang sungai supaya bahan buangan senang disalurkan terus ke dalam sungai. Masalah yang timbul apabila cecair kimia yang dilepaskan tidak dirawat terlebih dahulu dan mengandungi bahan toksik yang mencemarkan air sungai dan laut. Selain itu, toksik tersebut juga boleh menyebabkan hidupan akuatik seperti ikan dan tumbuhan pupus.

Oleh yang demikian, satu alternatif cuba diperkenalkan supaya meminimumkan pencemaran air, iaitu "Recycle Water". Projek ini bertujuan mengurangkan kadar pencemaran air yang berlaku secara amat berleluasa kini. Di bengkel automotif, pencemaran air ini disebabkan salah satu konsep asas pembersihan yang sepatutnya ada tetapi diabaikan iaitu proses "menapis air" terhadap komponen kotor yang dicuci. Projek ini dikhaskan untuk mencuci komponen kecil injin semasa di bengkel. Beberapa bahan seperti sabut kelapa, biji batu kecil, arang dan pasir digunakan sebagai perantara

bahan yang menapis air kotor hasil daripada mencuci komponen kecil. Air kotor tersebut akan cuci semula apabila melalui kesemua bahan tapisan.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Berdasarkan pengkajian yang dijalankan, pencemaran air berlaku disebabkan sikap masyarakat itu sendiri yang lepas tangan iaitu tidak memikirkan kesan buruk terhadap alam sekitar dengan melakukan pencemaran sesuka hati. Pencemaran air bukan sahaja berlaku di sungai, tetapi juga di laut, pantai dan di tempat air mengalir seperti longkang. didapati bahawa industri automotif antara penyumbang kepada pencemaran dan pembaziran air semasa kerja mencuci perkakasan automotif dilakukan. Semasa pemerhatian dijalankan, longkang yang berada berhampiran dengan bengkel dikenalpasti berbau busuk dan kotor serta tidak mengalir dengan baik dan dikotori cecair berwarna hitam pekat dan berminyak. “Hazardous chemical waste may be in solid, liquid or in gaseous form. He characteristics which make material hazardous are corrosively, Ignitability, toxicity and reactivity” (Laboratory Chemical, 2016)

Kesimpulannya, bengkel yang tidak merawat air kotor tersebut sebelum dilepaskan ke saluran air akan saluran longkang akan pergi ke sungai dan laut. Bayangkan, berpuluh puluh bengkel yang melepaskan air kotor dan berbau ke dalam sungai dan laut yang mengandungi pelbagai hidupan di dalamnya. Sebab itulah terdapat banyak haiwan akuatik mati dapan dengan pencemaran air yang amat melampau ini. Phosphate is the main contributor to eutrophication its high concentration promotes Cyanobacteria and Algae growth which ultimately reduces dissolved oxygen in water (Werner W, 2002).

Selain itu, semasa lawatan ke bengkel dijalankan, seorang pekerja didapati sedang membassuh komponen enjin di luar bengkel iaitu di hadapan bengkel. Kerja membasuh enjin itu dilakukan pada sebatang paip di mana hanya itu sahaja sumber air yang boleh didapati untuk melakukan aktiviti mencuci kereta (car wash) mahupun membersihkan komponen berminyak seperti blok enjin dan komponennya.

Kesimpulannya, terdapat beberapa kelemahan dalam industri yang sehingga hari ini masih lagi berlaku. Oleh itu, inisiatif yang sewajarnya haruslah dilakukan segera demi kebaikan semua pihak dan hidupan.

3.0 OBJEKTIF

Penciptaan projek ini adalah bertujuan untuk memudahkan kerja mencuci komponen enjin. Mesin ini sesuai digunakan untuk kegunaan kerja di dalam bengkel motosikal dan kereta kereta. Selain itu, mesin ini juga mempunyai ciri-ciri lain iaitu mudah digerakkan ke tempat yang dikehendaki, dan tidak perlu lagi pergi ke tempat cuci yang tetap tersebut. Selain menjimatkan masa, tenaga juga dapat dikurangkan untuk menyiapkan kerja mencuci ini jika menggunakan projek ini. Permintaan air bersih yang tinggi mendorong pelbagai teknologi baharu dibina bagi mencapai matlamat ini dalam penghasilan air yang bermutu untuk digunakan (Muhammad,2015)

Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menjimatkan penggunaan air semasa kerja mencuci dilakukan. Oleh itu, penapis air dan medium turasan ini digabungkan untuk melancarkan lagi proses penurasan seterusnya untuk meningkatkan tahap kejernihan air dalam masa yang singkat.

Mencipta mesin menapis air mudah alih untuk mengurangkan beban pekerja semasa di bengkel. Antaranya ialah, menyediakan roda bagi memudahkan pekerja membawa mesin untuk membasuh peralatan di tempat yang dikehendaki tanpa keluar dari bengkel.


4.0 METODOLOGI KAJIAN

Senarai bahan ditunjukkan di dalam Jadual 4.1. Kesemua bahan tersebut digunakan untuk menghasilkan projek “Recycle Water”

Jadual 4.1: Senarai Bahan Mentah

BIL	BAHAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT(RM)	JUMLAH(RM)
1	Besi + welding	1	50.00	50.00
2	Roda	1	35.00	35.00
3	Paip air	1	18.00	18.00
4	White tap	1	0.60	0.60
5	Bekas air	1	30.00	30.00
6	Gam pvc	1	2.50	2.50
7	Paip plastic	1	1.50	1.50
8	Skru + nat	1	5.00	5.00
9	Pam air	1	50.00	50.00
10	Perspek	2	50.00	100.00
11	Besi penyokong filter	1	2.00	2.00
12	Lapisan kayu	2	15.00	30.00
13	Hos paip	1	5.00	5.00
14	Sinki	1	50.00	50.00
15	Paip-paip penapis air	1	69.00	69.00
			JUMLAH	449.90

Langkah pertama yang perlu dibuat selepas pemilihan bahan-bahan yang ingin digunakan dalam merekabentuk recycle water (penapis air). Membuat ukuran pada keluli yang hendak dipotong tersebut mengikut ukuran yang telah ditetapkan. Pada Rajah 4.1 adalah carta alir proses pembuatan Recycle Water:



Rajah 4.1 Carta alir proses pembuatan projek Recycle Water




Rajah 4.2 Memotong keluli dan mengimpal mengikut sambungan yang sesuai.

Apabila selesai proses pengukuran, langkah seterusnya membuat pemotongan pada besi tersebut dengan berhati-hati supaya menjadi bentuk yang diinginkan. Selain itu, membuat sambungan besi untuk membuat sebuah kerangka besi dengan menggunakan kaedah welding sebagaimana Rajah 4.2 di atas. Seterusnya, proses membuat kerangka besi pun sudah siap dan teruskan dengan memasang roda pasang kerangka besi iaitu seperti Rajah 4.3 berikut.



Rajah 4.3 Roda yang telah siap dipasang

Setelah siap pasang roda pada kerangka besi, kemudian pasang sinki pada kerangka besi dan lekatkan skru sinki pada kerangka besi. Selain itu, pasang paip air pada sinki seperti Rajah 4.4. Pasangan paip air pada bahagian sisi tengah sinki untuk memudahkan proses pencucian komponen kotor.



Rajah 4.4 : Sinki dan paip air dipasang.

Setelah siap memasang paip air pada sinki, kemudian sambungkan bahagian paip yang digunakan untuk membuat penapis air seperti ditunjukkan pada Rajah 4.5. Dengan menggunakan gam pvc untuk menyambung paip air bagi mengelakkan kebocoran pada penapis. Kecuali bahagian yang hendak dibuka semula. Seterusnya, pasang paip penapis air pada bahagian bawah sinki atau tempat air daripada sinki mengalir keluar. Dalam sambungan paip penapis air dengan sinki diletakkan white tap bagi mengelakkan kebocoran pada bahagian sambungan.



Rajah 4.5: Penapis air yang terdiri dari lapisan batu bata, pasir, kain putih dan arang.

Setelah siap pasang paip penapis air pada sinki, kemudian pasang penyokong pada paip penapis air bagi mengelakkan paip penapis air tercabut daripada sinki dan juga mengelakkan paip penapis air bergerak apabila projek recycle water dialihkan ke satu tempat. Selain itu, pasang paip plastik yang hendak digunakan sebagai paip cuci pada bekas air untuk mengalirkan air yang terlalu kotor daripada

bekas air. Dengan menggunakan white tape bagi mengelakkan kebocoran. Bekas air diletakkan pada kedudukan dibawah paip penapis air

Seterusnya, pasang pam air dalam bekas air dan pasangkan hos air untuk menyambungkan antara pam air dengan paip air bagi mengalirkan air daripada bekas air ke paip air untuk digunakan untuk mencuci alatan bengkel. Akhir sekali, pasang perspek pada kerangka besi untuk menutup bahagian dalam kerangka besi dengan menggunakan ribe. Proses ini juga dapat menghasilkan projek recycle water yang kemas dan cantik.


5.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kaedah eksperimen digunakan untuk mengkaji konsep “penapis air” berfungsi. Disebabkan, komponen yang hendak dicuci mengandungi kotoran minyak hitam, minyak petrol dan bendasing yang bersaiz kecil. Oleh itu, bahan penapis mestilah mampu menyaring minyak kotor serta molekul yang ada pada air hasil cucian komponen kecil.

KAEDAH ANALISIS DATA

i) UJIAN 1

Berikut adalah data yang direkodkan semasa ujian dilakukan:




BILANGAN HARI	1	3	5	8
SKALA AIR	Jernih	Perang	Kehitaman	Hitam Berkelodak

Rajah 5.1 : Graf masa yang diambil untuk air berubah tekstur

ii) UJIAN 2

Semasa kerja mencuci komponen kecil dilakukan, didapati molekul air dan minyak hitam(kotor) bercampur dan bahan penapis bekerja untuk mengasingkan 2 jenis molekul ini supaya mendapat hasil air tapisan yang jernih dan terbaik. Untuk itu, satu kajian dijalankan bagi mengukur masa yang diambil untuk bahan penapis menyaringkan air dan minyak hitam(kotor) menjadi jernih. Dengan menggunakan kuantiti yang ditetapkan, catatan masa adalah seperti berikut:



Campuran	Campuran minyak hitam(kotor) dan air (ml)		Masa untuk air ditapis (saat)
	Air	Minyak	
A	800 ml	50 ml	1 minit
B	800 ml	60 ml	2 minit
C	800 ml	80 ml	3 minit

Rajah 5.2 : Graf Masa yang diambil untuk campuran minyak dan air ditapis.

Apa yang dapat disimpulkan berdasarkan graf 5.2 ialah semakin meningkat jumlah minyak yang bercampur dengan air, semakin meningkat masa yang diambil untuk air ditapis. Oleh itu, peningkatan molekul minyak meningkatkan masa yang diambil untuk air ditapis menjadi air yang jernih. The major difference between produced water and process water is that the produced water contains the majority of the dissolved mineral ions whereas the refinery process water generally contains comparatively less dissolved inorganic (mineral) ions. However, the refinery process creates many breakdown chemical compounds during the chemical transformation which are generally less or nonexistence in the produced water (Selvaraj Munirasu, 2016)

6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Penciptaan recycle water (penapis air) ini diilhamkan berdasarkan kepada keperluan pengguna serta peralatan sedia ada yang digunakan pada masa kini. Pembuatan recycle water (penapis air) ini adalah berdasarkan objektif yang ingin dicapai, iaitu memudahkan pengguna untuk memindah air dari satu tempat ke tempat yang lain, lakukan ini dapat meringankan beban mereka di mana mereka tidak perlu lagi mengambil risiko untuk memikul mesin penapis air tersebut. Pendekatan yang digunakan mesti memastikan kualiti air yang dikitar semula adalah mencapai kepuasan komuniti setempat (AC Hurlimann 2005). "Such an approach will ensure the quality of the recycled water will be to the community's satisfaction".

Terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dibuat pada projek ini pada masa akan datang. Antaranya iaitu mengubahsuai reka bentuk sinki supaya lebih bersesuaian untuk kegunaan di dalam bengkel dan yang kedua menggunakan diameter hos paip yang lebih kecil untuk meningkatkan tekanan air supaya air yang keluar daripada paip lebih laju. Rajah 5.3 adalah gambarajah projek yang telah siap dibina.



Rajah 5.3: Projek yang telah siap.

Rujukan

- Muhammad 'Izzat Naquiuddin, Ramli (2015) Mesin Penapis Air Mudah Alih Untuk Aktiviti Luar. Project Report. UTeM, Melaka, Malaysia.
- Tengku Mohd Faizal Tengku Kadir, Shamsudin and Ku Hashim, Ku Hasrol Hardi and Abu Samah, Nor Azlin(1998); Penapis udara (air filter) Projek Report, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Selangor
- A.C. Hurlimann, JM McKay (2005);What attributes of recycled water make it fit for residential purposes? The Mawson Lakes experience . Elsevier, Science Direct. Volume 187, Issues 1–3, 5 February 2006, Pages 167-177
- Laboratory chemical waste management guidelines (2016) Environmental Health and Radiation

Safety University of Pennsylvania

Werner W (2002) Fertilizers, 6. Environmental Aspects. Ullmann's Encyclopaedia of Industrial Chemistry, Wiley-VCH, Weinheim.

Selvaraj Munirasu, Mohammad AbuHaija, Fawzi Banat (2016) Use of membrane technology for oil field and refinery produced water treatment, Process Safety and Environmental Protection Volume 100, March 2016, Pages 183-202

Inovasi Alat Pengasing Telur

Roslehaini binti Hamzah
Politeknik Kota Bharu,
KM 24 Kok Lanang,
16450 Ketereh, Kelantan.
Tel:+60125530753
roslehaini@pkb.edu.my

Che Seman Bin Che Cob
Politeknik Sultan Mizan Zainal
Abidin,
KM 08, Jalan Paka, 23000
Dungun, Terengganu.
Tel:+60199111502
cheseman@psmza.edu.my

Md Fadzil Bin Hasbollah
Politeknik Kota Bharu,
KM 24 Kok Lanang,
16450 Ketereh, Kelantan.
Tel:+6015709043
mdfadzil@pkb.edu.my

Abstrak

Telur merupakan bahan mentah utama di dalam industri makanan di Malaysia, terutamanya dalam proses bakeri. Kebiasaannya pemisahan antara telur putih dan kuning dibuat sebiji demi sebiji dan memakan masa yang lama sekiranya telur perlu digunakan dalam kuantiti yang banyak. Inovasi Alat Pemisah Telur ini boleh mengasingkan maksimum 20 biji telur dalam satu masa. Pemisah telur ini mempunyai tiga takungan. Takungan pertama untuk mengisi telur selepas dipecahkan, takungan kedua untuk mengumpul telur putih yang telah diasingkan dan takungan ketiga untuk mengumpul telur kuning. Pada takungan kedua dipasangkan dengan pemisah untuk memisahkan telur putih dari telur kuning. Pemisahan telur bergantung kepada tekstur telur putih dan sudut pemisah telur yang ditetapkan. Sudut kecondongan pemisah ditetapkan secara kekal pada 10° kerana pada sudut ini pemisahan telur kuning dan putih terhasil dengan baik. Masa yang diambil untuk memisahkan telur adalah 10 saat berbanding dengan menggunakan pemisah telur yang lama. Kecekapan alat ini adalah 80% - 90% bergantung kepada kualiti telur dan proses pemisahan boleh dibuat secara berulang.

Keywords: *Telur, pemisah telur, industri makanan.*

1.0 PENGENALAN

Malaysia terkenal dengan kepelbagaian makanan pencuci mulut yang beraneka rasa dan warna. Proses penghasilan pencuci mulut memerlukan telur sebagai salah satu ramuan yang penting di dalamnya. Penggunaan telur memberikan rasa yang enak dan lazat serta menjadikan kuih muih lebih lembut. Selain itu, telur juga senang didapati dan harganya murah menyebabkan ia menjadi bahan pilihan di dalam proses penghasilan kuih muih dan kek.

Menurut Rahayu (2003), kandungan nutrisi yang mencukupi menjadikan telur banyak digunakan dan diproses menjadi produk proses lain. Kandungan protein telur terdapat dalam telur putih dan kuning. Kandungan nutrien telur termasuk: 73.7% air, 12.9% protein, 11.2% lemak, 0.9% karbohidrat, dan hampir tiada lemak dalam putih telur. Hampir kesemua lemak dalam telur terdapat pada kuning telur iaitu 32% sedangkan pada putih telur tiada lemak, maka pemerhatian lemak dan kolesterol lebih berkesan pada kuning telur. Kandungan lemak agak tinggi dalam kuning telur, penggunaan telur yang berlebihan amat memudaratkan kesihatan.

Telur merupakan salah satu produk yg popular dengan kandungan kalori yang rendah dan kandungan protin yang tinggi ("Susu dengan telur untuk pertumbuhan, n.d.). Bagi yang berhasrat untuk

menurunkan kandungan kolestrol dalam makanan, mereka hanya menggunakan putih telur di dalam masakan mereka (wikiHow, 2016). Walaubagaimanapun, industri makanan (terutama industri pembuatan roti dan pastri) banyak menggunakan kuning telur berbanding dengan putih telur. Namun, teknik-teknik pengasingan putih telur dan kuning telur kebanyakannya masih menggunakan kaedah tradisional. Hal ini menimbulkan persoalan dalam industri makanan tentang proses pengasingan putih telur dan kuning telur dalam jumlah yang besar.

1.1 Latar Belakang Kajian

Telur juga memainkan peranan yang penting dalam bidang pembuatan kek (“peranan telur”, 2019). Dengan adanya telur dalam bidang pembuatan kek, adunan yang dihasilkan lebih sebatu dan menghasilkan kek yang lembap serta mempunyai warna yang lebih cantik. Selain itu, telur juga digunakan untuk ulam dan hidangan utama dalam bentuk masak, goreng dan bakar. Telur juga merupakan bahan utama untuk membuat telur dadar, murtabak dan digunakan secara meluas dalam membuat doh roti, kuih muih dan sebagainya.

Walaubagaimanapun, industri makanan (terutama industri pembuatan roti dan pastri) banyak menggunakan kuning telur berbanding dengan putih telur. Namun, teknik-teknik pengasingan putih telur dan kuning telur kebanyakannya masih menggunakan kaedah tradisional. Hal ini menimbulkan persoalan dalam industri makanan tentang proses pengasingan putih telur dan kuning telur dalam jumlah yang besar. Kaedah yang selalu digunakan oleh mereka untuk mengasingkan telur biasanya menggunakan tangan, corong atau kaedah menyedut menggunakan botol kosong air mineral.

Terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh pengusaha industri makanan (bakeri dan kek, pengusaha kuih-muih), di antara nya adalah masalah persaingan dan masalah pekerja. Ini diikuti dengan masalah bekalan bahan mentah, kekurangan pelanggan, kekurangan modal, teknologi rendah, masalah pemasaran, masalah pengurusan dan akhirnya masalah kemudahan infrastruktur. Inovasi alat pengasing telur ini membantu dari segi mempercepatkan proses penghasilan makanan dan tenaga pekerja. Alat pemisah telur ini boleh membantu pengguna mengasingkan telur dengan cepat dan cekap jika pengguna ingin membuat makanan dalam kuantiti yang banyak. Alat ini juga tidak menggunakan elektrik dan dapat menjimatkan tenaga manusia. Kebiasannya proses mengasingkan telur akan mengambil masa yang lama sekiranya menggunakan kaedah tradisional. Pengusaha kedai juga memerlukan pekerja yang ramai dan sudah semestinya aliran wang tunai yang besar juga diperlukan.

Inovasi alat pengasing telur ini memberi penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh para pengusaha makanan. Telur boleh diasingkan dalam kuantiti yang banyak dan masa yang singkat. Kecekapan alat ini boleh mencapai 80% ~ 100% pengasingan telur putih dan kuning.

1.2 Objektif Kajian

Inovasi alat pengasing telur perlu mencapai beberapa objektif yang disasarkan, iaitu:

- i. Kecekapan memisahkan telur putih dan kuning dari 80% hingga 100%.

- ii. Mempercepatkan proses pemisahan telur putih dan kuning kurang dari 10 saat.
- iii. Keupayaan mengasingkan 20 biji telur pada satu-satu masa.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Setiap kajian yang dibuat semestinya dirujuk kepada kajian-kajian yang terdahulu yang pernah dihasilkan. Terdapat pelbagai cara untuk mengasingkan putih telur dan kuning telur bagi memenuhi kehendak setiap individu (wikiHow, 2019). Kebanyakan darinya hanya melibatkan penggunaan tenaga dari individu itu sendiri. Kaedah pengendalian telur semasa diberikan tekanan adalah amat penting untuk memastikan kulit telur yang dipecahkan tidak bercampur dengan telur.

2.1 Kajian Terdahulu

2.1.1 Pemisahan dengan tangan



Rajah 2.1 : Pemisahan telur menggunakan tangan

Berdasarkan artikel yang ditulis oleh Elise Bauer pengasas Simply Recipes (2003), Perkara pertama yang perlu dilakukan untuk mengasingkan telur putih dan kuning ialah kita perlu menyediakan dua mangkuk. Pecahkan telur perlahan-lahan di atas permukaan rata atau di tepi mangkuk, sedekat mungkin dengan bahagian tengah telur. Kaedah ini ditunjukkan seperti di dalam Rajah 2.1 di atas. Biarkan kuning telur mendap di bahagian bawah kulit telur manakala putih telur mengalir dari sisi telur ke dalam mangkuk. Perlahan-lahan pindahkan kuning telur ke depan dan ke belakang antara bahagian kulit telur, biarkan putih telur sebanyak yang anda boleh menitis ke dalam mangkuk di bawah. Berhati-hati supaya kuning telur tidak pecah.

Menurut artikel yang ditulis oleh Porman (2022), satu lagi cara untuk mengasingkan telur adalah dengan memecahkan telur yang terbuka ke tapak tangan anda yang terbalik. Biarkan putih telur meluncur melalui hujung jari anda. Ini lebih cepat daripada kaedah lain tetapi jika anda merancang untuk menyebet putih telur, semakin kurang putih telur bersentuhan dengan tangan anda, dan minyak semula jadi pada mereka, lebih baik. Kaedah pemisahan menggunakan tangan memerlukan lebih kemahiran supaya kuning telur tidak pecah.

2.1.2 Pemisahan menggunakan kaedah sedutan



Rajah 2.2 : Cara pemisahan melalui sedutan

Berdasarkan artikel yang ditulis oleh Megan Arnett (2017), di dalam proses pengasingan ini, botol plastik digunakan untuk mengasingkan dan mengalihkan kuning telur dari satu pinggan ke pinggan yang lain. Apabila botol yang digunakan mempunyai lubang di bahagian bawah, agak susah untuk menyedut kuning telur. Apabila lubang ditutup dengan jari, barulah kuning telur boleh digerakkan semula.

2.1.3 Pemisahan menggunakan “funnel”



Rajah 2.3 : Cara pemisahan menggunakan “funnel”


Kaedah pemisahan menggunakan “funnel” merupakan kaedah yang paling senang untuk dibuat oleh semua orang walaupun orang yang tidak mempunyai kemahiran. “Funnel” boleh berfungsi sebagai pemisah telur yang sangat baik. Selepas telur dipecahkan, putih telur dan kuning telur akan dimasukkan ke dalam “funnel” dan dibiarkan mengalir. Putih telur akan mengalir keluar corong dan meninggalkan telur kuning.

Teknik-teknik demikian merupakan teknik pengasingan telur yang sering digunakan dalam proses menyediakan makanan. Namun, apabila teknik pengasingan telur ini melibatkan proses menyediakan makanan dalam jumlah yang besar, teknik-teknik ini menjadi tidak relevan untuk dipraktikkan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Rahiman *et. al.* (2019), produk bakeri merupakan produk kedua tertinggi yang telah diceburi oleh para pengusaha tempatan dalam industri makanan. Perkembangan industri ini dikatakan kerana orang awam mulai menyedari tentang kelebihan pemakanan seimbang dan harga yang berpatutan bagi produk yang mengenyangkan. Pelbagai peralatan teknologi telah digunakan bagi memudahkan kerja-kerja untuk menghasilkan produk bakeri disamping dapat menjimatkan masa dan menjaga kualiti produk. Walaubagaimanapun, penggunaan peralatan teknologi tinggi dalam industri bakeri memerlukan modal yang sangat besar untuk menampung kos penggunaan elektrik dan penyelenggaraan produk. Sehingga kini, penghasilan peralatan teknologi yang jimat tenaga elektrik masih tidak banyak di pasaran. Ini menjadikan projek alat pengasingan kuning telur yang menjimatkan penggunaan elektrik sebagai satu inisiatif bagi menangani masalah yang telah dibincangkan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian bermula dengan rekabentuk alat menggunakan perisian Autodesk. Keluli tahan karat digunakan sebagai bahan utama kerana ia melibatkan industri makanan.



Rajah 3.1 : Gambarajah rekabentuk alat

Rajah 3.1 di atas menunjukkan alat inovasi pengasing telur yang telah direkabentuk. Kaedah pembinaan alat dijalankan secara berperingkat bermula dengan proses pencantuman kerangka, pemasangan takungan dan kemasan alat.

3.1 Kaedah Pembuatan




Rajah 3.2 : Kerja – kerja pengukuran sedang dijalankan

Merujuk kepada Rajah 3.2 di atas, kerja-kerja pengukuran untuk membuat kerangka sedang dilakukan. Seterusnya, pemotongan bahan dibuat mengikut ukuran saiz yang diperlukan. Kimpalan arka tungsten gas digunakan untuk mencantumkan bahagian kerangka.




Rajah 3.3 : Kerangka yang telah siap dicantumkan.

Rajah 3.3 di atas menunjukkan bahagian kerangka yang telah siap dicantumkan. Proses seterusnya adalah pemasangan bekas pada kerangka mengikut saiz yang sesuai.



Rajah 3.4 : Pemasangan bekas dan pengasing

Bekas dan pengasing akan dipasangkan pada bahagian kerangka seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.4. Bekas untuk mengumpulkan kuning telur (Bekas C), sementara putih telur akan dikumpulkan pada Bekas B.



Rajah 3.5(a) : Alat pengasing telur

Rajah 3.5(b) : Ujilari alat


Pemasangan alat pengasing telur yang telah siap ditunjukkan dalam Rajah 3.5(a) di atas. Bekas A merupakan bekas di mana telur dikumpulkan sebelum diasingkan telur kuning dan telur putih. Kedudukan telur semasa proses ujilari ditunjukkan dalam Rajah 3.5(b). Telur kuning akan bergerak ke dalam Bekas C dan seterusnya dikumpulkan.

4.0 DAPATAN PROJEK




Rajah 4.1 : Alat pengasing telur kuning

Rajah 4.1 di atas menunjukkan inovasi Alat pengasing telur yang telah siap dibina dan akan diujilari.



Rajah 4.2 : carta bar masa yang diambil

Carta bar yang ditunjukkan pada Rajah 4.2 di atas menunjukkan masa yang diambil untuk memisahkan telur putih dan kuning bagi setiap gred telur yang diuji.



Rajah 4.3 : Carta Pai peratus kecekapan pemisahan telur

Carta pai pada Rajah 4.3 di atas menunjukkan peratusan kecekapan pemisahan telur untuk setiap gred telur yang diuji.

5.0 PERBINCANGAN

Inovasi alat pengasing telur dihasilkan bermula dengan rekabentuk alat menggunakan perisian Autodesk. Alat ini direkabentuk khusus untuk memisahkan telur putih dan telur kuning megikut keperluan dalam industri makanan terutamanya penghasilan kuih muih dan bakeri. Alat dibina menggunakan beberapa kaedah seperti pengukuran, membuat kerangka dan pemasangan. Bahan yang digunakan adalah keluli tahan karat. Ujilari dijalankan untuk mendapatkan sudut pemisah yang sesuai

dan bilangan telur. Alat ini direka khas untuk membantu tukang roti dan suri rumah dalam membuat kek atau makanan tradisional Malaysia.

Alat ini diperbuat daripada 100% keluli tahan karat dan tiada penggunaan elektrik. Alat ini mempunyai reka bentuk yang ringkas dan menjadikannya mudah dan selamat untuk digunakan. Ia juga mempunyai jari khas yang direka untuk memisahkan telur. Ia dapat menyelesaikan masalah alat pemisah sedia ada yang mengambil masa yang lama untuk mengasingkan telur.

Pemisahan telur bergantung kepada tekstur telur putih dan sudut pemisah telur yang ditetapkan. Sudut kecondongan pemisah boleh diubahsuai mengikut saiz telur. Telur gred A disetkan pada kecondongan 12° sementara gred B dan C disetkan pada sudut $9^\circ - 10^\circ$. Masa yang diambil untuk memisahkan telur adalah 10 saat berbanding dengan menggunakan pemisah telur yang lama. Setelah beberapa ujilari dilakukan, didapati bahawa sudut kecondongan 10° memberikan hasil terbaik pemisahan telur. Kecekapan alat ini adalah 80% - 90% bergantung kepada kualiti telur dan proses pemisahan boleh dibuat secara berulang.

6.0 KESIMPULAN

Alat inovasi pengasing telur telah berjaya direkabentuk dan mencapai objektif yang disasarkan. Pemisah telur yang dibina memberikan peratus kecekapan pengasingan telur putih dan kuning dari 80% hingga 100% dengan kapasiti 20 biji telur pada satu masa yang sama. Selain itu, ia dapat mempercepatkan proses pemisahan telur putih dan kuning dalam masa 10 saat. Sudut kecondongan pemisah ditetapkan secara kekal pada 10° kerana ia memberikan hasil terbaik pemisahan telur.

Rujukan

Dr Rahayu. (2009). Fact about egg (pp. 24-25). The Healthy. Malaysia.

Joan Clifton. (2004). Stone, Wood, Glass & Steel. *Metals* (pp. 79-80). Anness Publishing. London, United Kingdom.

MediLexicon International. (n.d.). *Egg white face mask: Benefits and how to make one*. Medical News Today. Retrieved June 15, 2022, from <https://www.medicalnewstoday.com/articles/323602>

Megan Arnett. (2017). Separation by suction (pp. 24-25). Science Buddies. New York, United States

Mike W. Lin, Asla. (1992). Drawing and Designing With Confidence A Step-By-Step Guide.

Principles of Good Graphics (pp. 5-7). John Wiley and Sons Inc. New York, United States

Peranan Telur Dalam Buat Kek & Biskut. EasyBakeLab. (2019, June 24). Retrieved June 15, 2022, from <https://easybakelab.com/perana-telur-untuk-buat-kek/>

Porman, J. (2022, June 14). *Cara Mengasingkan telur dengan hanya Tangan Telanjang Anda -*

Bagaimana Untuk. Cara Mengasingkan Telur Dengan Hanya Tangan Telanjang Anda -

Bagaimana Untuk. Retrieved June 15, 2022, from [https://ms.flatirontruck.com/how-separate-](https://ms.flatirontruck.com/how-separate-eggs-with-your-bare-hands)

[eggs-with-your-bare-hands](https://ms.flatirontruck.com/how-separate-eggs-with-your-bare-hands)

- Rahimah, N., Omar, N., Muhammad, R. M., Rusli, R., Ahmad, B., & Zahrah, S. (2019). *Penggunaan teknologi dalam industri bakeri di (The use of technology for bakery industry in Malaysia)*. 17, 113–121.
- Resepi: Mini pavlova*. Demi Azi Nur. (2013, December 14). Retrieved June 15, 2022, from <http://azisweetness.blogspot.com/2013/12/resepi-mini-pavlova.html>
- Roger Muncaster. (1981, Nov). A-level Physics. Thornes (Fourth Edition). Cheltenham, United Kingdom.
- Separation by Funnel (2011, Oct). Recipes for Our Daily Breads Quick and Easy Recipes for Everyday Celebrations (pp. 7-9).
- Susu dengan telur untuk pertumbuhan - Curling*. (n.d.). Retrieved June 15, 2022, from <https://may.hairsalonsnaples.com/moloko-s-jajcom-dlja-rosta.htm>
- wikiHow. (2016, October 28). *Cara memisahkan Putih Dan Kuning Telur*. wikiHow. Retrieved June 15, 2022, from <https://id.wikihow.com/Memisahkan-Putih-dan-Kuning-Telur#>
- Yulianingsih, T. (2017, January 25). *Cara Unik Pisahkan Kuning Telur Pakai Botol*. liputan6.com. Retrieved June 15, 2022, from <https://www.liputan6.com/global/read/2149641/cara-unik-pisahkan-kuning-telur-pakai-botol>

The Effectiveness Of Online Learning In DJJ20053-Electrical Technology Module At Kota Bharu Polytechnic

Ahmad bin Omar
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60199178640,
ahmadomar@pkb.edu.my.

Ahmad Farudzi Azib
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60139221971,
farudzi@pkb.edu.my.

Shamsuddin bin Abdullah
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60127461587
shamsuddin@pkb.edu.my.

Abstrak

Information technology is a current necessity that is widely used in many fields, including education. The process of interactive learning, online learning and e-learning is a new revolution in education that is expected to be a new method of learning and teaching in the future. This study was conducted to identify the extent of effectiveness of online learning methods for DJJ 20053-ELECTRICAL TECHNOLOGY module for students at Kota Bharu Polytechnic. A total of 40 students from the Diploma in Mechanical Engineering and Diploma in Mechatronic Engineering were involved in this study using a questionnaire through the distribution of Google Form links. The findings of the study were analysed using SPSS software version 20.0 and descriptive analysis involving frequency and percentage was obtained. The results show that the effectiveness of online learning for this DJJ 20053 ELECTRICAL TECHNOLOGY module is at a good level among students in the Department of Mechanical Engineering, Kota Bharu Polytechnic. The results of this study are expected to provide guidance in improving the quality of online learning and teaching and provide exposure for lecturers at Kota Bharu Polytechnic.

Keywords: *Effectiveness, Online Learning, ELECTRICAL TECHNOLOGY*

1. INTRODUCTION

Solat jamak dan qasar mudah untuk dilaksanakan	46.0	.77
Bermusafir tidak boleh dijadikan alasan untuk pelajar meninggalkan solat fardu	63.2	.60
Pelajar selalu melaksanakan solat jamak dan qasar ketika mengikuti aktiviti di luar politeknik yang dianjurkan jabatan saya	24.1	.96
Solat jamak dan qasar menjadikan saya seorang muslim yang bertanggungjawab	56.3	.77

Berpandukan jadual 3 diatas, skor min yang paling tinggi adalah 63.2 menyatakan bahawa bermusafir tidak boleh dijadikan alasan untuk pelajar meninggalkan solat fardu. Tambahan pula pelajar semester satu dapat mengaplikasi solat jamak dan qasar kerana ia memudahkan terutama ketika sedang bermusafir, telah mencatat skor min 58.6. Ini disusuli dengan pelaksanaan solat jamak dan qasar menjadikan pelajar seorang muslim yang bertanggungjawab yang mencatat min 56.3. Pelajar juga menyatakan bahawa pelaksanaan solat jamak dan qasar adalah mudah, dan ianya mencatat skor min 46.0. Manakala skor yang terendah sebanyak min 24.1 menyatakan bahawa pelajar selalu melaksanakan solat jamak dan qasar ketika mengikuti aktiviti di luar politeknik yang dianjurkan jabatan dan diikuti skor yang paling rendah adalah pelajar tidak pernah melaksanakan solat jamak dan qasar kerana tidak tahu cara pelaksanaannya telah mencatat min 12.6.

Dalam kajian ini, pelajar juga telah memberi cadangan mereka melalui soalan terbuka yang diajukan iaitu:

1. Mengadakan bengkel kefahaman dan pelaksanaan solat jamak dan qasar.
2. Menganjurkan aktiviti luar kawasan politeknik dan menunjukkan cara pelaksanaan solat jamak dan qasar kepada para pelajar.
3. Melaksanakan dan menguatkan aktiviti dan badan usrah iaitu membentuk kumpulan kecil untuk membincangkan isu-isu agama dan isu-isu semasa.
4. Program mentor mentee yang melibatkan pelajar, pensyarah dan staf.

5.0 RUMUSAN

Kesimpulan daripada kajian dijalankan menunjukkan bahawa pelajar semester satu Politeknik Muadzam Shah tahu bahawa solat jamak dan qasar merupakan satu kemudahan bagi musafir. Pelajar juga tahu bahawa rukhsah solat ini ialah memendekkan solat atau menghimpunkannya, walaubagaimanapun didapati pelajar kurang jelas dari segi syarat-syarat yang membenarkan rukhsah solat dilaksanakan. Dari segi pemahaman pula mendapati bahawa pelajar memahami bahawa rukhsah solat jamak dan qasar tidak boleh dilaksanakan dengan tujuan maksiat tetapi ramai juga antara mereka tidak mengetahui bahawa rukhsah solat jamak dan qasar boleh dilaksanakan secara berjemaah. Pada pengaplikasian atau pelaksanaan pula menunjukkan bahawa pelajar tahu walaupun bermusafir mereka tetap diwajibkan untuk melaksanakan solat fardu dan secara majoritinya pelajar tahu melaksanakan solat jamak dan qasar dan pernah melaksanakannya secara sendiri. Kajian ini juga dapat membantu pelajar dalam memahami konsep solat jamak dan qasar dan pengkaji akan meneliti kembali cara dan kaedah yang perlu digunakan dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap rukhsah solat jamak dan qasar dengan lebih mendalam.

Rujukan

Al- Qur'an al-Karim

Al Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (tth) *Al Mustashfa*. Beirut: Dar al fikr.

e-FATWA (2013). *Panduan Berpuasa Bagi Pesakit*. Diperoleh pada 2 Mac 2014 daripada http://www.efatwa.gov.my/sites/default/files/garis_panduan_berpuasa_bagi_pesakit.pdf.

Ibnu Mandzur (tth) *Lisaan Al-Arab*, Beirut: Maktabah Syamilah.

Imam Musbikin (2001). *Qawa'id al-Fiqhiyah*. Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2006). *Panduan Tayammum, Wudhu' dan Solat Bagi Pesakit*. Diperoleh pada 5 Mac 2014 daripada <http://hus.moh.gov.my/v3/uploads/Panduan-Solat-Bagi-Pesakit-dari-JAKIM.pdf>.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2007). *Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah di International Space Station, ISS (Stesen Angkasa Antarabangsa)* Diperoleh pada 5 Mac 2014 daripada <http://www.islam.gov.my/sites/default/files/bukuibadahiss.pdf>.

Muhammad Haniff Hassan. (2006). *Penerapan Fiqh Kontemporari Dalam Konteks Masyarakat Kosmopolitan Singapura*. Kertas Kerja Fiqh Kontemporari. Singapura.

Rohidzir, Rais, Fuad Ismail & Mohd Wahid Abd Hanif. (2011). *Ensiklopedia Solat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

Kajian Keberkesanan Inovasi Turning CAD/CAM (T-CDM) Kepada Pelajar Kejuruteraan

Fahly Khairy Bin Mohd Zain
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh, Kelantan,
Malaysia
+60139365956,
fahly@pkb.edu.my.

Mohd Shakirin Bin Ab Rahim
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh, Kelantan,
Malaysia
+60129544432,
shakirin@pkb.edu.my.

Md Zairudin B. Zakaria
Jabatan Kejuruteraan
Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
16450 Ketereh, Kelantan
+60148086071
zairudin@pkb.edu.my

Abstrak

Kajian ini menumpukan keberkesanan inovasi Turning CAD/CAM (T-CDM) kepada pelajar kejuruteraan yang menjuruskan kepada teknologi CAD/CAM di IPT. Inovasi ini telah di uji kepada pelajar yang mengambil kursus CAD/CAM di Politeknik Kota Bharu dan juga kepada pelajar Teknologi Pemesinan Kolej Vakasional Kuala Krai. Sehubungan daripada itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti sejauh manakah keberkesanan inovasi T-CDM dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PnP). Selain daripada itu juga, T-CDM boleh dianggap salah satu inovasi yang berbentuk interaktif yang mengikut trend terkini. Responden kajian, dipilih secara rawak berkelompok yang terdiri daripada 50 orang pelajar yang mengikuti kursus CAD/CAM dan juga pelajar kejuruteraan pemesinan. Kajian ini adalah berbentuk kauntitatif dan instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik bagi mendapatkan data. Data yang diperolehi, dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Science Social (SPSS) bagi mendapatkan nilai skor min dan standard deviation. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa skor min keseluruhan berada di tahap paling tinggi. Ini telah membuktikan bahawa T-CDM ini adalah satu inovasi berilustrasi yang telah berjaya menarik minat pelajar untuk lebih bermotivasi dalam melaksanakan tugas amali selain dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam mempelajari ilmu CAD/CAM khususnya dalam pembelajaran CNC Turning. Keberkesanan alat bantu mengajar T-CDM ini juga dapat dilihat daripada keputusan peperiksaan akhir pelajar bagi kursus DJF5032 - CAD/CAM yang mana menunjukkan keputusan pelajar bertambah baik dari semester ke semester lain. Di samping itu, pihak Kolej Vokasional juga telah memberi surat penghargaan mengperakui keberkesanan T-CDM dalam memberi kefahaman kepada pelajarnya dalam amali di makmal CNC.

Kata Kunci: T-CDM, CAD/CAM, Turning, PnP, Kejuruteraan.

1.0 PENGENALAN

Proses pengajaran khususnya di institusi pengajian tinggi seperti universiti, kolej dan politeknik memerlukan kaedah yang berkesan, ini untuk membantu dalam memberikan pemahaman yang mendalam kepada pelajar. Oleh yang demikian, mata pelajaran yang kritikal dan melibatkan penggunaan mesin atau mekanikal sangat memerlukan alat bantu mengajar yang sesuai untuk memberi penerangan dan pemahaman kepada pelajar. Penggunaan bahan bantu mengajar ini dapat mencetuskan keinginan dan minat pelajar dalam pembelajaran serta dapat menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan berkesan. (Abdul Ghani, 2019).

Menurut Thijs Lijster (2018), inovasi sering berlaku untuk pembangunan yang lebih berkesan bagi sesuatu produk, proses, perkhidmatan, teknologi dan karya seni. Oleh hal demikian T-CDM yang telah dibangunkan ini adalah merupakan satu inovasi yang menggabungkan konsep CAD dan CAM dalam bentuk audio visual untuk dijadikan sebagai alat bantu mengajar khususnya bagi CNC Turning. T-CDM merupakan alat bantu pengajaran dan pembelajaran berbentuk *audio visual* yang dihasilkan

bagi memudahkan pelajar menjalankan kerja amali bagi kursus Rekabentuk serta Pembuatan terbantu komputer (CAD/CAM). Ianya digunakan khususnya bagi pembelajaran 'CNC turning'. Tujuan utama alat ini diwujudkan adalah untuk meningkatkan penyampaian ilmu pengetahuan rekabentuk grafik dan pemesinan terbantu komputer secara lebih dekat, ianya melibatkan penerangan teknikal lakaran dan lukisan model 3D serta animasi simulasi permesinan kepada pelajar secara interaktif. Kemudahan yang disediakan ini boleh digunakan semasa sesi kerja amali dan ianya juga boleh digunakan sebagai rujukan bagi sesiapa yang tidak berpeluang mengikuti pengajaran semasa dalam kelas. Pada masa yang sama inovasi ini dapat membantu pensyarah menerokai proses pengajaran dan pembelajaran CAD/CAM yang lain daripada yang sedia ada khususnya untuk pembelajaran CNC turning. Bahan bantu mengajar ini terbahagi kepada dua jenis utama iaitu elektronik dan bukan elektronik. Bagi kategori elektronik ini, contoh alat bantu mengajar adalah seperti televisyen, radio, video, projektor slaid berbantuan komputer, gajet elektronik dan lain-lain. Manakala bagi kategori bukan elektronik, seperti penggunaan model, kad imbasan, majalah, jurnal dan gambar yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar (Elyani, Musa, Hadzira, & Mohamad, 2013). Penggunaan bahan bantu mengajar yang tepat, praktikal dan inovatif dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar tanpa mengira disiplin ilmu. Ini ditambah pula dengan cara penyampaian isi pelajaran melalui idea-idea bernas yang lebih berkesan semasa proses pembelajaran dan pengajaran yang dapat meningkatkan mutu pengajaran pendidik ke tahap yang membanggakan (Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Mohd Isa Hamzah, & Wan Norina Wan Hamat, 2014).

1.1 Objektif

Berikut antara objektif kajian yang dijalankan bagi mengetahui tahap keberkesanan Inovasi Turning T-CDM:

- i. Mengetahui sejauh manakah tahap keberkesanan inovasi T-CDM dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) khusus dalam CNC Turning.
- ii. Mengetahui sejauh manakah tahap keberkesanan inovasi T-CDM (Turning) dapat menyediakan nota alternatif berbentuk audio visual untuk rujukan kepada pelajar dalam memahami teknik praktikal CAD/CAM (Turning) secara interaktif.
- iii. Mengetahui sejauh manakah tahap keberkesanan kefahaman inovasi T-CDM dapat mengurangkan masalah ketidakfahaman pelajar dalam mempelajari teknik praktikal CAD/CAM (Turning).
- iv. Perbandingan keputusan peperiksaan sebelum dan selepas menggunakan T-CDM.

1.2 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya menumpukan kepada pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik Kota Bharu yang mengikuti kursus CAD/CAM serta pelajar Teknologi Permesinan di Kolej Vakasional Kuala Krai. Aktiviti kajian dilakukan di makmal CNC yang mana menggunakan software NX7.5 khususnya untuk proses Turning (larikan). Pelajar yang dipilih merupakan pelajar mempunyai latarbelakang dalam lukisan terbantu komputer (AutoCAD).


2.0 METODOLOGI

Kajian ini dijalankan di Makmal CNC Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Bharu. Pendekatan yang digunakan dalam kajian adalah berbentuk diskriptif, yang mana data adalah diperolehi daripada edaran soal selidik kepada responden. Menurut Goode W.J, dan Hatt (1952), beliau menyarankan edaran soal selidik adalah lebih mudah mendapat kerjasama dari responden. Menurutnya lagi, responden lebih bebas memilih dan menyatakan pendapat, menilai mengikut kehendak soal selidik serta tahu apa yang difikirkan untuk dijawab. Borang soal selidik akan disediakan dan diedarkan kepada pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal yang mengambil kursus

CAD/CAM dan pelajar Diploma Teknologi Pemesinan Kolej Vakasional Kuala Krai bagi mengetahui keberkesanan alat bantu mengajar turning CAD/CAM (T-CDM). Kaedah ini dipilih berdasarkan kesesuaian dengan bentuk kajian yang akan dibuat, lebih praktikal dan realistik bagi mendapatkan maklumbalas yang baik dari responden. Perisian SPSS digunakan sebagai medium analisa untuk mendapat nilai keputusan data yang diambil. Bagi membuktikan keberkesanan T-CDM ini, Keputusan peperiksaan bagi kursus yang berkaitan juga diambil kira iaitu pada sebelum T-CDM digunakan dan selepas menggunakan T-CDM.


2.1 Carta Alir Proses Pembangunan Video T-CDM

Sebelum kajian keberkesanan dilakukan berikut merupakan proses pembangunan video interaktif T-CDM. Secara am proses pembangunannya tidak begitu mudah kerana ianya dibina melalui langkah-langkah tertentu. Berikutan ianya merupakan alat bantu mengajar, maka aspek kualiti amat ditekankan. Maka untuk menzahirkannya, T-CDM telah melalui carta alir proses pembangunan seperti **Rajah 2.1**



Rajah 2.1: Carta Alir Pembuatan Projek T-CDM

Rekabentuk dalam **Rajah 2.2** merupakan contoh paparan 3D projek asas yang diterapkan dalam T-CDM. Ianya dibina melalui rekabentuk pembuatan terbantu komputer (CAD/CAM) dalam bentuk audio visual. Dari langkah pertama iaitu proses lakaran sehinggalah ke proses 3D.




Rajah 2.2: Contoh lukisan model 3Dimensi menggunakan Perisian Unigraphics NX7.5

2.2 Cara Inovasi Digunakan

Turning CAD/CAM (T-CDM) merupakan alat bantu pengajaran dan pembelajaran (PnP) berbentuk audio visual yang dihasilkan bagi memudahkan pelajar menjalankan kerja amali bagi kursus Rekabentuk serta Pembuatan terbantu komputer (CAD/CAM). Ianya digunakan bagi pembelajaran CAD/CAM khususnya 'CNC turning'. Tujuan utama alat ini diwujudkan adalah untuk meningkatkan penyampaian ilmu pengetahuan rekabentuk grafik dan pemesinan terbantu komputer secara lebih dekat, ianya melibatkan penerangan teknikal lakaran dan lukisan model 3D serta animasi simulasi permesinan kepada pelajar secara interaktif. Kemudahan yang disediakan ini boleh digunakan semasa sesi kerja amali dan ianya juga boleh digunakan sebagai rujukan bagi sesiapa yang tidak berpeluang mengikuti pengajaran semasa dalam kelas. Sistem ini melibatkan praktikal penggunaan perisian NX7.5 Unigraphics versi 7.5 yang memerlukan perkakasan komputer yang berkeupayaan tinggi iaitu melibatkan penggunaan hard disk 200 GB ke atas dengan saiz pemprosesan memori (RAM) sekurang-kurangnya 4 GB ke atas serta memiliki perkakasan '*graphic card*' yang tinggi. Dengan adanya audio visual T-CDM yang dihasilkan ini, ianya mampu menjimatkan masa dan ruang kerana ianya boleh dimuat turun dari cakera padat digital (DVD), dan boleh disimpan di dalam komputer riba, telefon pintar dan peranti telekomunikasi yang lain. Audio visual yang dihasilkan tidak memerlukan ruang simpanan yang besar kerana kapasitinya yang sangat rendah iaitu hanya 600MB. Inovasi ini senang dibawa ke mana-mana kerana ianya berbentuk fail audio visual yang bersaiz kecil, ringan dan tidak memerlukan rujukan (buku nota) yang tebal dan berat. Hanya perlu menekankan butang PLAY, dan pelajar boleh mengikuti prosedur yang telah dirangka dalam bentuk audio visual. Paling penting inovasi ini dapat meningkatkan keupayaan pelajar memahami dunia CAD/CAM menerusi pendekatan terkini yang lebih dekat dengan mereka. Pada masa yang sama inovasi ini dapat membantu pensyarah menerokai proses pengajaran dan pembelajaran CAD/CAM yang lain daripada yang sedia ada khususnya untuk pembelajaran CNC turning.

2.4 Carta Alir Proses Pengujian Tahap Keberkesanan T-CDM

Bagi menjalankan pengujian keberkesanan T-CDM, beberapa langkah kerja perlu dilaksanakan seperti **Rajah 2.3**.



Rajah 2.3: Carta alir proses pengujian keberkesanan T-CDM

Rajah 2.3 menunjukkan langkah kerja kajian yang bermula dengan penyediaan soal selidik seterusnya membuat kajian rintis untuk mendapatkan *alpha cronbach* bagi menentukan tahap kebolehpercayaan item soalan soal selidik yang dibina. Sekiranya nilai *alpha cronbach* tidak mencapai tahap yang ditetapkan item perlu diperbaiki semula. Bagi nilai *alpha cronbach* mencapai tahap yang ditetapkan maka penentuan sampel ujian serta pengedaran dan pungutan soal selidik dibuat. Seterusnya membuat analisis data dan pengujian menggunakan kaedah saintifik iaitu SPSS. Akhir sekali membuat cadangan dan kesimpulan terhadap kajian yang dibuat.

3.0 ANALISA DATA KAJIAN


Data yang diperolehi adalah data yang diambil menggunakan cara soal selidik. Sebanyak 50 soalselidik telah diedarkan kepada 50 orang yang mengikuti kursus CAD/CAM dan kejuruteraan pemesinan yang telah dipilih secara rawak. Data yang diperolehi dan dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 20.0. Terdapat 3 pengelasan keberkesanan T- CDM iaitu berkesan, berinovasi dan kefahaman.

Jadual 3.1: Taburan responden mengikut skor min dan standard deviation bagi Pengelasan Keberkesanan item berkesan, berinovasi dan kefahaman

Pengelasan Tahap Keberkesanan	Skor Min	Standard Deviation
a. Berkesan		
1. Saya melihat inovasi T-CDM perlu ada dalam PnP bagi CAD/CAM supaya para pelajar mendapat informasi dengan cepat dan berkesan.	4.50	0.54
2. T-CDM adalah inovasi yang berkesan dan mesra pelajar.	4.50	0.61
3. T-CDM ini dapat mengurangkan masalah ketidakfahaman pelajar dalam mempelajari teknik praktikal CAD/CAM khususnya CNC - Turning.	4.64	0.49
4. Pembelajaran alaf baru yang menekankan kepada pengajaran & pembelajaran secara berkesan. Justeru itu , dengan adanya T-CDM, memudahkan lagi pembelajaran CNC – Turning secara berkesan.	4.66	0.48
Skor Min	4.58	0.53
b. Bernovasi		
5. Saya suka menggunakan inovasi ini, kerana terdapat sumber gambarajah berilustrasi secara nyata, jelas dan menarik.	4.66	0.48
6. Kemudahan kaedah ini memberi ruang pada saya dalam mencapai sumber ilmu secara terarah kerana kaedah inovasi ini berbentuk simulasi bahan ilmiah yang mudah.	4.58	0.54
7. T-CDM berbentuk interaktif dan berinovasi yang melancarkan pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PnP).	4.48	0.71
Skor Min	4.57	0.57
c. Kefahaman		
8. Dengan adanya T-CDM, ia dapat membantu saya memahami dalam menyiapkan setiap tugas yang diberikan oleh pensyarah.	4.58	0.54
9. Saya sebagai pelajar akan lebih tertarik dengan paparan nota dan bahan pembelajaran yang lebih ringkas dan interaktif.	4.62	0.53
10. Kaedah aplikasi T-CDM ini menjadi pemudah cara kepada pelajar terutamanya dalam kerja praktikal amali.	4.66	0.54
Skor Min	4.62	0.54
Skor Min Keseluruhan	4.59	0.547
Skala : 1.00 - 2.49 = Rendah,	2.50 - 3.49 = Sederhana,	3.5 - 5.00 = Tinggi

Hasil keputusan analisa SPSS mengikut item soalan kajian seperti dalam jadual 3.0, didapati inovasi T-CDM dapat memberi kesan positif kepada pelajar dalam meningkatkan perasaan minat terhadap ilmu rekabentuk dan memperbaiki daya imiginasi yang sedia ada. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas di mana purata skor min bagi item tahap keberkesanan bagi soalan berkesan adalah 4.58 berada pada tahap yang tinggi. Di samping itu, inovasi T-CDM ini juga salah satu alat yang berinovasi, ianya berbeza dengan kaedah konvensional kerana T-CDM ini mempunyai sumber gambarajah berilustrasi secara nyata, jelas dan menarik. Tinjauan melalui soal selidik juga mendapati item soalan keberkesanan bagi berinovasi berada di tahap yang tinggi dimana puratanya skor min adalah 4.57. Selain itu, inovasi T-CDM juga dapat membantu pelajar dalam memahami proses PnP CAD/CAM

secara aktif serta berupaya meningkatkan motivasi diri. Ini terbukti di mana purata skor min bagi pengkelasan tahap keberkesanan bagi item soalan untuk kefahaman ialah 4.62 dimana berada pada tahap tinggi. Rajah 3.1 juga menunjukkan Graf Pengkelasan bagi ketiga-tiga tiga pengkelasan tahap keberkesanan bagi berkesanan, berinovasi dan kefahaman menunjukkan bahawa kesemuanya berada di tahap tinggi dimana nilai skor min keseluruhan bagi ketiga-tiga pengkelasan adalah 4.59.




Rajah 3.1: Graf Pengkelasan Data mengikut item kajian

3.1 Analisa Keputusan Peperiksaan Akhir Bagi Kursus DJF5032 (CAD/CAM)

Bagi mengukuhkan lagi bukti keberkesanan inovasi T-CDM, pemerhatian perbandingan terhadap keputusan peperiksaan akhir telah dilakukan. Berdasarkan perbandingan iaitu Rajah 3.2 (sebelum) dengan Rajah 3.3 (selepas), dapat dilihat berlaku peningkatan keputusan pelajar yang mengikuti kursus DJF5032 (CAD/CAM).

KEPUTUSAN PENILAIAN AKHIR SEMESTER 5 SESI JUN 2016										DEM3013 ENGINEERING MATHEMATICS 3 - 3.0 -					DJF5032 CAD/CAM - 2.0 -				
TARIKH RASMI KEPUTUSAN : 21/11/2016																			
Bil.	No.Pend	Nama Pelajar	AKJ	AKKJ	PB	PA	JM	NM	ST	PB	PA	JM	NM	ST					
1	04DEM14F1995	NURUL AKLIMA BINTI JAFFAR			67	26	51	2		50	-	50	2						
2	04DEM14F1005	MUHAMAD AIMAN BIN MOHAMAD NOOR ZUL			77	23	55	2.33		63	-	63	2.67						
3	04DEM14F1005	WAN MUHAMMAD ASYRAF BIN WAN FOUZI			81	22	57	2.33		58	-	58	2.33						
4	04DEM14F1004	MUHAMAD KHATIB BIN MOHAMAD ZAIN			77	23	55	2.33		52	-	52	2						
5	04DEM14F1019	SHARUYA GANESH A/L NAIDU			73	59	67	3		52	-	52	2						
6	04DEM14F1026	MUHAMAD HAFIZUDDIN BIN MD ZUHAMI			76	37	60	2.67		54	-	54	2						
7	04DEM14F1025	PRIYA THARISENI A/P SUBRAMANIAM			75	44	63	2.67		65	-	65	3						
8	04DEM14F1013	WAN MUHAMAD SHAHLAN BIN WAN MASRI			78	24	56	2.33		47	-	47	1.67						
9	04DEM14F1018	MOHAMAD NOR AZWAN BIN HAMZAH			74	43	62	2.67		44	-	44	1.33						
10	04DEM14F1024	MOHAMAD HASHIM BIN MOHD YUSOFF			75	36	59	2.33		63	-	63	2.67						
11	04DEM14F1025	NOR AMALIN NATASHA BINTI MD SAIPUDDIN			78	21	55	2.33		60	-	60	2.67						
12	04DEM14F1002	ILNI KHAIRUNISSA BINTI ZULKIPLI			76	38	61	2.67		58	-	58	2.33						
13	04DEM14F1007	MOHAMAD ALMA AKMAL BIN CHE ZULKIFLI			83	24	59	2.33		48	-	48	1.67						
14	04DEM14F1016	MOHD NAZRIN BIN MOHD. NASIR			77	23	55	2.33		49	-	49	1.67						
15	04DEM14F1010	MUHAMMAD IKHWAN SYAFIQ BIN MAT ROPI			76	26	56	2.33		45	-	45	1.33						
16	04DEM14F1036	BORHANUDDIN BIN MOHD YUSOFF			81	11	53	2		51	-	51	2						
17	04DEM14F1017	NOOR ALIA BINTI ALIAS			67	14	46	1.33		52	-	52	2						
18	04DEM14F1032	MUHAMMAD AMIR FIRDAUS BIN ISMAIL			69	17	48	1.67		41	-	41	1						
19	04DEM14F1001	GANESHAN A/L GOONASOONDRAN			71	18	50	2		55	-	55	2.33						
20	04DEM14F1012	WAN MUHAMMAD NASRUL IEZVAN BIN WAN			85	18	58	2.33		41	-	41	1						

Rajah 3.2: Keputusan peperiksaan akhir semester Sesi Jun 2018 sebelum menggunakan T-CDM



Rajah 3.2: Surat penghargaan daripada kolej Vakasional Kuala Krai

4.0 KESIMPULAN

Pelajar seronok apabila melihat dan berinteraksi dengan imej komputer dan ini merupakan pembelajaran yang berharga buat mereka menurut Cooper dan Clark (2003) dalam Siow Heng Loke (2005). Justeru itu pelajar lebih menghargai pembelajaran yang diikuti di dalam kelas. Menurut Abdul Halim Abdullah dan Mohini Mohamed (2008), teknologi membolehkan perkembangan kemahiran berfikir peringkat tinggi apabila pelajar diajar untuk mengaplikasikan proses penyelesaian masalah dan diberi peluang untuk mengaplikasikannya menggunakan teknologi. T-CDM merupakan idea yang memberi manfaat kepada pelajar selain dapat membantu pensyarah mempelbagaikan proses PnP, ini seiring dengan perkembangan teknologi masa kini. Kecenderungan pelajar-pelajar IPT terhadap teknologi kini seperti tiktok, Instagram, facebook dan lain-lain lagi menyebabkan T-CDM perlu dihasilkan. Paling penting audio visual diketengahkan merupakan satu pendekatan yang selangkah lebih maju dengan kaedah konvensional. CAD/CAM sebelum ini yang berlandaskan penggunaan sistem komputer dilihat tidak mampu dilaksanakan secara berkesan ke atas pelajar. T-CDM merupakan satu pendekatan yang bertindak sebagai alat bantu mengajar sahaja, ianya hanya untuk memastikan PnP yang berlaku menjadi lebih berkesan dan mampu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap CAD/CAM khususnya untuk proses Turning. Secara kesimpulannya, data analisa yang diperolehi menunjukkan tahap keberkesanan T-CDM adalah berada di tahap tinggi di mana T-CDM telah memberi kesan positif kepada pelajar yang menggunakannya, kini pelajar lebih memahami dan mampu mengikuti PnP CAD/CAM Turning tanpa melakukan praktikal amali dalam makmal. Ini disebabkan oleh pendekatan yang digunakan dalam inovasi T-CDM melibatkan interaksi

video, ilustrasi dan imej bergambar yang lebih senang untuk difahami seiring dengan perkembangan teknologi masa kini. Disamping itu pelajar dapat memahami proses PnP CAD/CAM secara aktif serta berupaya meningkatkan motivasi diri. Pada masa yang sama juga, pelajar memberi respon positif dengan lebih berusaha mengaplikasikan teknologi terkini secara interaktif. Pelajar juga dapat meningkatkan perasaan minat terhadap ilmu rekabentuk dan memperbaiki daya imiginasi yang sedia ada. Selain politeknik, inovasi T-CDM mendapat reaksi positif daripada pihak Kolej Vokasional Kuala Krai yang mana memperakui keberkesanan inovasi T-CDM kepada pelajar mereka dalam melakukan kerja amali serta memberi ilmu pengetahuan kepada pensyarah.

5.0 RUJUKAN

- Abdul Ghani, N. A. (2019). Pembangunan set lengkap ASK (Algebra Story Kit) membantu PdP dalam Matematik. *Journal on Technology and Vocational Education*.
- Thijs Lijster (2018),” The Future of the New: Artistic Innovation in Times of Social Acceleration Volume 26 of *antennae-arts in society series*”. Valiz
- Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Mohd Isa Hamzah, & Wan Norina Wan Hamat. (2014). Pembangunan Perisian Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia Interaktif Pegurusan Jenazah Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*.
- Elyani, N., Musa, B., Hadzira, M., & Mohamad, B. (2013). Keberkesanan Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar Dalam Pelaksanaan Kursus Sains Kejuruteraan di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.
- Abdul Halim Abdullah & Mohini Mohamed. (2008).” The use of interactive software (IGS) to develop geometric thinking”. *Jurnal Teknologi*
- Siow Heng Loke (2005),”Pedagogi Merentasi Kurikulum”, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., UM
- Goode W.J, and Hatt, P.K. (1952) “Methods in social research”. New York: McGraw-Hills.

Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih

Badrul Sakinah Binti Hj Sanusi
Mechanical Engineering Department, Seberang Perai Polytechnic,
Penang, Malaysia
Tel: +6012-5616494
sakinah@psp.edu.my

Abstrak

Penjana kuasa merupakan salah satu kemahuan seseorang individu pada masa kini. Penggunaan telefon pintar, tablet dan alat-alat teknologi terkini seperti kamera digital amat memerlukan penjana kuasa apabila gajet tersebut perlu di cas. Pengguna selalunya mengecaskan alat-alat tersebut dari sumber kuasa yang efektif di soket rumah ataupun kereta. Tetapi apabila berada di luar, masalah mengecas alat tersebut akan menjadi satu masalah apabila tiada sumber bekalan kuasa. Biasanya powerbank boleh digunakan tetapi jika powerbank yang sedia ada tidak dapat mengecas atau tidak mencukupi bekalan kuasa, ia akan menjadi satu masalah yang perlu dihadapi. Bekalan kuasa penjana mudah alih adalah satu projek inovasi yang bertujuan untuk membantu semua yang mahukan bekalan kuasa elektrik untuk mengecas gajet-gajet tersebut terutamanya bagi yang suka beriadah. Projek ini telah dibangunkan untuk mengatasi masalah ini. Bahan-bahan utama yang digunakan untuk membangunkan alat ini adalah panel solar, turbin air, perspeks, powerbank modul, bateri dan sebagainya. Pengujian operasi yang dilakukan membuktikan bahawa alat ini mampu mengecas lebih daripada satu gajet dalam satu masa dan mampu memberi kuasa dengan menggunakan kedua-dua alat iaitu panel solar dan turbin air.

Kata kunci: Bekalan kuasa penjana mudah alih; projek inovasi.

1. PENGENALAN

Bekalan kuasa penjana mudah alih ialah suatu inovasi baru yang bertujuan untuk menghasilkan sebuah bekalan kuasa yang boleh dicas menggunakan sumber alam. Bekalan kuasa penjana mudah alih dapat dicas daripada 2 jenis sumber iaitu sumber air dan juga sumber cahaya matahari. Ini juga dapat memberi pengetahuan besar kepada aspek Pembelajaran dan Pengajaran untuk kursus DJJ2012. Untuk mengecas dari sumber air, turbin air digunakandan untuk sumber cahaya matahari dan panel solar telah digunakan. Kedua-dua alat ini dapat mengecas bateri yang dipasang di dalam Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih. Produk inovasi ini bukan sahaja dipanggil mudah alih tetapi pada scenario yang (actual) ia adalah ringan dan padanan kepada nama iaitu Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih. Projek inovasi ini boleh dibawa ke mana-mana, asalkan mempunyai sumber air ataupun sumber matahari. Selain itu, Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih ini mempunyai dua port USB dimaksudkan bahawa ia boleh mengecas dua gajet dalam satu masa.

Projek ini boleh memberi manfaat kepada pengguna yang gemar berkelah dan berkhemah. Ianya bersifat mudah alih ,senang digunakan, ringan dan mudah dibawa ke mana-mana. Di samping itu, bekalan kuasa mudah alih ini juga dapat mengurangkan pencemaran dan pembakaran bagi menghasilkan tenaga elektrik dan juga dapat mengurangkan kos tenaga elektrik.

1.1 Latar Belakang Kajian

Melalui kajian yang telah di jalankan di dapati pengguna menghadapi masalah untuk mengecas peralatan elektrik seperti telefon bimbit dan lain-lain gajet jika kehabisan bateri serta berada di kawasan terpencil seperti di dalam hutan, di atas bukit atau di kawasan yang tiada kemudahan elektrik.

Alat yang sedia ada di pasaran yang mempunyai bekalan kuasa 100 watt dan bekalan kuasa 250 watt merupakan dua alat mudah alih yang digunakan oleh pengguna yang gemar berkelah di kawasan yang tiada sumber elektrik. Bekalan kuasa penjana mudah alih ini hanya sesuai digunakan di hutan tetapi apabila waktu malam yang memerlukan cahaya, bekalan kuasa tersebut tidak dapat dihasilkan cahaya. Ini kerana bekalan tersebut hanya boleh digunakan untuk mengecas sahaja. Bermakna tiada USB port yang disertakan pada alat tersebut. Selain itu, bekalan kuasa di atas juga mempunyai saiz yang besar dan berat (1.5 – 2 kg) yang menyukarkan pengguna untuk membawanya ketika berkhemah.

Dengan wujudnya projek inovasi ini ia dapat membantu pengguna untuk menghidupkan alat yang menggunakan sumber tenaga elektrik. Contohnya, radio yang kecil yang menggunakan bateri, telefon bimbit, dan lampu suluh.

1.2 Objektif

Penghasilan projek ini adalah bertujuan untuk mencipta satu alat mudah alih bagi menghasilkan kuasa elektrik. Dengan menggunakan sumber tenaga semulajadi daripada solar dan air akan mengurangkan pencemaran alam sekitar. Selain daripada itu sumber tenaga semulajadi ini akan dapat mengurangkan kos tenaga elektrik.

Di samping itu juga, projek ini bertujuan untuk memperolehi sumber tenaga elektrik di mana sahaja berada walaupun kawasan tersebut terletak jauh di pedalaman dengan syarat masih lagi mempunyai sumber tenaga air atau sumber tenaga daripada cahaya matahari.

2. METODOLOGI KAJIAN

Proses menghasilkan projek diringkaskan sebagaimana Rajah 1 yang ditunjukkan di bawah:-






Rajah 1: Carta alir proses menghasilkan Penjana Mudah Alih

Senarai bahan ditunjukkan di dalam Jadual 1. Kesemua bahan tersebut digunakan untuk menghasilkan projek.

Jadual 1: Senarai Bahan Mentah

Bil.	Jenis Bahan	Harga seunit (RM)	Kuantiti Diperlukan	Jumlah Harga (RM)
1.	Turbin air	RM 11.50	1	RM 11.50
2.	Solar panel	RM 20.25	1	RM 20.25
3.	Bateri 18650	RM 2.75	4	RM 11.00
4.	Perspek	RM 5.90	1	RM 5.90
5.	Skru	RM 0.20	4	RM 0.80
6.	Nut	RM 0.20	4	RM 0.80
7.	Powerbank module	RM 8.80	1	RM 8.80
8.	Step down module	RM 12.95	2	RM 25.90
9.	Multicore wire (hitam dan merah)	RM 10.00	1	RM 10.00
			Jumlah	RM 94.95

Jadual 2 : Kegunaan Bahan Mentah

Bahan	Kegunaan
 <p>Rajah 3.8. Perspek</p>	Sejenis kaca termoplastik Acrylic digunakan untuk membuat casing penjana kuasa.
 <p>Rajah 3.9. Rechargeable Lithium Ion Battery</p>	Bateri 18650 sebanyak 4unit digunakan untuk menyimpan tenaga elektrik yang dihasilkan yang dihasilkan daripada panel solar dan turbin air kecil.
 <p>Rajah 3.10. Powerbank Module 5v</p>	Digunakan untuk membaca kapasiti bateri yang dicas.

 <p>Rajah 3.11. Panel Solar 2w</p>	<p>Digunakan untuk menghasilkan tenaga dari cahaya matahari.</p>
<p>Saiz: 12.5mm•16mm•16mm impeller Voltan output: 0.05v- 1.5v Dc Arus elektrik: 0.01 mAh- 0.02mAh</p>  <p>Rajah 3.12. Turbin air</p>	<p>Digunakan untuk menghasilkan tenaga elektrik daripada sumber air yang mengalir.</p>
 <p>Rajah 3.13. DC 0.9v-5v USB 5v Boost Step Down Power Module</p>	<p>Digunakan sebanyak 2unit untuk menukarkan tenaga yang dihasilkan daripada turbin air dan panel solar tersebut kepada tenaga elektrik.</p>

Proses fabrikasi projek ini dimulai dengan langkah proses pengukuran dan penandaan bahan. Proses ini merupakan langkah pertama yang dilakukan sebelum proses pemotongan. Pembaris digunakan untuk mengukur bahan-bahan untuk membuat rangka pada bahagian bawah dan atas projek. Rangka pada bahagian atas projek diukur dan ditanda dengan ukuran lebar 9cm dan 16cm panjang. Bahagian seterusnya yang diukur dan ditanda ialah bahagian lubang untuk memasang skru. Bahan yang digunakan untuk bahagian ini ialah perspek. Sebanyak dua bahan perspek yang digunakan untuk menutup power modul yang ditetapkan.

Setelah dipotong mengikut saiz yang dikehendaki, kedua-dua lapisan perspek tersebut telah dilubangkan di setiap bucu untuk dimasukkan skru setelah semua alat elektronik dipasangkan. Saiz lubang untuk skru adalah 0.6cm.

Rajah 1 menunjukkan proses pemasangan dimana setiap bahan yang ada dicantum menjadi satu produk yang baharu.



Rajah 1 : Proses Pemasangan Komponen dan Bahan

Setelah proses pemasangan,, proses pengemasan Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih di lakukan. Untuk permukaan yang licin di bucu, kertas pasir telah digunakan untuk mengemas bucu-bucu supaya ia tidak tajam dan mencederakan pengguna. Wayar-wayar daripada terminal-terminal telah dimasukkan ke dalam bahagian perspek supaya ia tidak kelihatan serabut. Ia juga akan membantu untuk meningkat nilai estetika dan nampak kemas.

3. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kaedah ujilari digunakan untuk mengkaji projek yang telah dihasilkan sama ada ia berfungsi atau tidak.

Kaedah Pengujian Operasi adalah seperti berikut:

1. Membuat pilihan salah satu dan cas menggunakan turbin ataupun solar.
2. Seterusnya, cucuk USB pada output solar atau turbin air dan cucuk kabel pada tempat cas powerbank.
3. Letakkan dalam air yang mempunyai arus turbin air atau letakkan berdekatan cahaya matahari (solar).
4. Sedang mengecas.
5. Setelah bateri Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih dicas, bermakna ia siap untuk digunakan.
6. Guna soket USB yang terdapat dalam Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih untuk mengecas gajet.

Empat siri ujian telah dilakukan bagi hasil dapatan projek oleh panel solar dan turbin air untuk mengecas Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih. Untuk mengelakkan apa-apa yang terjadi, setiap siri ujian melibatkan pengguna yang berbeza dan dilakukan pada setiap minggu. Jadual 3 menunjukkan

perincian ujian yang telah dijalankan untuk mendapatkan Voltan 10.67 V dan Arus 0.046 Amp dengan menggunakan Panel Solar. Manakala Jadual 4 untuk mendapatkan Voltan 5.03 V dan Arus 0.017 Amp.

Jadual 3 : Data Uji lari dengan menggunakan Panel Solar.

Siri Ujian	Ujian a	Ujian b	Ujian c	Ujian d
Tarikh	5 Oktober 2020	12 Oktober 2020	19 Oktober 2020	26 Oktober 2020
Masa	9 pagi	10 pagi	11 pagi	2 petang
Prospek	Kamil	Kaviarasan	Izni	Anis
Suhu °c	27	28	30	32
Tempoh Ujian	6.5jam	6.4	6 jam	5.4 jam

Jadual 4 : Data Uji lari dengan menggunakan turbin air.

Siri Ujian	Ujian a	Ujian b	Ujian c	Ujian d
Tarikh	10 Oktober 2020	17 Oktober 2020	24 Oktober 2020	31 Oktober 2020
Masa	10 pagi	12 petang	1 petang	3 petang
Prospek	Izni	Kaviarasan	Kamil	Anis
Tempoh ujian	7.3 jam	7.2 jam	6.3 jam	6.5 jam
Deskripsi cuaca	-	-	Hujan lebat dan angin kencang	Hujan

3.1 Kiraan kuasa

Formula, Kuasa = Current \times Volt

Kuasa panel solar

$$\text{Kuasa} = 10.67 \times 0.046 = 490.82 \text{ watt}$$

$$\text{Kuasa turbin air} \text{ Kuasa} = 0.017 \times 5.03 = 85.51 \text{ watt}$$

4. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Bekalan kuasa penjana mudah alih ialah suatu inovasi baru yang bertujuan untuk menghasilkan sebuah bekalan kuasa yang boleh dicas menggunakan sumber alam. Bekalan kuasa penjana mudah alih ini dapat dicas daripada 2 jenis sumber iaitu sumber air dan juga sumber cahaya matahari. Untuk mengecas dari sumber air, turbin air digunakan dan untuk sumber cahaya matahari pula, panel solar telah digunakan. Kedua-dua alat ini dapat mengecas bateri yang dipasang di dalam Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih. Produk inovasi ini bukan sahaja dipanggil mudah alih tetapi pada scenario yang (actual) ia adalah ringan dan padanan kepada nama iaitu Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih. Projek inovasi ini boleh dibawa ke mana-mana, asalkan mempunyai sumber air ataupun sumber matahari.

Selain itu, Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih ini mempunyai dua port USB dimaksudkan bahawa ia boleh mengecas dua gajet dalam satu masa. Semasa ujian bersiri dilakukan, ia dapat menunjukkan kemampuan untuk mengecas bateri dan panel solar dan juga turbin air. Merujuk kepada panel solar, ia mampu mengecas bateri dari sekurang-kurangnya 5.4 sehingga 6.5 jam. Ia dikatakan kerana panel solar adalah bergantung kepada cahaya matahari dan juga suhu. Jika suhu dan cahaya matahari adalah terik, maka kecekapan panel solar akan meningkat. Kecekapan panel solar tadi akan mendorong panel solar untuk mengecas bateri dan masa yang diambil untuk mengecas bergantung kepada kecekapan panel solar. Seterusnya, semasa menguji kemampuan turbin air, ia mengambil lebih kurang 6.5 sehingga 7.3 jam. Ia dikatakan kerana turbin air bergantung kepada kadar aliran air. Jika kadar aliran air adalah baik, maka kecekapan turbin air juga akan meningkat bergantung kepada kadar aliran. Ini menyebabkan masa yang mengambil untuk mengecas lebih cepat. Secara kesimpulannya, projek inovasi Bekalan Kuasa Penjana Mudah Alih ini boleh mengecas menggunakan sumber alam seperti air dan cahaya matahari. Ia juga adalah ringan dan senang untuk dibawa ke mana-mana tempat sahaja yang diperlukan asalkan mempunyai salah satu sumber seperti air dan cahaya matahari

Rujukan

- Enomad (2017, Oktober 13), Penjana kuasa Estream [Blog], ac
<https://www.kickstarter.com/projects/hyerinster/estream-a-portable-water-powergenerator-fits-into> [Diakses pada 10 Mac 2020]
- Joe Marques (2018, Februari 10) DIY Portable Solar Generator [Youtube]
<https://youtu.be/ci8EW1c8o38> [Diakses pada 10 Mac 2020]
- DIY King, [Blog] <https://www.instructables.com/id/DIY-Miniature-Gasoline-Generator/> [Diakses pada 10 Mac 2020]
- DIY King, (2019, Oktober 2019), [Youtube] <https://youtu.be/TyyTykEkc1E> [Diakses pada 10 Mac 2020]
- Idenergie Inc. [Blog] <http://idenergie.ca/en/home/> [Diakses pada 10 Mac 2020]
- Nevon Projects, [Blog] <https://nevonprojects.com/electricity-generator-tiles-project/> [Diakses pada 10 Mac 2020]
- Nevon Solutions, [Blog]
<https://www.turbulent.be/?fbclid=IwAR1KICZaHJusKjIFH5wgKkr3O8EeJpkZyCmLilz2P1hApQgx2ykmxvDcho> [Diakses pada 10 Mac 2020]

Water Turbine Kit

Badrul Sakinah Binti Hj Sanusi
Mechanical Engineering Department, Seberang Perai Polytechnic,
Penang, Malaysia
Tel: +6012-5616494
sakinah@psp.edu.my

Abstrak

Water turbine kit merupakan satu kaedah dalam penjanaan kuasa elektrik bagi tujuan pembelajaran. Penjanaan tenaga elektrik ini menggunakan sumber tenaga daripada air. Kaedah ini adalah lebih menjimatkan kerana tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi dalam mendapatkan sumber kerana sumber air mencukupi dan tidak terhad dalam penggunaannya.

Seiring dengan kemajuan yang sedang pesat membangun, penggunaan tenaga Elektrik pada hari ini adalah lebih tinggi selari dengan kemajuan teknologi. Permasalahan yang dihadapi oleh semua pihak adalah penggunaan tenaga elektrik yang sehingga tidak mampu dibendung dan penggunaannya menjadi sangat berlebihan. Projek yang telah di laksanakan adalah sebagai alat bantu mengajar untuk semua pelajar yang mengambil kursus mekanikal loji supaya pelajar dapat memahami konsep sebenar penghasilan tenaga elektrik menggunakan air sebagai sumber semulajadi serta dapat memudahkan pensyarah mengajar berkenaan sistem tersebut. Projek ini menggunakan aliran air untuk menggerakkan bilah turbin untuk menghasilkan tenaga elektrik. Bilah turbin disambung pada shaft dan seterusnya disambungkan pada motor. Tenaga yang dihasilkan akan dikumpul pada generator sebelum digunakan.

Kata kunci: Water Turbine Kit; Penjanaan Elektrik; Alat Bantu Mengajar

1. PENGENALAN

Seiring dengan peredaran masa dan zaman, dunia kini tidak lari dari pembangunan yang sedang pesat membangun. Penggunaan tenaga elektrik merupakan satu kehendak yang sentiasa bertambah dari sehari ke sehari. Justeru, kita sepatutnya sedar bahawa suatu hari nanti sumber tenaga ini akan berkurangan yang puncanya adalah disebabkan oleh faktor-faktor perubahan alam itu sendiri. "Water turbine kit" adalah cetusan idea sebagai alat bantu mengajar (ABM) di makmal mahupun bengkel supaya pelajar memahami konsep penghasilan kuasa atau tenaga secara praktikal dengan lebih mendalam. Seperti yang disiarkan oleh media massa, penggunaan tenaga perlu digunakan dengan sebaik mungkin. Justeru itu kita sepatutnya prihatin dan mengambil berat supaya langkah-langkah dalam penjimatan tenaga dapat diambil. Fenomena tenaga boleh diperbaharui merupakan langkah terbaik untuk menghasilkan tenaga elektrik daripada sumber yang ada di sekeliling kita. Justeru itu pemahaman pelajar adalah penting untuk memastikan hasrat ini dapat di laksanakan suatu hari nanti.

Latar Belakang Kajian

Pada masa kini, pelajar kejuruteraan mekanikal loji khususnya mengalami satu masalah yang mana kekurangan peralatan yang mencukupi. Disebabkan kos yang terlalu tinggi untuk mengwujudkan sebuah loji kuasa, Politeknik tidak mampu menyediakan prasarana tersebut. Justeru itu satu pendekatan lain perlu di ambil bagi memastikan pelajar dapat memahami segala input yang telah diberikan dengan membina sebuah alat bantu mengajar. Perkara ini sedikit sebanyak dapat diaplikasikan oleh pelajar itu sendiri hasil daripada pembelajaran dan pengajaran yang menggunakan projek ini.

Selain daripada itu, pelbagai persoalan yang telah timbul dikalangan pelajar mengenai pembelajaran teori berkaitan dengan loji kuasa iaitu pelajar tidak dapat menghubungkan antara teori dan amali. Justeru itu, antara persoalan yang timbul adalah jenis dan bentuk komponen yang digunakan dalam loji kuasa hidro. Projek ini direka dalam saiz yang kecil namun kelengkapan yang seakan sama dengan kaedah loji kuasa hidro di mana dapat membantu pelajar dapat memahami berkaitan komponen dan bentuk komponen yang digunakan. Selain daripada itu proses mekanikal yang terjadi akibat hentaman yang berlaku dalam sistem hidro. Maka projek ini adalah berdasarkan tenaga hidro di mana kita dapat melihat sendiri bagaimana tenaga elektrik akan dijana dengan menggunakan pergerakan air yang berhalaju tinggi.

1.1 Objektif


Penciptaan projek ini adalah bertujuan untuk membantu pelajar yang mengambil subjek berkaitan dengan loji jana kuasa terutamanya pembelajaran tentang sistem hidro. Selain daripada itu ia akan di gunakan sebagai alat bantu mengajar kepada pensyarah yang mengajar. Di samping itu juga penghasilan projek ini akan digunakan oleh pelajar untuk menjalankan ujikaji di dalam bengkel atau makmal. Dengan penghasilan projek ini, kos pembelian peralatan di Politeknik juga boleh di jimatkan.

2. METODOLOGI KAJIAN

Rajah 1 menunjukkan proses skematik secara teori penghasilan elektrik dan Rajah 2 menunjukkan carta menghasilkan projek secara ringkas seperti yang ditunjukkan di bawah:-



Rajah 1 : Gambarajah Skematik Proses Menghasilkan Elektrik



Rajah 2: Carta alir proses menghasilkan *water turbine kit*

Senarai bahan ditunjukkan di dalam Jadual 1. Kesemua bahan tersebut digunakan untuk menghasilkan projek *water turbine kit*.

Jadual 1: Senarai Bahan Mentah

Bil	Jenis Barangan	Kuantiti	Harge Perunit	Harga
1.	Motor	1		103.88
2.	Motor coupling	1		41.87
3.	Crocodile clip assy	1 pek		7.21
4.	Regulator 5V	1		1.59
5.	USB Female	1		4.77
6.	Capacitor	1		1.69
7.	Heat sink	1		1.90
8.	Analog panel meter (volt)	1		20.15
9.	Analog panel meter (amp)	1		20.15
10.	Water pressure gauge	1		24.40
11.	Bracet	1 ft		3.50
12.	Orbit hose clip	4	1.00	4.00
13.	Ball valve	1		4.50
14.	Connector gauge	1		34.30
15.	Hose	1m		3.50
16.	Perspex	3F x 2F (5mm)		120.00
17.	Nozzle	1		8.00
Jumlah				397.41


Membuat rangka meja merupakan proses yang mula dilaksanakan. Ukuran dan penandaan dibuat sebelum proses pemotongan. Langkah seterusnya ialah memotong besi menggunakan chop saw yang telah diukur dan ditanda. Setelah selesai memotong, grinder di gunakan untuk proses kemas di bahagian hujung besi yang di potong. Seterusnya proses kimpalan arka dan MIG di gunakan untuk proses penyambungan. Untuk mendapatkan sudut yang tepat pada proses kimpalan multi-angle magnet di gunakan.

Seterusnya proses pembuatan turbin dengan menggunakan tin sebagai bilah turbin dan tapak turbin seperti Rajah 1 di bawah.




Rajah 1 : Proses Penghasilan Bilah Turbin dan Tapak Turbin

Seterusnya, membahagikan jarak antara enam sudut pada tapak turbin untuk memasang bilah. Untuk mendapatkan jarak enam sudut dengan tepat kaedah simetri digunakan. Jarak setiap bilah pada tapak turbin ialah 60 darjah. Seterusnya adalah proses pembuatan housing dengan menggunakan perspex sebagai housing. Bentuk housing ialah segi empat samadan ukuran bagi housing ialah panjang 455mm, lebar 163mm dan tinggi 332mm.




Rajah 2 : Proses Membuat Housing

Langkah selanjutnya adalah membuat tapak litar dan memasang komponen utama ke atas kerangka yang telah siap di buat seperti Rajah 3.



Rajah 3 : Proses Pemasangan Komponen Water Turbine Kit



Rajah 4 : Gambarajah Litar Yang Digunakan

Rajah diatas menunjukkan litar yang digunakan dalam menyiapkan projek ini. Litar ini menggunakan komponen seperti Motor DC, Volt Meter, Amp Meter, Regulator 7805 (5V), Kapasitor dan juga USB connector.

Setelah pusingan turbin mencapai tahap pusingan maksimum, kuasa dipindahkan kepada Motor DC. Motor DC kemudian menghasilkan Voltan sebanyak 16V dan Arus sebanyak 0.08A. Voltan yang dihasilkan adalah cukup besar tapi putaran motor tidak dapat menghasilkan arus yang banyak untuk memberikan cukup kuasa. Setelah kuasa putaran motor disalurkan ke Volt Meter dan Amp Meter, punca tersebut dihantar kepada Regulator.

Kegunaan Regulator adalah untuk menghadkan voltan yang terhasil supaya mengikuti voltan yang kita inginkan. Dalam rajah diatas, regulator yang digunakan adalah regulator 5V dan ditambah dengan kapasitor. Jadi, saluran terakhir dihantar kepada USB connector yang menggunakan Voltan sebanyak 5V. Dengan ini, telefon dapat di cas melalui USB connector yang telah menerima voltan sebanyak 5V. Disebabkan arus yang sedikit, maka masa pengecasan telefon bimbit mengambil masa yang lama. Walaubagaimana pun prinsip penghasilan water turbine kit dapat dihasilkan.

3. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan adalah berdasarkan data ujikaji yang telah di jalankan di dalam bengkel dan makmal.

Prosedur Menjalankan Eksperimen.

1. Memastikan nozel dibuka.
2. Kawal tekanan bendalir masuk.
3. Ambil bacaan dari 1 bar, 2bar dan 3 bar tekanan bendalir dari tolok tekanan.
4. Ambil bacaan dari meter Volt dan meter Amp.
5. Ulangi operasi dan hitung nilai purata.
6. Catat semua data dalam JADUAL 1.1, JADUAL 1.2 dan JADUAL 1.3.
7. Kirakan kuasa terhadap tekanan bendalir dengan menggunakan formula dalam data yang diambil
8. Letakkan graf untuk TIGA tekanan bendalir berbeza terhadap kuasa, Berikut adalah contoh data yang telah di perolehi.

Eksperimen 1 :

Tekanan Bendalir = 1.5 bar

Jadual 2: Eksperimen 1

Jumlah ujian	1	2	3	Purata
Tekanan masukanP 1 (bar)	1.5	1.5	1.5	1.5
Voltan V (V)	14.11	13.99	13.29	13.79
Arus I (A)	0.066	0.066	0.065	0.066


Eksperimen 2 :

Tekanan bendalir = 2 bar

Jadual 3: Eksperimen 2

Jumlah ujian	1	2	3	Purata
Tekanan masukan P1 (bar)	2	2	2	2
Voltan V (V)	16.23	16.39	16.41	16.34
Arus I (A)	0.077	0.077	0.078	0.077

Graf menunjukkan tiga perbezaan tekanan pada bendalir terhadap kuasa yang telah dihasilkan . $P = IV$



Ini bermakna semakin tinggi nilai tekanan semakin tinggi kuasa yang dapat di hasilkan.

4. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya projek ini dapat menjana kuasa dari pergerakan air. Ini ditunjukkan oleh tenaga kinetik yang memindahkan kuasa untuk mengecas telefon. Reka bentuk projek ini boleh diperluaskan dan digunakan untuk banyak aplikasi dunia sebenar. Maka jumlah tenaga yang dihasilkan dari projek ini sudah cukup untuk menghasilkan kuasa dan seterusnya pelajar dapat memahami konsep hentaman air daripada nilai tekanan yang berbeza akan menghasilkan nilai kuasa yang berbeza.

Rujukan

Thermodynamics an Engineering Approach – Fifth Edition, Yunus A. Cengel and Michael A. Boles.

Microhydro : Clean Power From water (by Scott Davis and Corrie Laschuk)

Motors as Generators for Micro-Hydro Power (by Nigel Smith)

<https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=1&cad=rja&uact=8&ved=0ahUKEwid6fuu49HSAhUEJZQKHSW8AyoQFggZMAA&url=https%3A%2F%2Fen.wikipedia.org%2Fwiki%2FWatermill&usg=AFQjCNHd5VpWhvkTD8zql1JyAjkoQpXvag&sig2=h2OvYJvX1PsmuheYB8rRgw&bvm=bv.149397726,d.dGo>

- Biedenweg, K., Monroe, M. C., & Wojcik, D. J. (2016). *Foundation of environmental education* (M. E. Monroe, M. C., & Krasny (ed.); 3rd ed.). North American association for environmental education. https://cdn.naaee.org/sites/default/files/acrossthespectrum_8-1-%0A16.pdf
- Brown, G. (2022). Proposing Problem-Based Learning for teaching future forensic speech scientists. *Science and Justice*. <https://doi.org/10.1016/j.scijus.2022.03.006>
- Fauziah, N., Andayani, Y., Hakim, A., Pascasarjana, P., Mataram, U., Studi, P., Kimia, P., & Sains, L. (2019). *Masalah Berorientasi Green Chemistry Pada Materi Laju Reaksi Improving Student Science Literacy Through Problem-Based Learning*. 14(2), 31–35.

- Fibonacci, A., Haryani, S., & Sudarmin. (2017). Effectiveness of Socio-Science Issues in Chemistry Class to Improve Scientific Literacy in High School: Redox Reaction and Environmental Issues. *Man In India*, 97(17), 249–256.
- Ghany, H. (2018). Penyelenggaraan Pendidikan untuk Pembangunan Berkelanjutan di Sekolah Dasar. *Jurnal Madaniyah*, 8(2), 189–202.
- Kioupi, V., & Voulvoulis, N. (2019). Education for sustainable development: A systemic framework for connecting the SDGs to educational outcomes. *Sustainability (Switzerland)*, 11(21). <https://doi.org/10.3390/su11216104>
- Lewinsohn, T. M., Attayde, J. L., Fonseca, C. R., Ganade, G., Jorge, L. R., Kollmann, J., Overbeck, G. E., Prado, P. I., Pillar, V. D., Popp, D., da Rocha, P. L. B., Silva, W. R., Spiekermann, A., & Weisser, W. W. (2015). Ecological literacy and beyond: Problem-based learning for future professionals. *Ambio*, 44(2), 154–162. <https://doi.org/10.1007/s13280-014-0539-2>
- Nuswowati, M., Susilaningsih, E., Ramlawati, & Kadarwati, S. (2017). Implementation of problem-based learning with green chemistry vision to improve creative thinking skill and students' creative actions. *Jurnal Pendidikan IPA Indonesia*, 6(2), 221–228. <https://doi.org/10.15294/jpii.v6i2.9467>
- Pitt, S., Lacey, M. van M., Scaife, E., & Pitt, J. (2021). No app is an island: Collective action and sustainable development goal-sensitive design. *International Journal of Interactive Multimedia and Artificial Intelligence*, 6(5), 24–33. <https://doi.org/10.9781/ijimai.2021.02.005>
- Prastiwi, L., Sigit, D. V., & Ristanto, R. H. (2020). Hubungan Antara Literasi Ekologi Dengan Kemampuan Memecahkan Masalah Lingkungan Di Sekolah Adiwiyata Kota Tangerang. *Jurnal Pendidikan Matematika Dan IPA*, 11(1), 47. <https://doi.org/10.26418/jpmipa.v11i1.31593>
- Remondo, Y., Redon, H., & Taufik, E. N. (2021). Hubungan pengetahuan ekologi dan sikap pro-lingkungan dengan kepedulian dalam pengelolaan lingkungan siswa. *Journal of Environment and Management*, 2(3), 263–272. <https://doi.org/10.37304/jem.v2i3.4387>
- Rieckmann, M. (2017). *Education for sustainable development goals: Learning objectives*. UNESCO.
- Rosana, M. (2018). Kebijakan Pembangunan Berkelanjutan yang Berwawasan Lingkungan di Indonesia. *Ilmu Sosial*, 1(1), 148–163.
- Satrianingsih, C. J. P., Haryani, S., & Dewi, N. R. (2016). Model Pembelajaran Berbasis Masalah Berbantuan Science Pocket Book untuk Meningkatkan Kemampuan Kognitif dan Sikap Terhadap Sains. *Journal of Innovative Science Education*, 1(1), 1–9.
- Setyorini, L., Haryani, S., & Susilaningsih, E. (2022). Development of e-module based on local wisdom to improve science literacy and reading literacy. *Jurnal Pendidikan Kimia*, 14(1), 28–38. <https://doi.org/10.24114/jpkim.v14i1.32948>
- Shurygin, V. Y., & Sabirova, F. M. (2017). Particularities of blended learning implementation in teaching physics by means of LMS Moodle. *Rev. Espac*, 38(40), 39.
- Siddiq, M. N., Supriatno, B., & Saefudin, S. (2020). Pengaruh penerapan problem based learning terhadap literasi lingkungan siswa SMP pada materi pencemaran lingkungan. *Assimilation: Indonesian Journal of Biology Education*, 3(1), 18–24. <https://doi.org/10.17509/aijbe.v3i1.23369>
- Sudarmin, S., Selia, E., & Taufiq, M. (2018). The influence of inquiry learning model on additives theme with ethnoscience content to cultural awareness of students. *Journal of Physics:*

Conference Series, 983(1). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/983/1/012170>

Sudarmin, S., Zahro, L., Pujiastuti, S. E., Asyhar, R., Zaenuri, Z., & Rosita, A. (2019). The development of PBL-based worksheets integrated with green chemistry and ethnoscience to improve students' thinking skills. *Jurnal Pendidikan IPA Indonesia*, 8(4), 492–499. <https://doi.org/10.15294/jpii.v8i4.17546>

Sudarmin, & Sumarni, W. (2018). Increasing character value and conservation behavior through integrated ethnoscience chemistry in chemistry learning: A Case Study in the Department of Science Universitas Negeri Semarang. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 349(1). <https://doi.org/10.1088/1757-899X/349/1/012061>

Zhou, W., Fisher, B., & Pickett, S. T. A. (2019). Cities are hungry for actionable ecological knowledge. *Frontiers in Ecology and the Environment*, 17(3), 135. <https://doi.org/10.1002/fee.2021>

Zuhara, N. R., Supardi, K. I., & Susilaningsih, E. (2020). The Effect of The Problem Based Learning Model Using Quizizz Evaluation on on Student's Cognitive Science Learning Outcomes in Elementary School. In *Journal of Primary Education* (Vol. 9, Issue 4, pp. 364–376).

Laman Web Pogram Mini Project: Inovasi Dalam Pelaksanaan Program Kecemerlangan Pelajar

Nurliyana Husna binti Ramli
Jabatan Matematik Sains &
Komputer
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60199100694,
nurliyana@pkb.edu.my

Mohd Faizal bin Ismail
Jabatan Matematik Sains &
Komputer
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60129664997,
faizaljmsk@pkb.edu.my

Abstrak

Perkembangan teknologi maklumat banyak mempengaruhi budaya kehidupan masa kini sehingga menjadikan penggunaan aplikasi dalam talian sebagai anjakan baru dalam sektor pendidikan. Justeru itu Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) Politeknik Kota Bharu (PKB) mengambil inisiatif untuk melaksanakan program kecemerlangan pelajar dalam talian. Laman web Program Mini Projek ialah satu inovasi dalam melaksanakan program pelajar yang dilaksanakan oleh JMSK. Dibangunkan dengan menggunakan perisian Google Sites, ia dapat berfungsi sebagai satu platform yang mudah untuk dicapai oleh semua peserta program khususnya dan semua pensyarah dan pelajar kursus DBS10012-Sains Kejuruteraan yang lain amnya. Para peserta juga dapat mengetahui segala informasi berkaitan dengan program dengan lebih mudah. Selain daripada itu, laman web ini juga dapat memudahkan para juri untuk mengadili mini projek yang telah dibangunkan kerana semua video mini projek dan borang markah telah dimuat naik di platform. Program Mini Projek di bawah seliaan kursus DBS10012 dapat membina pelajar untuk berfikir dengan lebih kreatif dan inovatif. Selaras dengan penekanan terhadap STEM yang diterapkan di institusi pendidikan. JMSK turut mengambil pendekatan untuk meluaskan lagi pendedahan teknologi dalam kalangan pelajar. Dengan pembangunan laman web bagi program ini, segala maklumat mengenai Program Mini Projek juga dapat dicapai oleh semua warga PKB dan insitusi lain.

Kata kunci: Laman web, Google Sites, dalam talian

1. PENGENALAN

Program Mini Projek merupakan salah satu program kecemerlangan pelajar yang dilaksanakan oleh Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK), Politeknik Kota Bharu (PKB). Program ini adalah satu pertandingan bagi Mini Projek yang dibangunkan oleh pelajar kursus DBS10012-Sains Kejuruteraan. Ia terdiri daripada semua pelajar program Kejuruteraan semester satu. Di mana setiap kelas akan diwakili oleh satu kumpulan yang telah menghasilkan mini projek yang terbaik untuk dipilih menyertai program ini. Program ini bertujuan untuk membuka minda pelajar agar berfikiran lebih kreatif dan berani memikirkan idea-idea yang baru bagi menghasilkan Mini Projek yang bersesuaian dengan kandungan topik pembelajaran dalam kursus Sains Kejuruteraan dan juga pelajar perlu menyediakan video bagi mempersembahkan idea masing-masing.

Pensyarah kursus DBS10012-Sains Kejuruteraan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program ini secara dalam talian. Selain daripada kekangan akibat daripada penularan COVID 19 yang telah berlaku, penggunaan teknologi dalam talian merupakan pendekatan baharu yang telah diaplikasikan dalam sektor pendidikan. Melalui laman web ini juga, para juri dapat melakukan

penilaian secara dalam talian. Semua video Mini Projek yang dipertandingkan dimuatnaik di dalam laman web. Selain itu, borang markah juga telah disediakan dengan menggunakan aplikasi Google Form dan juga dimuatnaik di dalam laman web.

Beribu-ribu aplikasi baharu telah diwujudkan dan semakin banyak digunakan untuk urusan peribadi, pendidikan dan pengurusan (Mohd Nazri Md Saad, 2017). Oleh itu, semua institusi pendidikan di negara ini telah mempelbagaikan kaedah dalam talian untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPR) masing-masing.

Justeru, JMSK telah mengambil pendekatan melaksanakan program tersebut secara atas talian. Semua Mini Projek yang dipertandingkan akan dikumpulkan di satu platform bagi memudahkan semua juri mengakses video yang telah dipertandingkan. Kaedah yang digunakan untuk membangunkan laman web adalah menggunakan perisian *Google Sites* yang boleh dicapai oleh semua individu tanpa had masa dan lokasi. Hanya capaian internet yang merupakan faktor utama kebolehcapaian laman web ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Noriyani (2017), menggunakan teknologi yang boleh menjimatkan masa dan penggunaan tenaga malah memudahkan transformasi dan pemindahan maklumat untuk bergerak dan berlaku di ruang siber atau maya yang tidak mempunyai lokasi tertentu, kini menjadi realiti dalam dunia perguruan di Malaysia.

Oleh itu, Program Mini Projek bagi kursus DBS10012 yang dilaksanakan oleh JMSK mengambil inisiatif membina laman web menggunakan *Google Sites*. Perisian ini membenarkan pengguna bukan teknikal untuk mengatur dan berkongsi maklumat digital seperti pautan Web, kalendar, foto, video, pembentangan, lampiran dan dokumen lain dalam tapak yang mudah diselenggara (Auchard, 2008). *Google Sites* ialah aplikasi yang disediakan secara percuma kepada pengguna Google. Salah satu kegunaan dan faedah yang boleh diambil daripada aplikasi *Google Sites* ini adalah ianya sesuai untuk dijadikan platform untuk mengumpul pelbagai bahan yang relevan dan sesuai. Oleh itu, segala informasi berkenaan dengan program dapat dikumpulkan di dalam satu platform dan mudah untuk dicapai oleh semua pelajar dan pensyarah kursus DBS10012.

Platform *Google Sites* membolehkan mana-mana pengguna yang ditetapkan untuk berkongsi platform untuk mengedit halaman tanpa memerlukan pengetahuan tentang pengekodan atau reka bentuk Web. Setiap individu yang telah ditetapkan juga boleh membuat halaman profil aktiviti, minat dan jadual mereka. Platform *Google Sites* boleh berfungsi sebagai bilik darjah maya untuk menyiarkan tugas kerja rumah, nota kelas atau sumber pelajar lain (Auchard, 2008). Oleh kerana laman web yang dibangunkan ini menggunakan aplikasi *Google Sites*, ia sangat mesra pengguna memandangkan kebanyakan pelajar dan pensyarah sudah biasa dengan penggunaan aplikasi ini.

Justeru itu, laman web yang telah dibangunkan sangat memberikan impak yang positif dalam pelaksanaan program kecemerlangan pelajar JMSK, PKB.


1.3 Objektif

Objektif utama laman web ini adalah untuk menyediakan platform di mana semua peserta program boleh mendapatkan maklumat tentang program ini dengan lebih mudah tanpa kekangan masa. Bukan itu sahaja, juri juga boleh mengakses semua video Mini Projek di laman web ini dan memberikan markah secara dalam talian menggunakan borang markah yang telah disediakan di dalam laman web. Ia juga merupakan kaedah terbaru yang digunakan oleh JMSK, PKB dan kali pertama digunakan. Laman web ini akan menjadi platform di mana segala maklumat mengenai Program Mini Projek boleh diakses oleh pelajar dan pensyarah JMSK pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Bukan itu sahaja, laman web yang telah dibangunkan ini dapat dicapai oleh semua warga PKB dan juga institusi

luar. Selain itu, ia juga dapat memberikan gambaran awal kepada pelajar semester yang akan datang mengenai penghasilan Mini Projek bagi kursus DBS10012.

2. METODOLOGI KAJIAN

Laman web Program Mini Projek ini dibangunkan menggunakan Model ADDIE. Menurut Dr. Serhat Kurt (2018), pendidik, pereka bentuk pengajaran dan pembangun latihan mendapati model ini sangat berguna kerana mempunyai peringkat yang ditakrifkan dengan jelas memudahkan pelaksanaan alat latihan yang berkesan serta Model ADDIE telah mendapat penerimaan dan penggunaan yang meluas. Secara amnya aliran kerja model ADDIE adalah seperti berikut:



Rajah 1 : Model ADDIE

Terdapat 5 fasa pembangunan yang terkandung dalam model ADDIE iaitu fasa :

- i) Analysis (Analisa)
 - beberapa kajian perlu dilaksanakan terhadap pengguna yang bakal melayari laman web ini
- ii) Design (Rekabentuk)
 - pembangun perlu menetapkan objektif pembinaan laman web, strategi yang digunakan, pendekatan yang dipilih serta menetapkan bentuk persembahan yang sesuai untuk membangunkan laman web ini
- iii) Development (Pembangunan)
 - proses pembangunan laman web akan mula dijalankan
- iv) Implimentation (Pelaksanaan)
 - persembahan akan dinilai secara formal dan tidak formal bagi memastikan kesempurnaan laman web ini sebelum ia disebarikan kepada pengguna internet
- v) Evaluation (Penilaian)
 - peringkat yang terakhir, laman web yang dibangunkan perlu melalui satu proses penilaian bagi meminimumkan ralat kesilapan yang berlaku.

3. ANALISIS DAN PERBINCANGAN


Platform laman web Program Mini Projek mempunyai 6 menu utama. Semua menu ada fungsi tersendiri.

Menu pertama ialah Laman Utama di mana semua pengguna boleh melihat maklumat latar belakang tentang program ini.




Rajah 2 : Menu Utama

Menu kedua ialah Syarat Pertandingan yang merangkumi arahan dan syarat pertandingan yang perlu dipatuhi oleh peserta.




Rajah 3: Menu Syarat Pertandingan

Menu ketiga ialah Senarai Video. Dalam menu ini, semua video daripada peserta dimuat naik. Semua peserta mempunyai ID mereka sendiri. Jadi juri dapat mengenal pasti setiap peserta dengan lebih mudah dan juri akan dapat menilai setiap Mini Projek dalam menu ini.




Menu keempat ialah Penjurian. Borang markah telah disediakan dengan menggunakan aplikasi *Google Form*. Para juri hanya perlu mengisi borang markah yang telah disediakan dan mengadili setiap kumpulan berdasarkan ID yang telah diberikan bagi setiap video.




Rajah 5 : Penjurian

Menu kelima ialah Maklum Balas Peserta, di mana semua peserta boleh mengisi Borang Soal Selidik untuk memberi maklum balas tentang laman web program ini.



Rajah 6 : Maklum balas Peserta

Dan menu terakhir ialah Senarai Pemenang. Menu ini hanya akan dipaparkan apabila program selesai. Menu ini dijana untuk menggalakkan pelajar untuk lebih mengambil bahagian dalam aktiviti institusi.



Rajah 7 : Senarai Pemenang

3.1 Analisis Data

Borang Soal Selidik telah diberikan kepada peserta menggunakan *Google Form*. Menggunakan Skala Likert 5 skala, keberkesanan laman web ini telah diuji. Jadual di bawah menunjukkan dapatan daripada soal selidik tersebut.

Jadual 1: Keberkesanan Laman Web

	Minima	Maksima	MIN
Program ini dapat meningkatkan kefahaman mengenai Kursus Engineering Science DBS10012	3	5	4.60
Program dan laman web ini meningkatkan daya kreativiti untuk menghasilkan inovasi	3	5	4.65
Program dan laman web ini menambah pengetahuan dalam bidang multimedia	3	5	4.54
Laman web ini memudahkan untuk mencapai maklumat mengenai program ini	3	5	4.65
Program dan laman web ini menambahkan minat untuk menghasilkan inovasi	3	5	4.57
Program dan laman web ini dapat mendedahkan saya mengenai teknologi Google Site	3	5	4.62
Program dan laman web ini dapat menambah pengetahuan dalam rekacipta dan inovasi teknologi maklumat	3	5	4.65
Laman web ini dapat memudahkan saya untuk melihat hasil rekacipta kawan	3	5	4.60
Laman web ini sangat mesra pengguna	3	5	4.59
Min Keseluruhan			4.60

Daripada soal selidik yang telah diberikan kepada pelajar, didapati laman web ini memberikan maklum balas yang positif di mana nilai min yang diperolehi agak tinggi.

4. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kelebihan inovasi ini ialah ia dapat menyediakan satu platform khas untuk mengumpul segala maklumat mengenai Program Projek Mini di mana semua pelajar dan pensyarah boleh mengakses segala maklumat mengenai program ini dengan mudah. Setiap maklumat terkini boleh dikemaskini dari semasa ke semasa dan boleh diakses oleh warga politeknik lain tanpa kekangan masa. Selain itu, juri juga dapat menilai semua Mini Projek dengan lebih mudah kerana setiap video Mini Projek mempunyai ID yang telah ditetapkan. Borang markah juga telah disediakan dalam laman web. Laman web ini juga boleh memberi pendedahan awal kepada pelajar yang baru mendaftar kursus DBS10012 mengenai Mini Projek.

Mini Projek yang dihasilkan oleh peserta juga boleh disebar kepada semua pelajar dan kakitangan Politeknik Kota Bharu. Ia juga mampu meningkatkan semangat pelajar untuk menghasilkan Mini Projek yang lebih baik. Laman web ini juga boleh dicapai oleh semua warga politeknik lain terutamanya pelajar yang mengambil kursus DBS10012-Sains Kejuruteraan. Pembangunan laman web bagi program kecemerlangan pelajar telah memberi impak positif yang luar biasa kepada pelajar memandangkan sebahagian besar pelajar menganggap penggunaan *Google Sites* sebagai teknologi pembelajaran yang inovatif sebagai peningkatan utama dalam meningkatkan pengetahuan komputer am mereka (Sumarie & Carina, 2012). Namun begitu, usaha penambahbaikan perlu dilakukan terhadap prasarana di politeknik dari aspek kemudahan dan capaian internet yang lebih memuaskan.

Kesimpulannya, pembangunan laman web menggunakan aplikasi *Google Sites* boleh menjadi salah satu inovasi dalam pendidikan dan dapat mengaplikasikan teknologi terkini dalam bidang pendidikan.

Rujukan

- Auchard, E., (2008), Google Offers Team Web Site Publishing Service. Achieved on 1 Jun 2022.http://web.archive.org/web/20080302210238/http://news.yahoo.com/s/nm/20080228/tc_nm/google_sites_dc_1
- Dr. Serhat Kurt (2018). ADDIE Model: Instructional Design. Educational Technology, International Society for Educational Technology (ISAT). Achieved on 5 Jun 2022.
<https://educationaltechnology.net/the-addie-model-instructional-design/>
- Mohd Nazri Md Saad. (2017). Perkembangan Media, Multimedia dan Teknologi Maklumat Masa Kini. The International Conference on Development of Education, Environment, Tourism, Economics, Politics, Arts and Heritage (ICDETAH2017), Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noriyani Binti Doman (2017). Implikasi Google Apps dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pelajar Pesisir UTHM. Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional UTHM. Achieved on 5 Jun 2022.<https://core.ac.uk/download/pdf/141497907.pdf>
- Sumarie Roodt & Carina de Villeirs (2012). Using Google Sites As An Innovative Learning Tool At Undergraduate Level In Higher Education. AIS Electronic Library, ECIS 2012 Proceeding. Achieved on 6 Jun 2022.
https://www.researchgate.net/publication/287242421_Using_google_sitesC_as_an_innovative_learning_tool_at_undergraduate_level_in_higher_education

Keberkesanan Pembelajaran Secara Atas Talian Bagi Kursus Strength Of Materials (DJJ3103) Di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Bharu

Mohd Sobri Bin Hussin
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60199941969,
sobri@pkb.edu.my.

Ahmad Farudzi Bin Azib
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60139221971,
farudzi@pkb.edu.my.

Abd Aziz Md Zin
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60199170207
abdazizz@pkb.edu.my.

Abstrak

Kaedah e-pembelajaran merujuk kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk membolehkan akses kepada sumber pembelajaran atau dikenali sebagai pengajaran dalam talian. E-pembelajaran ini boleh meningkatkan keberkesanan pengetahuan dan kelayakan melalui kemudahan mengakses sejumlah besar maklumat. Kajian ini telah dijalankan bagi mengenalpasti tahap keberkesanan pengajaran secara atas talian bagi subjek DJJ 3103 Strength of Materials dalam kalangan pelajar di Politeknik Kota Bharu. Seramai 40 orang pelajar telah terlibat dalam kajian ini yang dijalankan melalui borang soal selidik yang diberikan secara sebaran Google Form melalui pensyarah masing-masing. Dapatan telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20. Keputusan menunjukkan respons positif bagi semua soalan yang berkaitan dengan kaedah pembelajaran secara atas talian bagi subjek DJJ 3103 ini dan para pelajar dilihat sesuai untuk melalui pembelajaran dengan kaedah ini. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberi sedikit panduan untuk para pensyarah memperlengkapkan diri mereka untuk bersedia dengan kaedah pembelajaran secara atas talian pada masa akan datang.

Kata kunci: Pembelajaran secara atas talian, e-pembelajaran

1. Pengenalan

Pada hari ini, semakin banyak pusat pengajian tinggi serta institusi pendidikan tinggi yang menawarkan kaedah pembelajaran dan pengajaran secara atas talian berbanding kaedah pengajaran konvensional yang biasa. Terdapat banyak sebab dan rasional di sebalik penawaran kepada kaedah pembelajaran secara atas talian atau e-pembelajaran ini, iaitu termasuklah untuk meningkatkan akses kepada sesuatu kursus, meningkatkan kualiti pembelajaran, mengurangkan kos, mempersiapkan para pelajar dengan maklumat terkini, meningkatkan kolaborasi serta kerjasama pembelajaran di serata dunia dan menyediakan peluang pembelajaran yang sama untuk semua.

Pembelajaran kaedah lama lebih berfokus kepada pengajaran secara tradisional, iaitu komunikasi secara berdepan di dalam bilik kuliah dan ruang tutorial. Melalui pembelajaran secara atas talian, ia bukan sahaja mewujudkan komunikasi dua hala antara pengajar dan para pelajar, malah menyediakan ruang interaksi yang lebih luas secara maya. Para pelajar boleh bertanyakan apa sahaja kepada tenaga pengajar tanpa rasa segan dan para pensyarah juga boleh memberi kefahaman kepada pelajar dengan bantuan bahan-bahan yang telah disediakan secara atas talian.

Secara asasnya, kaedah pembelajaran secara atas talian ini boleh dibahagikan kepada beberapa cara utama, antaranya sistem rakaman/tangkapan kuliah (*lecture capture system*), konferen secara web dan forum. Untuk sistem rakaman/tangkapan kuliah, ia akan mencatat setiap aspek persembahan,

termasuk semua bahan sampingan, seperti slaid Power Point, anotasi papan putih interaktif atau output dari kamera dokumen. Rakaman akan dipinda agar pengajaran menjadi lebih komprehensif untuk pelajar menontonnya dengan lebih baik. Selain itu, pensyarah juga boleh terlibat dalam audio dan video secara langsung. Dalam LCS berasaskan perisian, ejen dimuat turun ke komputer penyampai, yang dihubungkan dengan perkakasan lain (mikrofon, kamera video dan papan putih interaktif) yang digunakan untuk sesi tersebut. Kemudian, apabila rakaman sesi yang diedit selesai, LCS secara automatik menyebarkan pautan kepada akaun pelajar yang mendaftar ke akaun utama pengajar. Selain itu, tenaga pengajar juga dapat mengeluarkan nota kuliah, pengumuman dan fail lain mengikut jadual yang ditetapkan untuk dimuat turun oleh para pelajar (Lam, Fern, Chong, Huat, & Leng, 2014a).

Konferen secara web pula adalah sejenis persidangan web yang boleh digunakan untuk memberikan kuliah melalui penyampaian oleh pengajar di hadapan komputer. Ia boleh dilakukan secara serentak kepada beberapa kumpulan pelajar yang berlainan dan mereka boleh berinteraksi serta menjawab soalan di tempat masing-masing. Teknologi yang diperlukan untuk menyokong sistem ini adalah pelbagai. Ia berfungsi dengan baik jika semua penonton atau pelajar mempunyai sambungan internet berkelajuan tinggi, mikrofon, kamera web, kamera video digital dan perisian persidangan web, yang dapat dipasang dengan mudah.

Kaedah pengajaran secara forum pula adalah laman perbincangan dalam talian di mana pengajar dan pelajar dapat mengadakan perbualan dalam bentuk pesanan yang dihantar. Ini berbeza dengan ruang sembang kerana mesej diarkibkan buat sementara waktu. Biasanya, platform pembelajaran akan mempunyai forum sendiri, tetapi ada juga laman web yang menyediakan kemungkinan untuk membuat forum percuma anda sendiri seperti www.freeforums.org.

Subjek Strength of Material (DJJ 3103) merupakan suatu subjek teras bagi semua pelajar kejuruteraan yang banyak melibatkan pengajaran secara teori dan kelas praktikal. Objektif bagi subjek ini adalah untuk menganalisis masalah yang berkaitan dengan kekuatan bahan dan data dari eksperimen yang berkaitan dengan aspek teori, mengatur eksperimen secara berkumpulan mengikut Prosedur Operasi Standard, serta menunjukkan kemampuan bekerja dalam pasukan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan semasa sesi kerja praktikal.

2. Latar Belakang Kajian

Peningkatan penggunaan teknologi dan internet berasaskan web dalam sistem pendidikan adalah trend global, terutamanya dalam bidang pendidikan tinggi. E-pembelajaran berasaskan teknologi merangkumi penggunaan internet dan teknologi penting lain untuk menghasilkan bahan untuk belajar, mengajar pelajar, dan juga mengatur kursus dalam organisasi. Konsep e-pembelajaran ini merangkumi pelbagai aplikasi, kaedah dan proses pembelajaran. Dengan cara menggunakan e-pembelajaran ini, penyampaian bahan dan penjelasan kursus dikongsi antara kaedah pembelajaran tradisional dan kaedah e-pembelajaran dalam suasana bilik darjah (Azhari & Ming, 2015).

Penerapan e-pembelajaran dalam bidang pendidikan, terutamanya untuk institusi pendidikan tinggi mempunyai beberapa kelebihan, dan melihat kepada kelebihan yang dimilikinya, e-pembelajaran dianggap antara kaedah pendidikan terbaik. Ia fleksibel apabila isu masa dan tempat dipertimbangkan. Setiap pelajar mempunyai kebebasan untuk memilih tempat dan masa yang sesuai dengannya. E-pembelajaran meningkatkan keberkesanan pengetahuan dan kelayakan melalui kemudahan mengakses sejumlah besar maklumat. Kaedah pembelajaran ini juga membantu menghilangkan halangan yang berpotensi menghalang para pelajar termasuklah ketakutan untuk berinteraksi dengan pengajar atau pelajar lain. E-pembelajaran membantu memotivasikan pelajar untuk berinteraksi dengan yang lain, serta bertukar pandangan dan menghormati sudut pandangan yang berbeza. E-pembelajaran turut memudahkan komunikasi dan juga memperbaiki hubungan yang mengekalkan pembelajaran (Appana, 2008).

Namun begitu, berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat banyak masalah serta halangan dalam mengaplikasikan e-pembelajaran atau pembelajaran secara atas talian ini sepenuhnya di institusi pengajian tinggi. Mewujudkan suatu persekitaran e-pembelajaran yang berkesan memerlukan usaha yang berterusan dan kolaboratif dari pelbagai pihak yang berkepentingan, bermula daripada para pelajar, institusi akademik hinggalah pihak kerajaan (Zakaria, Hamzah, & Razak, 2017).

Bagi sesebuah subjek teras seperti DJJ 3103, Strength of Materials ini, ia adalah suatu subjek yang harus diaplikasikan kaedah pembelajaran dan pengajarannya secara atas talian. Selain daripada memudahkan para pelajar, kaedah ini juga membantu para pensyarah untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran dengan lebih awal dan menjimatkan masa mereka. Justeru, kajian ini telah dilaksanakan untuk melihat sejauh manakah keberkesanan pembelajaran secara atas talian bagi subjek Strength of Materials, DJJ 3103 ini dalam kalangan para pelajar di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Bharu.

3. Objektif

Untuk melihat keupayaan dan keberkesanan pembelajaran secara atas talian bagi subjek Strength of Materials, DJJ 3103 dalam kalangan pelajar di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Bharu.

4. Metodologi Kajian

Ini merupakan satu kajian kuantitatif secara deskriptif bagi melihat dan memberi penerangan kepada keberkesanan kaedah pembelajaran secara atas talian bagi subjek DJJ 3103 Strength of Materials di Politeknik Kota Bharu. Seramai 40 orang pelajar di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Bharu telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah secara soal selidik melalui borang yang mengandungi lapan soalan dan diedarkan melalui sebaran pautan Google Form untuk para pelajar melalui pensyarah masing-masing. Kaedah ini digunakan kerana ia adalah lebih mudah dan menjimatkan masa bagi melihat respon para pelajar.

Dapatan bagi kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20.0. Analisis deskriptif yang terlibat adalah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Setiap soalan akan dianalisa dari segi peratusannya bagi melihat sejauh manakah para pelajar bersetuju dengan kaedah pembelajaran secara atas talian ini.

5. Analisis Dan Perbincangan

Keputusan bagi kajian ini dipecahkan kepada dua bahagian utama, iaitu bahagian satu yang menerangkan dapatan tentang profil responden dan bahagian kedua yang menerangkan dapatan respons daripada borang soal selidik yang diedarkan. Jadual 1 tersebut menerangkan dapatan bagi profil responden. Keputusan menunjukkan bahawa majoriti daripada responden terdiri daripada pelajar Diploma dalam Kejuruteraan Mekanikal A (DKM A), iaitu sebanyak 70%, manakala selebihnya adalah pelajar Diploma dalam Kejuruteraan Mekanikal B (DKM B).

Jadual 1: Profil Responden Mengikut Program

Program	Frekuensi (N=40)	Peratusan (%)
Diploma dalam Kejuruteraan Mekanikal A (DKM 4A)	28	70
Diploma dalam Kejuruteraan Mekanikal B (DKM 4B)	12	30

Dapatan untuk bahagian kedua pula adalah berkaitan dengan respons responden bagi soal selidik untuk keberkesanan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian bagi subjek DJJ 3103 Strength of Material yang dijalankan dalam kalangan pelajar. Daripada keputusan, didapati bahawa majoriti responden memberikan respon positif dan bersetuju dengan kebanyakan soalan yang diberikan.

Sebanyak 95% responden menyatakan bahawa mereka meminati subjek DJJ 3103 dan 90% berpendapat bahawa bahan pengajaran secara softcopy amat memudahkan proses pembelajaran secara atas talian. Manakala, 87.5% bersetuju bahawa kaedah pengajaran secara atas talian untuk subjek ini memudahkan mereka untuk berinteraksi dengan tenaga pengajar. Sebahagian besar (92.5%) daripada responden pula sentiasa mencari bahan tambahan untuk persediaan kelas secara atas talian ini. 95% responden pula tidak ingin terlepas untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian untuk subjek ini.

Jadual 2: Respons bagi Keberkesanan Pengajaran Secara Atas Talian bagi DJJ 3103 Strength of Materials [N=40]

Bi 1	Item	Ya		Tidak		Lain-lain	
		f	%	f	%	f	%
1.	Saya sangat meminati subjek DJJ 3103 Strength of Materials	38	95	0	0	2	5
2.	Bahan pengajaran secara softcopy amat memudahkan pembelajaran secara atas talian untuk DJJ 3103 Strength of Materials	36	90	0	0	4	10
3.	Pembelajaran secara atas talian untuk DJJ 3103 Strength of Materials membolehkan saya berinteraksi dengan lebih berkesan dengan pengajar	35	87.5	2	5	3	7.5
4.	Saya banyak mencari bacaan tambahan secara atas talian untuk DJJ 3103 Strength of Materials	37	92.5	2	5	1	2.5
5.	Saya tidak mahu terlepas/terkecuali daripada kelas dan pembelajaran secara atas talian untuk DJJ 3103 ini	38	95	0	0	2	5
6.	Subjek DJJ 3103 Strength of Materials adalah lebih sesuai diajar secara atas talian berbanding cara biasa	38	95	2	5	0	0
7.	Saya boleh terlibat secara aktif sewaktu pembelajaran secara atas talian untuk DJJ 3103 ini	34	85	2	5	4	10
8.	Saya mahu pembelajaran secara atas talian untuk subjek DJJ 3103 Strength of Materials ini dikekalkan	39	97.5	0	0	1	2.5

Majoriti responden, iaitu 95% berpendapat bahawa subjek DJJ 3103 ini adalah lebih sesuai untuk diajarkan secara atas talian berbanding kuliah biasa, manakala 85% menyatakan bahawa mereka boleh terlibat secara aktif melalui pembelajaran secara atas talian ini. Paling utama, 97.5% daripada responden mahu agar pembelajaran secara atas talian untuk subjek ini dikekalkan.

6. Kesimpulan Dan Cadangan

Hasil dapatan menunjukkan keputusan dan respons yang positif daripada responden berkaitan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian untuk subjek DJJ 3103 Strength of Materials ini. Secara umumnya, penerapan e-pembelajaran dalam pendidikan, terutamanya bagi institusi pendidikan tinggi mempunyai beberapa faedah, dan melihat kepada sudut tersebut, e-pembelajaran dianggap antara kaedah pendidikan yang terbaik (Arkorful & Abaidoo, 2015).

Antara faedah utama bagi e-pembelajaran atau pembelajaran secara atas talian ini adalah kemampuannya untuk memfokuskan kepada setiap individu pelajar. Ia dapat memberi peluang untuk mencipta rangkaian hubungan antara pelajar dengan menggunakan forum perbincangan. Melalui ini, e-pembelajaran membantu menghilangkan halangan yang berpotensi sewaktu pembelajaran termasuk ketakutan untuk bercakap dengan pelajar lain (Lam, Fern, Chong, Huat, & Leng, 2014b).

Dalam hal ini, pihak institusi pengajian tinggi, seperti politeknik Malaysia haruslah bersiap sedia untuk menaiktaraf sistem teknologi yang dimiliki agar dapat menyediakan ruang serta platform yang kukuh bagi mengaplikasikan kaedah e-pembelajaran. Sistem teknologi terkini serta para pengajar yang berusaha untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang e-pembelajaran adalah penting dalam menjamin kejayaan kaedah e-pembelajaran ini.

Rujukan

- Appana, S. (2008). A review of benefits and limitations of online learning in the context of the student, the instructor, and the tenured faculty. *International Journal of E-Learning*, 7(1), 5–22.
- Arkorful, V., & Abaidoo, N. (2015). The role of e-learning, advantages and disadvantages of its adoption in higher education. *International Journal of Instructional Technology and Distance Learning*, 12(1), 29–42.
- Azhari, F. A., & Ming, L. C. (2015). Review of e-learning Practice at the Tertiary Education level in Malaysia. *Indian Journal of Pharmaceutical Education and Research*, 49(4), 248–257. <https://doi.org/10.5530/ijper.49.4.2>
- Lam, J. M. S., Fern, Y. S., Chong, V. S. W., Huat, T. S., & Leng, O. Y. (2014a). Virtual learning technology and materials in Malaysian higher education. *Advanced Materials Research*, 853(January), 693–697. <https://doi.org/10.4028/www.scientific.net/AMR.853.693>
- Lam, J. M. S., Fern, Y. S., Chong, V. S. W., Huat, T. S., & Leng, O. Y. (2014b). Virtual learning technology and materials in Malaysian higher education. *Advanced Materials Research*, 853(April 2016), 693–697. <https://doi.org/10.4028/www.scientific.net/AMR.853.693>
- Zakaria, S. R., Hamzah, M. I., & Razak, K. A. (2017). Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 29–41. Retrieved from <http://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2017/07/TAMU-Vol-31-June-2017-3.pdf>

Kotak Tisu Automatik

Sofea Ling Binti Abdullah
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60125843794
mayling@pkb.edu.my.

Norliza Binti Mohd Nawi
Jabatan Kej.Mekanikal
Politeknik Kota Bharu
KM. 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh
+60199399580
norlizanawi@pkb.edu.my

Maisarawani Spahat
Politeknik Ibrahim Sultan
KM 10, Jalan Kong Kong,
81700 Pasir Gudang, Johor
+60127629565
maisarawani@yahoo.com.my

Abstrak

Tisu adalah salah satu barangan keperluan yang sering digunakan dalam kehidupan seharian seperti di rumah, tandas awam dan restoran. Penggunaan tisu sering digunakan selepas makan dan selepas menggunakan tandas namun pembaziran penggunaan tisu juga sering berlaku jika cara penggunaannya tidak dikawal. Kotak Tisu Automatik direka untuk mengatasi masalah pembaziran tisu dengan mengawal tisu keluar melalui aturcara Arduino yang telah disetkan. Mesin ini dibina menggunakan program Arduino untuk mengawal penjimatan pengeluaran keratan tisu hasil gabungan system infrared, motor DC 8V dan passive infrared sensor(PIR). Hasilnya projek ini dapat digunakan oleh orang ramai untuk menjimatkan penggunaan tisu dengan menghadkan pengeluaran sehingga 3 keratan tisu sahaja apabila passive infrared sensor (PIR) mengesan imbasan tangan.

Katakunci : Kotak Tisu Automatik, Arduino, Passive Infrared Sensor(PIR)

1.0 PENGENALAN

Kotak Tisu Automatik adalah sebuah mesin yang direkabentuk untuk mengawal pembaziran penggunaan tisu yang digunakan selepas makan dan selepas menggunakan tandas. Pembaziran penggunaan tisu kerap berlaku dalam kehidupan seharian di tempat awam seperti di rumah, tandas awam dan restoran. Kotak mesin tisu sebelum adanya inovasi, kotak tisu automatik ini menggunakan motor untuk mengeluarkan tisu dengan hanya menggunakan butang (button). Namun, terdapat masalah dengan menggunakan butang (button) untuk mengeluarkan tisu di mana jika terus ditekan butang itu, tisu akan keluar secara berterusan tanpa henti dan menyebabkan berlaku pembaziran tisu. Malahan ia amat berbahaya apabila menekan butang, kemungkinan besar risiko untuk kena renjatan elektrik itu amat mudah jika tangan pengguna dalam keadaan basah. Mesin ini menggunakan sistem infrared yang boleh mengesan kekurangan tisu dan ketiadaan tisu. Mesin ini terdiri daripada motor DC 8V berfungsi untuk menggerakkan tisu. Program Arduino dibina bagi menjalankan sistem mesin kotak tisu dengan menerima input daripada sensor infrared melalui Infrared Sensor 4 Channel, Motor DC 8V, dan Passive Infrared Sensor (PIR). Projek ini dilengkapi dengan Passive Infrared Sensor (PIR) yang dapat mengesan kehadiran tangan untuk menggerakkan motor supaya dapat mengeluarkan tisu.

1.1 Penyataan Masalah

Pada masa kini, masalah pembaziran barangan keperluan seperti tisu kerap berlaku dalam kehidupan seharian. Tisu adalah barangan keperluan yang sering digunakan oleh orang ramai namun pembaziran penggunaan tisu juga kerap berlaku di tempat awam seperti di rumah, tandas awam dan restoran. Penggunaan tisu tanpa kawalan ini akan menyebabkan kekerapan menggantikan tisu gulung kian bertambah dan juga akan menyebabkan kos penyediaan tisu tersebut tinggi.

1.2 Objektif

Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk:

- i. Menjimatkan penggunaan tisu

2.0 SOROTAN KAJIAN


Ciptaan pertama Tissue Box yang menggunakan Arduino sebagai pengawal mikro untuk mengawal setiap komponen di dalam Tissue Box adalah seperti rajah di bawah. Kotak tisu ini menggunakan butang sensor untuk mengeluarkan tisu dengan menggunakan motor DC, butang sensor, adaptor, relay, dan extender board. Antara kelemahan kotak tisu ini adalah di mana keadaan ketiadaan dan kehabisan tisu perlu sentiasa diperiksa. Selain itu, selagi butang ditekan tisu akan sentiasa keluar dan akan menyebabkan pembaziran [1].




Rajah 1.0: Kotak tisu menggunakan butang

2.1 Sistem Arduino

Arduino merupakan *board* sistem minimum mikrokontroler yang mempunyai sifat *Open Source*. *Board* Arduino ini menggunakan IC mikrokontroler AVR yang merupakan produk dari Atmel. Pada Arduino Nano digunakan IC mikrokontroler Atmega 328 (Arduino Nano 3.X) atau Atmega 168 (Arduino Nano 2.X). Selain bersifat *Open Source* Arduino juga memiliki bahasa pemrograman sendiri berupa bahasa C. Arduino Nano memiliki *DC Power Jack*, port USB Mini-B yang digunakan untuk *Upload Source Code* program ke dalam mikrokontroler [2].



Rajah 2.0 : Arduino Nano tampak depan



Rajah 3.0 : Arduino Nano tampak belakang


2.2 Sistem Infrared

Inframerah (*infrared*) ialah sinaran elektromagnet yang panjang gelombangnya lebih daripada cahaya nampak dan kurang dari mikrogelombang, iaitu di antara 700 nm dan 1 mm. Gelombang Inframerah dan milimeter digunakan dengan meluas sebagai saluran komunikasi jarak dekat seperti penggunaan alat kawalan jarak jauh (*remote control*) bagi televisyen, radio dan sebagainya. Kemudahan media bergelombang inframerah dan milimeter ini boleh digunakan di dalam sesebuah organisasi atau rangkaian kawasan setempat (*local area network*, LAN). Pengguna boleh memasang pemancar dan penerima gelombang infra merah dalam rangkaian mereka. Dengan pemasangan ini, penyambungan komputer yang berupaya menerima pakai inframerah dan milimeter dapat digunakan dalam sesebuah LAN tanpa penyambungan secara fizikal terhadap komputer-komputer berangkaian yang ada.

Oleh itu, rangkaian antara komputer-komputer atau pengguna-pengguna tidak memerlukan *plug in* untuk pelaksanaan ini. Kelebihan media bergelombang jenis ini adalah mudah untuk dipasang, kosnya yang rendah dan selamat digunakan kerana ia tidak mudah tersebar kepada media gelombang jenis lain. Ini dapat mengelakkan kecurian atau pengintipan ke atas sebarang data oleh pihak-pihak yang tidak berkenaan [3].

2.3 Sistem Passive Infrared Sensor


PIR (Penerima Inframerah Pasif) adalah berdasarkan sensor inframerah. Bagaimanapun, tidak seperti kebanyakan sensor inframerah yang terdiri daripada IR LED dan phototransistor. PIR tidak mengeluarkan apa-apa seperti LED IR. Sesuai dengan namanya 'Pasif', sensor ini hanya bertindak balas terhadap tenaga dari rasuk cahaya inframerah pasif yang dimiliki oleh setiap objek yang dikesan olehnya. Perkara itu boleh dikesan oleh sensor ini biasanya badan manusia [4].



Rajah 4.0 : Cara kerja PIR

3.0 METODOLOGI


Proses menghasilkan projek diringkaskan sebagaimana Rajah 5.0 yang ditunjukkan di bawah.



Rajah 5.0 : Carta alir proses menghasilkan Kotak Tisu Automatik

3.1 Program Arduino

Membina program arduino untuk mengawal gerak kerja mesin kotak tisu supaya bersistematik dan teratur mengikut aturcara yang telah dibina.



```
int ValPir=0, SensorTisu=0, StartMotor=0, LedKelip=0, HabisKelip=0;
void setup() {
  // put your setup code here, to run once:
  pinMode(2, OUTPUT); // motor
  pinMode(3, INPUT); // PIR
  pinMode(7, INPUT); // Sensor Tisu Nak Habis

  pinMode(4, OUTPUT); // LED Merah
  pinMode(5, OUTPUT); // LED
  pinMode(6, OUTPUT); // LED

  digitalWrite(4, HIGH); // Merah
  digitalWrite(5, HIGH);
  digitalWrite(6, HIGH);
  delay(1000);
  digitalWrite(4, LOW); // Merah
  digitalWrite(5, LOW);
  digitalWrite(6, LOW);

  digitalWrite(3, LOW); // PIR
  Serial.begin(9600);
}
```

Rajah 6.0 : Aturcara arduino

3.2 Langkah-Langkah Pemasangan Untuk Menghasilkan Projek

- i. Merekabentuk komponen pada mesin kotak tisu menggunakan mesin 3D Printer





Rajah 7.0 : Komponen tapak motor dan papan litar arduino

ii. Pemasangan komponen pada mesin tisu




Rajah 8 : Memasang gear , tapak sensor dan motor DC pada tisu gulung

iii. Membina aturcara arduino




Rajah 9 : Menyediakan papan litar Arduino dan aturcara software arduino

iv. Memateri setiap komponen




Rajah 10 : Memateri komponen 4 channel sensor

- v. Memasang sensor pada kotak tisu



Rajah 11 : Memasang sensor, motor papan litar dan lampu LED



Rajah 12 : Mesin Kotak Tisu yang telah siap

4.0 DAPATAN DAN ANALISA PROJEK

Jadual 4.1 menunjukkan hasil pemerhatian operasi mesin kotak tisu.

Jadual 1.0 : Hasil pemerhatian operasi mesin kotak tisu

Panjang Tisu	
Bilangan imbasan	1 kali imbas
Panjang tisu keluar (cm)	3 keratan tisu (41.5 cm)

Jadual 1.0 menunjukkan data yang diperolehi daripada hasil pemerhatian semasa mesin tisu beroperasi. Pemerhatian dibuat berdasarkan kepada 1 kali imbasan di mana panjang tisu yang keluar adalah 3 keratan tisu dengan ukuran 41.5cm.

Jadual 2.0: Anggaran penggunaan tisu

Bilangan tisu/hari	
Pengguna	600 orang
Bilangan tisu gulung	600 x 3 keratan = 1800 keratan 1800/160 = 11 gulung sehari

Jadual 2.0 menunjukkan anggaran penggunaan tisu. Setiap gulung tisu mempunyai 160 keratan tisu, jika pengguna tisu adalah seramai 600 orang maka hanya 11 gulung tisu sahaja yang digunakan dalam masa sehari.

5.0 KESIMPULAN

Dapatan dari hasil ujikaji, projek ini menggunakan program Arduino untuk mengawal penjimatan pengeluaran keratan tisu hasil gabungan system infrared, motor DC 8V dan passive infrared sensor (PIR). Berdasarkan pemerhatian didapati mesin ini hanya dapat mengeluarkan tisu sehingga 3 keratan tisu sahaja dan cukup untuk mengawal penggunaan tisu. Dengan adanya mesin kotak tisu ini masalah pembaziran tisu di kalangan masyarakat dapat dikurangkan sama ada di rumah, tandas awam ataupun di restoran.

6.0 RUJUKAN

- [1] <http://www.aliexpress.com/item/Smart-home-gift-mini-automatic-tissue-box-tissue-box-custom-smart-home-products-R-D/2030816626.html>
- [2] http://repository.uksw.edu/bitstream/123456789/11334/2/T1_612010036_BAB%20II.pdf
- [3] https://ms.wikipedia.org/wiki/Sinar_inframerah
- [4] http://sir.stikom.edu/2251/3/BAB_II.pdf

Inovasi Dalam Penghasilan Projek Penyedut Asap Rokok

Nik Arif Hazny Nik Yahya
Department of Mechanical
Polytechnic of Kota Bharu,
Km. 24, Kok Lanas, 16450
Ketereh, Kelantan.
097883422, (60)
arizie96@yahoo.com

Muhammad Saiful Adli bin
Fouzi
Department of Mechanical
Polytechnic of Kota Bharu
Km. 24, Kok Lanas, 16450
Ketereh, Kelantan.
097883422, (60)
msaf84@gmail.com

Abstrak

Projek ini juga bersesuaian dengan keperluan semasa yang melibatkan pemandu kenderaan. Asap rokok menjadi salah satu daripada punca penyakit paru-paru. Dimana kesannya mampu untuk membawa kepada kanser. Bagi perokok pasif, kesannya adalah lebih teruk. Oleh kerana kurangnya perhatian masyarakat terhadap impak buruk yang mungkin berlaku kepada kesihatan individu terlibat dengan asap rokok, kami memilih projek 'Smoke Suction' ini untuk membantu mereka. Dengan menggunakan sensor MQ2 sebagai sensor asap untuk mengesan asap rokok, jangka hayat bateri 'Smoke Suction' ini dapat dipanjangkan. Ini adalah kerana kipas hanya dihidupkan secara automatik apabila sensor mengesan asap. Ini dapat menjadikan sistem ini lebih cekap. Selain tu, projek yang kami bina ini menggunakan bahan yang berkualiti tetapi dengan harga yang murah. Seterusnya, penyedut asap (smoke suction) mudah untuk dibawa kemana-mana sahaja. Projek ini juga bersesuaian dengan keperluan semasa dan dapat mengurangkan kes-kes yang telah berlaku melibatkan asap rokok. Akhir sekali, projek ini lebih selamat digunakan kerana reka bentuk yang bersesuaian dengan keperluan pengguna

Keywords: Rokok, Kanser, Asap

1.0 PENGENALAN

Penjagaan paru-paru dalam kehidupan seharian manusia amatlah penting. Faktor inilah yang cuba diketengahkan dalam mereka satu alat untuk menjaga kesihatan paru-paru, tetapi ini amat membimbangkan kita kerana masyarakat sekarang hanya mementingkan kemajuan berbanding menjaga kesihatan[1]. Oleh itu, kami telah memilih projek smoke suction sebagai satu kaedah untuk menghindarkan masyarakat daripada terkena penyakit berkaitan paru-paru. Antara masalah berkaitan dengan kesihatan adalah untuk memanjangkan jangka hayat masyarakat kerana sebahagian besar masyarakat kurang mengetengahkan kesihatan. Oleh yang demikian, alat smoke suction ini dapat memberi fungsi yang baik kepada masyarakat untuk mengelakkan asap disedut ke dalam paru paru[7]. Dengan adanya Smoke Suction ini, ianya dapat mengelak ahli keluarga, isteri dan anak-anak daripada terjejas kesihatan mereka. Penghasilan Smoke Suction ni tidak memerlukan kos yang tinggi serta mampu dimiliki oleh semua golongan dari B40, M40 dan T20. Smoke suction dipilih sebagai nama projek ini kerana ianya berkait rapat dengan hal-hal sedutan. Dengan ini, terhasilnya idea untuk menggunakan nama "SMOKE SUCTION".

1.1 Latarbelakang

Di zaman serba moden sekarang, kecanggihan peralatan dan mesin telah banyak mendominasi suasana kehidupan kini[10]. Keutamaan untuk mempercepatkan sesuatu kejadian proses telah

mendorong untuk mencipta pelbagai jenis mesin dan alat yang lebih canggih dan efisien terutamanya dalam sektor mekanikal. Projek membina Smoke Suction ini bertujuan bagi menjaga kesihatan manusia dan alam sekitar. Smoke Suction ini direka untuk pengguna kenderaan seperti kereta, lori, bas dan sebagainya. Ini kerana, kebanyakan pemandu menghisap rokok, vape di dalam kereta dengan keadaan cermin sisi tidak dibuka dan mengakibatkan para penumpang terhidu dan menjejaskan kesihatan mereka[5]. Alat ini juga menggunakan kos yang rendah kerana barang-barang yang digunakan mudah didapati dan tidak mahal. Smoke Suction ini digunakan untuk mengeluarkan asap di dalam kenderaan. Alat ini beroperasi secara mekanikal kerana ia menggunakan sistem elektronik. Alat ini merupakan kaedah terbaru yang lebih mudah, jimat dan berkesan. Bukan itu sahaja malah alat ini mempunyai banyak kebaikan dalam faktor kesihatan dan dapat mengelakkan diri daripada masalah paru paru dan pernafasan[2].

1.2 Pernyataan Masalah

Dari segi pemerhatian kami, ramai masyarakat yang menghisap rokok atau vape didalam kereta tanpa mereka sedari, mereka telah memberi banyak masalah kepada orang lain terutamanya penumpang yang berada di dalam kereta tersebut. Antara masalah yang kami dapati ialah penumpang akan sukar untuk bernafas. Asap rokok atau vape yang mengandungi bahan terlarang ini boleh menyebabkan nyawa orang tergadai. Selain itu, ia juga menyebabkan udara tidak bersih dan akan meninggalkan bau yang kurang disenangi di dalam kereta. Oleh itu, dengan adanya Smoke Suction ini ia dapat mengeluarkan asap di dalam kenderaan dan alat ini merupakan kaedah terbaru yang lebih mudah, jimat dan berkesan. Bukan itu sahaja malah alat ini mempunyai banyak kebaikan dalam faktor kesihatan dan dapat mengelakkan diri daripada masalah paru paru dan pernafasan.

1.3 Objektif

Antara objektif bagi projek membuat smoke suction ialah: i. Menyedut asap rokok atau vape keluar daripada kereta dengan lebih efisien dengan menggunakan bahan-bahan yang berkualiti ii. Memastikan kereta berada dalam keadaan bersih dan tidak berbau asap rokok atau vape iii. Menjamin keselamatan dan keselasaan orang yang berada di kereta seperti tidak perlu menutup aircord kerana smoke suction telah menyedut asap keluar dari kereta. Dengan itu, orang yang berada dalam kereta itu tidak akan mengalami sesak nafas dan lain-lain lagi

1.4 Persoalan Kajian

Adakah dengan menggunakan kipas penyedut ini asap rokok mampu dikeluarkan daripada kereta dengan lebih efisien? Adakah alatan ini boleh untuk mengurangkan bau yang kurang menyenangkan di dalam kereta?

1.5 SKOP KAJIAN

Skop projek ataupun had-had pelaksanaan projek yang dijalankan mestilah mengikut garis panduan serta tidak terkeluar daripada skop yang telah ditetapkan. Projek yang dijalankan ini adalah mengikut peringkat kerja yang dirancang. Skop projek merangkumi objektif projek dan terbatas untuk pemasangan skop kajian. Skop projek dibuat untuk memudahkan pelaksanaan projek yang akan dibuat. Antara skop projek ini adalah menggunakan bahan seperti plastic kerana tidak mudah rosak. Selain itu, kipas penyejuk juga digunakan untuk menyedut keluar asap daripada kereta.

1.6 Kepentingan Kajian

Projek penyedut asap (smoke suction) ini mempunyai kepentingan yang banyak iaitu: 1. Pengudaraan yang baik di dalam kereta. Suasana terkepung dengan asap rokok dan tingkap yang tertutup boleh

menyebabkan molekul-molekul udara tidak bebas dan terperap di dalam kereta. Dengan adanya penyedut asap ini ia boleh menyelesaikan masalah bau kereta dan memastikan kereta sentiasa wangi dan bersih. 2.Selain itu, projek ini membantu masyarakat terhindar daripada pelbagai penyakit yang disebabkan daripada asap rokok. 3. Disamping itu, bahan-bahan yang digunakan untuk membuat projek ini mudah didapati dan lebih murah berbanding peralatan yang sedia ada dipasaran. 4.Seterusnya, penyedut asap (smoke suction) mudah untuk dibawa kemana- mana sahaja. 5.Projek ini juga bersesuaian dengan keperluan semasa dan dapat mengurangkan kes-kes yang telah berlaku melibatkan asap rokok. 6.Kepentingan terakhir ialah, projek ini lebih selamat digunakan kerana reka bentuk yang bersesuaian dengan keperluan pengguna.

1.7 Rumusan

Pada masa kini, isu menghisap rokok di dalam kereta semakin meningkat dan menjadi punca berlakunya penyakit kepada orang sekeliling. Secara amnya, penyakit yang sering dihadapi perokok dan orang sekeliling adalah seperti berlaku kesesakan nafas, jantung dan lain-lain. Jadi, secara keseluruhannya dalam bab ini seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan kepentingan kajian telah membincangkan untuk mengatasi masalah asap rokok ini melalui alat penyedut rokok ‘smoke suction’ yang dibina untuk menyedut asap daripada terperangkap dalam kereta dan ia juga boleh menjadi produk yang berguna bagi golongan yang merokok

2.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian literature merupakan segala teori atau penulisan yang berkaitan dengan bidang projek yang dijalankan. Kajian ini adalah perlu mendapatkan maklumat mengenai latar belakang yang dapat membantu dalam mencapai segala objektif projek. Kajian ini memastikan segala bahan-bahan yang digunakan sesuai dengan projek yang ingin dibangunkan[3]. Disamping itu juga, kajian ini dapat mengelakkan daripada berlakunya duplikasi terhadap projek tersebut. Kajian yang terperinci perlu dilakukan untuk memastikan kaedah yang terbaik untuk merekacipta alat yang telah dicadangkan. Kaedah yang dijalankan semata-mata untuk mendapatkan hasil dan kualiti yang terbaik bagi memuaskan semua pihak. Melalui kajian literature ini, segala masalah yang timbul dapat dikurangkan dengan mengkaji secara teliti terhadap aturcara kerja yang ditetapkan dan membuat penilaian semula terhadap perancangan yang dilalukan sebelum ini[4]. Dengan adanya pemerhatian yang menyeluruh ini, segala masalah yang dihadapi dapat dikurangkan sebaik mungkin. Diharapkan dengan terhasilnya penyedut asap (smoke suction) ini dapat membantu pengguna untuk bebas daripada asap rokok[7].

2.1 Kajian Yang Dijalankan

Tujuan utama projek ini adalah untuk mereka cipta “Smoke Suction” yang inovatif untuk bersaing dengan pihak lain di pasaran. Projek ini terutamanya berfokus pada proses mereka cipta “Exhaust Fan” yang mempunyai kriteria rekabentuk yang baik seperti ergonomik, mudah untuk difabrikasikan, mempunyai nilai estetik, harga terendah dan lain-lain.Alat ini dicipta khas untuk kegunaan di dalam kereta[9]. Rekaan yang dibina adalah menggunakan bahan-bahan yang mudah diperolehi dan berkualiti serta kos yang berpatutan. Matlamat projek ialah untuk merekacipta “Smoke Suction” adalah untuk menyedut asap seperti asap rokok, vape, rokok elektrik dan sebagainya dari dalam kereta ke luar kereta. “Smoke Suction” ini mudah dikendalikan kerana alat ini tidak menggunakan banyak butang di samping hanya mempunyai pergerakan kipas sahaja Rekaan ini dibina adalah menggunakan bahan yang mudah didapati seperti kipas penyejuk elektronik, suis, sensor asap, wayar, dan ‘mounting board’. Rekaan yang ditonjolkan sangat mudah seperti kipas besar dihadapan dan rekaan yang boleh disangkut di tingkap kereta bagi menyedut asap keluar kereta[13].

2.2 Sejarah Terhadap Kipas

Kipas merupakan alat yang dijanakan kuasa elektrik untuk menghasilkan aliran arus udara. Kipas terdiri daripada beberapa bilah daun yang akan berputar mengalirkan udara. Motor kipas terletak di tengah kipas biasanya mempunyai penutup. Ini bagi mengelakkan kerosakkan berlaku dengan mudah.

Diantara tahun 1882 dan 1886, Schuyler Wheeler mencipta kipas elektrik. Ia dipasarkan oleh syarikat Amerika 'Crocker & Curtis Electric Motor'[14]. Kebanyakan kipas dijanakan dengan kuasa elektrik. Namun begitu, masih ada yang dijanakan menggunakan motor hidraulik dan enjin petrol/diesel. Banyak produk kipas seumpama ini boleh didapati di pasaran. Namun begitu, ini merupakan produk pertama dimana kegunaannya adalah untuk di dalam kenderaan. Manakala produk yang lain adalah untuk bangunan seperti rumah ataupun gudang. Gambar dibawah ini merupakan antara produk yang seumpama ini.




Rajah 1 : Kipas Elektrik

3.0 METODOLOGI

Metodologi kajian merujuk kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Bab ini merangkumi pengenalan bab, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, instrument kajian, kaedah analisis data dan rumusan bab. Namun demikian, tajuk yang terdapat dalam bahagian ini adalah sebahagian besar kepada jenis projek yang akan dilaksanakan. Sesetengah kajian mungkin memerlukan perbincangan lebih terperinci berkaitan reka bentuk dan instrument kajian berbanding kajian yang lain. Metodologi adalah satu aspek kejuruteraan yang perlu diambil berat dalam menghasilkan sesuatu produk, Metodologi ini disama ertikan sebagai cara-cara kaedah pemilihan dan analisis. Selain itu, dengan adanya metodologi ini produk yang dibuat dapat diselesaikan dengan sempurna dan cemerlang. Metodologi juga merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik digunakan[15].


3.1 Rekabentuk Projek

Kajian reka bentuk boleh ditafsirkan sebagai menghasilkan produk terbaharu. Selain itu, reka bentuk juga boleh ditafsirkan sebagai gabungan bidang kejuruteraan seperti elektronik, mekanikal dan sebagainya. Tujuan reka bentuk adalah untuk menambahkan kecekapan manusia dengan mengelakkan ciri-ciri reka bentuk yang boleh mengurangkan kecekapan dan kekurangan fizikal. Selain itu, tujuan reka bentuk adalah untuk membuat satu kerja atau keadaan tempat kerja yang sesuai di gunakan oleh pengguna.




Rajah 2 : Lakaran Rekabentuk Projek


Proses-proses bagi mendapatkan hasil akhir bagi Projek Penyedut Asap Rokok. Kronologi gambar menunjukkan proses penghasilan projek penyedut asap rokok.



Rajah 3 : Memasang Bateri sebagai punca bekalan kuasa




Rajah 4 : Troubleshooting Arduino Set



Rajah 5 : Memasang Smoke Detector



Rajah 6 : Catuman terakhir rekabentuk projek



Rajah 7 : Smoke Suction dari dalam



3.2 Kaedah Pengumpulan Data

- i. Perancangan
- ii. Pengumpulan data
- iii. Melakar lakaran paparan muka dan aplikasi projek
- iv. Membuat ujikaji pada projek


Peringkat pertama adalah perancangan. Pada peringkat ini, kami diberi peluang untuk membuat pemilihan tajuk. Apabila tajuk telah dipilih, perbincangan dengan penyelia diadakan untuk merancang segala perjalanan projek supaya berjalan lancar. Jadual perancangan projek (Carta Gantt) juga ditunjukkan. Pada langkah ini segala keperluan dan kepentingan projek seperti objektif, dan skop, dan pernyataan masalah dikenalpasti melalui perbincangan dengan penyelia dan penyelidikan melalui internet, buku - buku dan jurnal - jurnal. Peringkat kedua ialah peringkat pengumpulan data. Pada peringkat ini, analisis dibuat berdasarkan maklumat berkaitan dengan tajuk. Kami mengumpul maklumat dan mempelajari sedikit sebanyak tentang sistem memprogram arduino dan perisian serta kaedah yang akan digunakan dalam mikropemprosesan. Maklumat mengenai cara menggunakannya dan lakaran setiap antara muka (interface) dititikberatkan Dalam pencarian maklumat. Kebanyakan maklumat diperolehi melalui bahan bacaan seperti internet, jurnal serta buku. Proses yang paling penting sebelum memulakan projek ini ialah menentukan gambar paparan yang sesuai untuk muka (interface) dengan aplikasi projek yang akan dibangunkan.

Lakaran paparan yang akan digunakan perlu menepati ciri-ciri berikut:

- i. Latar belakang yang mudah boleh beroperasi dengan baik.
- ii. Fungsi paparan yang menepati keperluan dan konsep projek.
- iii. Komponen sistem yang digunakan mudah beroperasi dan tidak memeningkan para pengguna.

Membuat ujikaji terhadap projek yang telah dibina. Segala kesilapan atau ralat yang terdapat dalam sistem akan dikenal pasti dan diperbaiki untuk mencapai tahap yang lebih baik. Arduino diprogram untuk mempunyai nilai 'threshold' sekitar 300 untuk mengalirkan arus bagi menghidupkan kipas. Nilai 'threshold' ini dicapai setelah beberapa percubaan uji kaji yang kami jalankan. Kami dapati nilai ini amat sesuai bagi projek ini berfungsi dalam keadaan optimum.

3.3 Kaedah Analisis Data



Rajah 8 : Kaedah Analisis Data

4.0 HASIL DAPATAN

Proses dapatan adalah hasil dari pemerhatian yang menyeluruh terdapat penghasilan projek samada semasa dilaksanakan sehinggalah projek ini telah diselesaikan. Proses penilaian segala masalah bersangkutan dengan projek yang telah dihasilkan perlulah dirujuk dan dinilai bersama penyelia. Proses ini perlulah dilakukan untuk mengenalpasti segala masalah yang bersangkutan semasa dalam proses menyiapkan projek ini. Proses menganalisis dan membuat pegujian yang telah dihasilkan adalah penting untuk mengetahui dan mencapai segala objektif-objektifnya. Keberkesanan projek yang telah dibina penting dari segi pengujian kepada ketahanan, keupayaan dan mungkin beberapa kelemahan perlulah dikenalpasti. Ini adalah amat penting untuk proses pembangunan projek yang telah direka dan bolehlah melakukan sedikit pembaikan yang diperlukan. Kami telah dapat memahami dan menitikberatkan soal penggunaan masa. Kami dapat menyiapkan kerja yang dilakukan dalam masa yang telah ditetapkan dengan jayanya. Semua ini adalah amat bertepatan untuk mengendalikan masa dengan betul bagi meyiapkan projek ini. Beberapa cara kerja dan kaedah baru telah kami praktikkan dalam melaksanakan projek dengan jayanya. Peralatan kerja dan suasana pratikal dalam menyiapkan projek dilakukan sebaik mungkin secara berkumpulan yang mana telah dapat menghasilkan projek ini dengan jayanya.

4.1 Kadar Respon


Jadual 1 : Kadar Respon

No	Soalan	Ya (%)	Tidak(%)
1	Adakah anda seorang perokok	11.5	88.5
2	Adakah anda merokok di dalam kenderaan	10.3	88.5
3	Apa perasaan anda sekiranya ada yang menghisap rokok dalam kenderaan itu tanpa buka cermin? Sekiranya anda penumpang dan bukan perokok	Suruh berhenti segera 44.9	Redha 30.8
4	Adakah asap rokok di dalam kenderaan tertutup menggugat kesihatan anda/anak/penumpang?	93.6	6.4
5	Adakah alat ini membantu masalah anda	55.1	38.5

4.2 Profil Demografi Responden

Sebanyak 10 soalan borang soal selidik diedarkan kepada 78 responden. Terutamanya kepada pekerja dan pelajar. Kira-kira 55.1% adalah lelaki dan 44.9% adalah perempuan. Berdasarkan pemerhatian dari setiap soalan, didapati bahawa responden bersetuju bahawa “*SMOKE SUCTION*” memudahkan mereka untuk menghisap rokok di dalam kereta. Kebanyakkan mereka yang bersetuju pula adalah daripada kategori pengguna yang bekerja atau belajar, yang sememangnya amat memerlukan alat ini


untuk mengelakkan anak-anak/penumpang terhidu asap. Jumlah responden yang paling tinggi ialah soalan nombor 7 iaitu “Adakah merokok ditempat tertutup memberi mudorat?”. Ini menunjukkan bahawa masih ramai yang mengambil berat tentang kesihatan mereka dan setuju dengan projek yang kami lakukan.




Rajah 9 : Jantina Anda ?

Rajah 10 : Umur Anda ?


4.3 Dapatan Kajian




Rajah 11 : Adakah anda perokok ?




Rajah 12 : Adakah anda merokok dalam kenderaan ?



Rajah 13 : Tindakan anda, jika ada yang merokok



Rajah 14 : Adakah alat *smoke suction* akan membantu



Rajah 15 : Adakah merokok ditempat tertutup memberi mudorat ?

5.0 PERBINCANGAN

Proses menyiapkan sesebuah projek yang dirancang dengan teliti juga sebenarnya agak sukar kerana setelah menghadapi pelbagai rintangan dan masalah barulah ia dapat dicapai walaupun tidak berjaya seperti yang diidamkan. Projek “*SMOKE SUCTION*” ini adalah hasil daripada pemerhatian kami dalam menjaga kesihatan. Kami inginkan kelainan dalam pelaksanaan projek yang disampaikan dengan kaedah dan aplikasinya dapat dimanfaatkan serta berfaedah kepada semua orang. Mungkin satu hari nanti, projek kami dapat dipasarkan dan menjadi satu peralatan tambahan pada masa akan datang walaupun pelbagai peralatan canggih berada dipasaran. Kemahiran mengenai kerja-kerja praktikal yang diperolehi daripada pembelajaran teori pada semester lepas dan dari sini asasnya telah membawa kami kepada kerja-kerja pembuatan yang lebih besar dan mencabar. Melalui latihan ini, ia dapat memupuk semangat kerjasama dan sifat ingin tahu tentang sesuatu yang baru dan juga pembelajaran teori yang seterusnya meletakkan kami di dalam keadaan yang bersedia untuk mempraktikkan pada masa akan datang.

5.1 Kesimpulan

Daripada keseluruhan projek ‘*SMOKE SUCTION*’ ini, kesimpulan yang dapat dibuat ialah objektif sebenar iaitu untuk menyedut asap rokok atau vape di dalam kereta, selain itu kereta tidak akan berbau asap rokok atau vape dan akhir sekali, untuk menjamin keselamatan orang lain yang berada dalam kereta tersebut. Terhasilnya “*SMOKE SUCTION*” ini dapat memberi gambaran awal tentang idea kreatif, inovatif dan produktif dalam melaksanakan projek ini sehingga sempurna. Selain itu, ia juga dapat mengetengahkan konsep, idea dan memberi peluang kepada pelajar memahami mengenai banyak perkara yang dapat dibina dan dapat mempertingkatkan lagi pengendalian kerjanya. Kesimpulannya, kami sekumpulan amat berpuas hati dalam menjayakan projek ini setelah pelbagai rintangan dan masalah yang kami hadapi dapat kami harungi dengan tabah.

Rujukan

- [1] Chinnappan Ravinder Singh dan Kandasamy Kathiresan. 2015. Effect of cigarette smoking on human health and promising remedy by mangroves. *Asian Pacific Journal*. 5(2): 162 – 167
- [2] Isabella Sudano, Jens Barthelmes dan Brigitt Kubli. 2018. Smoking cessation is a cheap and effective way to reduce cardiovascular risk. *Medicine Cardiovasculare*. 21(11): 274 – 277.
- [3] Benjamin Kuntz dan Thomas Lampert. 2016. Social disparities in parental smoking and young children’s exposure to secondhand smoke at home: a time-trend analysis of repeated cross-sectional data from the German KiGGS study between 2003-2006 and 2009-2012. *BMC Public Health*. 16 : 485.
- [4] Saha, P. S., Bhalla, K. D., Whayne, F. T dan Gairola, C. G. 2007. Cigarette smoke and adverse health effects: An overview of research trends and future needs. *International Journal of Angiol*. 16 (3): 77 – 83.
- [5] Hackshaw, A., Morris, K. J., Boniface, S., Tang, Jin-Ling dan Milenković, D. 2018. Low cigarette consumption and risk of coronary heart disease and stroke: meta-analysis of 141 cohort studies in 55 study reports. *Bio Medical Journal*. 360.
- [6] Riccardo Polosa, Fabio Cibella, Pasquale Caponnetto, Marilena Maglia, Umberto Prosperini, Cristina Russo dan Donald Tashkin. 2017. Health impact of E-cigarettes: a prospective 3.5-year study of regular daily users who have never smoked. *Scientific Reports*.
- [7] Umesh Raj Aryal, Max Petzold dan Alexandra Krettek. 2013. Perceived risks and benefits of cigarette smoking among Nepalese adolescents: a population-based cross-sectional study. *BMC Public Health*. **13**:187.
- [8] Bassam Abdul Rasool Hassan. 2012. Negative Effects of Cigarettes on Smokers and Non Smokers. *Pharmaceut Anal Acta*. 3:7
- [9] Puguh Prasetyoputra dan Sri Irianti. 2014. Health and Economic Implications of Smoking in Indonesia: A Review of the Literature. *Jurnal Ekologi Kesehatan*. 4: 340 – 353.
- [10] National Health Mobility Survey. 2015. Kementerian Kesehatan Malaysia
- [11] https://ms.wikipedia.org/wiki/Rokok#Bahan_kimia_di_dalam_rokok
- [12] <https://www.infosihat.gov.my/isu-semasa/43-bahaya-merokok.html>
- [13] <https://ms.wikipedia.org/wiki/Rokok>
- [14] https://en.wikipedia.org/wiki/Schuyler_Wheeler
- [15] <https://ms.wikipedia.org/wiki/Metodologi>

Kesan Penggunaan Aplikasi Nearpod Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Pelajar Sijil Perkhidmatan Logistik Di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang

Mohd Azian bin Husin @
Che Hamat
Kolej Komuniti Cawangan
Rantau Panjang, Kelantan
+60162125252
azian@kkpmas.edu.my.

Muhd Fadhlullah bin
Rashid
Politeknik Sultan Mizan
Zainal Abidin, KM 08, Jalan
Paka, 23000 Dungun,
Terengganu.

Wan Nur Azura bt Wan
Abdullah
Kolej Komuniti Kok Lanas
Kok Lanas, 16450 Ketereh,
Kelantan

Abstrak

Akibat penularan COVID-19 pada 2020 hingga 2021 telah mengubah konsep pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka kepada medium pembelajaran atas talian yang menyebabkan berlaku perubahan yang signifikan dalam PdP kalangan institusi pengajian tinggi di Politeknik dan Kolej Komuniti. Masalah yang dihadapi kalangan pelajar adalah untuk menunjukkan komitmen mereka dalam proses PdP atas talian dan kurang memberi tumpuan dalam pelajaran kerana aplikasi yang digunakan kurang interaktif dan kurang menyeronokkan. Pelajar juga didedahkan dengan penggunaan aplikasi yang sedia ada seperti telegram, whatsapp dan sebagainya yang kurang interaktif. Kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti kesan penggunaan aplikasi Nearpod dalam PdP pelajar Sijil Perkhidmatan Logistik Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang dengan merujuk kepada Model Penerimaan Teknologi (TAM) yang telah diasaskan oleh Davis (1989) dengan melihat aspek kebolegunaan, aspek kemudahan dan aspek sikap terhadap penggunaan aplikasi. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesan penggunaan aplikasi Nearpod dalam Pengajaran & Pembelajaran (PdP) pelajar Sijil Perkhidmatan Logistik di KKCRP. Metodologi kajian ini adalah melalui persampelan sejumlah 103 pelajar KKCRP yang telah mengikuti pengajian dalam program Sijil Perkhidmatan Logistik dan dianalisis menggunakan perisian SPSS AMOS dengan merujuk kepada Confirmation Factor Analysis (CFA) terhadap model yang dibina. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen kemudahan / Perceived Easy of Used (PEOU) mempunyai kesan yang signifikan ke atas sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan aplikasi Nearpod sepanjang PdP berbanding elemen kebolegunaan / Perceived Usefulness (PU). Dapatan ini telah menunjukkan bahawa pelajar KKCRP menerima elemen kemudahan melalui aplikasi Nearpod dan telah membantu proses PdP mereka. Untuk kajian akan datang dicadangkan supaya memasukkan elemen moderasi terhadap perbezaan jantina yang menggunakan aplikasi nearpod di KKCRP.

Katakunci: Model Penerimaan Teknologi, Aplikasi Nearpod, Kebolegunaan, Kemudahan

1.0 PENGENALAN

Revolusi Perindustrian 4.0 telah mengubah lanskap pendidikan secara radikal dengan menuntut kepada kemajuan teknologi yang lebih pesat pada masa kini (Kurniawan et al., 2020). Proses pembelajaran dan pengajaran hendaklah dikembangkan melalui integrasi teknologi yang sesuai dengan kaedah pembelajaran di atas talian (Mohamad Judi et al., 2022). Kesan daripada wabak ini, menyebabkan berlaku penutupan sektor pendidikan khususnya sekolah, IPTA dan IPTS bagi memutuskan rantaian penularan tersebut. Situasi yang berlaku di KKCRP adalah kebanyakan pensyarah telah mengubah pendekatan PdP mereka dengan memilih aplikasi atas talian seperti aplikasi Nearpod yang lebih interaktif. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti kesan penggunaan aplikasi Nearpod dalam PdP ke atas sikap dan tingkah laku pelajar KKCRP. Manakala peranan pensyarah amat penting dalam membentuk sikap pelajar supaya menerima kegunaan teknologi dalam kelas agar proses PdP berjalan lancar di sesebuah institusi pendidikan (Huang & Liaw, 2005).

1.1 Pernyataan Masalah

Penggunaan teknologi baharu dalam PdP seperti Aplikasi Nearpod, Google Classroom dan Google Form sebagai platform PdP secara atas talian dilihat kurang mendapat sambutan kerana pensyarah lebih gemar menggunakan platform yang lain seperti Telegram dan Whatapps. Ini diakibatkan oleh kekangan pensyarah yang kurang pengetahuan tentang literasi digital, sehingga mereka fobia dalam mendekati teknologi masa kini seperti komputer, aplikasi mudah alih dan telefon pintar (Thannimalai & Raman, 2018). Masalah kekurangan akses dan capaian internet juga menjadi faktor kepada masalah untuk melaksanakan proses PdP secara atas talian. Jurang dalam kajian ini adalah memilih model TAM yang dapat menyumbang kepada penemuan baharu melalui kesan penggunaan teknologi aplikasi Nearpod kepada sikap pelajar di KKcRP.

1.2 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kesan penggunaan aplikasi Nearpod dalam PdP atas talian melalui Model Penerimaan Teknologi (TAM) bagi pelajar Sijil Perkhidmatan Logistik di KKcRP.

Manakala bagi objektif khusus kajian adalah untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kesan penggunaan aplikasi Nearpod terhadap proses PdP melalui Model Penerimaan Teknologi (TAM) yang mempengaruhi sikap pelajar Sijil Perkhidmatan Logistik di KKcRP.

1.3 Persoalan Kajian

RQ1: Adakah persepsi kebolegunaan / Perceived Usefulness (PU) mempengaruhi sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan aplikasi Nearpod dalam proses PdP?

RQ2: Adakah persepsi kemudahan / Perceived Easy of Used (PEOU) mempengaruhi sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan aplikasi Nearpod dalam proses PdP?

2.0 TINJAUAN LITERATUR


2.1 Aspek Sikap

Model TAM adalah terhasil daripada gabungan teori perilaku dan sikap yang telah menghuraikan hubungan sebab dan akibat setelah sesuatu fenomena yang diperolehi melalui penggunaan sistem maklumat dan kemudahan penggunaannya, tujuan, keperluan dan penggunaan sebenar dalam perspektif pengguna (Davis, 1989 dan Taiwo, 2016). Perkaitan antara sikap dan tingkahlaku dapat dipaparkan melalui tiga faktor iaitu:

- i. Faktor pertama adalah berkisar kepada teknologi yang telah memberi pengalaman baik kepada pengguna sehingga mempengaruhi persepsi mereka.
- ii. Faktor kedua pula adalah maklum balas yang positif kalangan pengguna teknologi tersebut telah memberi keyakinan kepada pengguna akan manfaat teknologi tersebut atau sebaliknya.
- iii. Faktor ketiga adalah sokongan yang terbaik terhadap kemudahan teknologi tersebut mempengaruhi persepsi pengguna.

2.2 Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Model TAM kerap digunakan oleh penyelidik yang memerlukan dapatan kajian berkenaan penggunaan sesuatu teknologi. Asal usul model ini telah dipelopori oleh Davis pada tahun 1986 dan seterusnya dimurnikan oleh beliau pada tahun 1989 (Davis, 1989). Model ini telah diiktiraf sebagai model yang mudah dalam menerangkan penggunaan sesuatu teknologi dengan mengambil kira sudut pandang yang berbeza. Kesuaian yang dilihat pada model ini adalah mengambil berat elemen hubungan kepercayaan, sikap, niat dan tingkahlaku dengan merujuk kepada *Theory of Reasoned Action* (TRA) dan *Theory Planned Behavior* (TPB). Model ini sangat sesuai untuk menjelaskan dan meramalkan tingkahlaku pengguna sesuatu teknologi. Rajah 2.1 merupakan model penerimaan teknologi yang membantu mengesan pembolehubah luar mempengaruhi persepsi, sikap dan niat bagi menggunakan teknologi sebenar (Taiwo, 2016).



Rajah 2.1: Model Penerimaan Teknologi
Sumber: Davis 1989

2.2.1 Persepsi Kebolegunaan (Perceived Usefulness)


Merujuk kepada persepsi ini menyatakan bahawa seseorang akan mudah percaya apabila sesuatu sistem atau teknologi mampu meningkatkan prestasi kerja mereka. Faedah daripada sesuatu teknologi adalah merujuk kepada impak yang ditunjukkan pengguna apabila melaksanakan tugas mereka. Individu tertentu akan memperolehi manfaat atau kegunaan (*usefulness*) yang baik setelah menggunakan teknologi tersebut. (Thompson et al., 1991).

2.2.2 Persepsi Kemudahgunaan (Perceived Ease of Use)

Menurut penelitian Davis (1989) kemudahgunaan adalah aspek utama dalam TAM yang meneliti tentang bukti empirikal melalui alasan pengguna akhir yang menggunakan sesuatu teknologi telah dapat dikembangkan dan diterima oleh pengguna akhir sehingga teknologi tersebut tidak membebankan mereka dan mengurangkan usaha mereka setelah menjalankan urusan kerja. Frekuensi penggunaan dan interaksi antara pengguna dengan sistem telah mampu menunjukkan kemudahan, lebih dikenali, lebih praktikal dioperasi dan lebih senang digunakan oleh mereka.

2.3 Aplikasi Nearpod


Aplikasi nearpod merupakan konsep aplikasi cerapan masa nyata pelajar tentang pemahaman bagi sesuatu topik yang dipelajari khususnya melalui tiga elemen utama iaitu pembelajaran interaktif, video interaktif serta gamifikasi dan aktiviti. Rajah 2.2 menunjukkan paparan hadapan aplikasi nearpod yang telah digunakan oleh penyelidik.



Rajah 2.2: Paparan hadapan aplikasi nearpod

i. Pembelajaran interaktif


Dalam elemen pembelajaran interaktif lebih tertumpu kepada kaedah pembentangan yang lebih interaktif bagi mengumpul data tentang kefahaman pelajar dengan menggunakan penilaian formatif, simulasi dan media dinamik.




Rajah 2.3: Elemen media dinamik

ii. Video Interaktif

Bagi elemen video interaktif, aplikasi ini mencipta video interaktif untuk menguji pemahaman pelajar dengan soalan interaktif yang telah dibina. Video boleh dipilih melalui pustaka video mengikut kepada standard pelajar atau memuat masuk video pilihan melalui Youtube Channel (Rujuk Rajah 2.4 & 2.5). Menurut Roberts (2019), penggunaan imej dan visual dalam proses PdP menjadi elemen penting menjadi penyumbang kepada pelajar untuk menjadi penyumbang pengetahuan yang aktif.




Rajah 2.4: Elemen video interaktif (pustaka nearpod)



Rajah 2.5: Memuat turun video dari Youtube Channel

iii. Gamifikasi dan aktiviti

Manakal dalam aplikasi nearpod terdapat elemen gamifikasi dan aktiviti yang bertujuan untuk menambah pemahaman dan penglibatan pelajar dalam aplikasi ini. Antara jenis-jenis gamifikasi seperti *Time to Climb*, *Matching Pairs*, *Draw It* dan *Drag & Drop*. Menurut Webster dan Murphy (2008), hasil penggunaan teknologi dalam pembelajaran telah mencetuskan elemen kerjasama pelajar, kemahiran komunikasi dan mobiliti dinamik yang bermakna kepada pelajar.



Rajah 2.6: Elemen gamifikasi dan aktiviti

2.1 PdP Atas Talian

Menurut Norfiza et al., (2021), sepanjang tempoh PKP, proses PdP secara atas talian merupakan medium yang paling efektif dan praktikal. Ini menuntut supaya pendidik perlu meningkatkan kemahiran dan penguasaan pengetahuan berkenaan teknologi maklumat dan komunikasi (Hashim et al, 2020) kerana medium ini lebih inovatif, eksploratif, interaktif dan reality (Abd Hakim et al, 2018) yang membolehkan remaja masa kini lebih menyukai dan menerima kelainan yang baharu dengan sikap ingin mencuba yang menebal (Nurul Husna, 2018). Konsep PdP atas talian memudahkan proses penerimaan ilmu dan jimat kos serta memendekkan waktu (Nor Aziah & Mohd Taufik, 2016; Noraini & Shuki, 2009, Hashim et al, 2020). Merujuk Makris *et al.*, (2016), PdP atas talian juga mewujudkan sesuatu persekitaran yang baharu melalui teknik yang sesuai bergantung kepada program dan kursus.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan bentuk kajian deskriptif. Saiz populasi kajian adalah seramai 140 orang pelajar (KKPM dan KKCRP) manakala pengiraan sampel kajian adalah merujuk kepada formula Cochran (1977) yang membantu dalam mengira saiz sampel yang ideal berdasarkan tahap ketepatan yang dikehendaki, tahap keyakinan yang diingini, dan anggaran bahagian atribut yang terdapat dalam populasi. Berikut adalah pengiraan sampel kajian menggunakan formula Cochran (1977) dengan aplikasi kalkulator online: <https://goodcalculators.com/sample-size-calculator/>

Formula pengiraan saiz sampel

$$: n = [z^2 * p * (1 - p) / e^2] / [1 + (z^2 * p * (1 - p) / (e^2 * N))]$$

Dimana : z = 1.96 untuk tahap keyakinan (α) of 95%,

p = perkadaran (dinyatakan dalam perpuuluhan), N = saiz populasi, e = margin kesilpan

$$z = 1.96, p = 0.5, N = 140, e = 0.05$$


Pengiraan:

$$n = [1.96^2 * 0.5 * (1 - 0.5) / 0.05^2] / [1 + (1.96^2 * 0.5 * (1 - 0.5) / (0.05^2 * 140))]$$

$$n = 384.16 / 3.744 = 102.607$$


$$n \approx 103 \text{ (Saiz sampel, dengan pembetulan populasi terhingga adalah sama dengan 103)}$$

Hasil pengiraan sampel, kajian ini mengambil sejumlah 103 sampel di kalangan pelajar KKCRP. Unit bagi analisis kajian ini adalah kalangan pelajar dalam kursus Sijil Perkhidmatan Logistik yang menggunakan aplikasi Nearpod sepanjang proses PdP di KKCRP. Instrumen kajian adalah borang kaji selidik dengan 5 skala likert dan menggunakan google form bagi memudahkan proses pengumpul data. Terdapat empat bahagian dalam Borang kaji selidik iaitu Bahagian 1: Demografi pelajar (2 item), Bahagian 2: Elemen Kebolegunaan Aplikasi Nearpod (6 item), Bahagian 3: Elemen Kemudahangunaan Aplikasi Nearpod (6 item) dan Bahagian 4: Sikap Pelajar (4 item). Kajian ini menggunakan kaedah kutipan data secara berstruktur dan dianalisis menggunakan SEM AMOS untuk memperolehi ujian hipotesis kajian. Rajah 3.1 menunjukkan langkah pengurusan kajian, Rajah 3.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian dan Jadual 3.2 adalah carta perbatuan kajian.



Rajah 3.1 : Langkah Pengurusan Kajian

3.1 Kerangka Konseptual



Rajah 3.2: Kerangka konseptual kajian

3.2 Hipotesis Kajian

H1 : Elemen Kebolehgunaan / *Perceived Usefullness* (PU) mempunyai kesan signifikan ke atas sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan aplikasi nearpod dalam proses PdP.

H2 : Elemen Kemudahgunaan / *Perceived Easy of Used* (PEOU) mempunyai kesan signifikan ke atas sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan aplikasi nearpod dalam proses PdP.

3.3 Carta Perbatuan Penyelidikan

Jadual 3.2: Carta perbatuan kajian

Aktiviti	2021			2022						
	Jan – Feb	Mac – Jun	Julai- Dis	Jan	Feb – Mac	Apr – Jun	Julai	Ogos	Sept.	Okt
1. Mencari isu dan topik kajian / masalah kajian										
2. Menjalankan kajian literatur / mencari bahan rujukan										
3. Merangka metod kajian										
4. Menjalankan semakan item soalan kaji selidik										
5. Melaksanakan ujian pilot (30 orang pelajar)										
6. Melaksanakan pengedaran borang kaji selidik (google form) kepada pelajar										

7. Menjalankan analisis dapatan kajian										
8. Membuat penulisan penuh kajian										
9. Memohon kelulusan kebenaran pembentangan dan membuat pemurnian penulisan										
10. Membentangkan kertas penyelidikan										
11. Penambahbaikan berterusan										
12. Penerbitan										

4.0 DAPATAN KAJIAN


4.1 Analisis data demografi pelajar

Jadual 4.1: Bilangan pelajar mengikut semester / sesi

Bil	Semester / Sesi	Bilangan	Peratus
1.	SLK1A dan SLK 1B (Sesi 1 2021/2022	28 orang	27.2%
2.	SLK2A (Sesi 1 2021/2022)	6 orang	5.8%
3.	SLK3A (Sesi Februari 2021)	22 orang	21.4%
4.	SLK 4A (Sesi Julai 2021)	10 orang	9.7%
5.	Sesi Julai 2020 / Februari 2020	37 orang	35.9%
	Jumlah	103 orang	100%

Jadual 4.2: Bilangan pelajar mengikut jantina

Bil	Program	Bilangan	Peratus
1	Lelaki	82 orang	78.6%
2	Perempuan	21 orang	20.4%
	Jumlah	103 orang	100%



Rajah 4.1: Model Kajian

4.2 Keputusan CFA bagi pengukuran model

Jadual 4.3 : Hasil keputusan *Confirmation Factor Analysis* (CFA) bagi kajian

Konstruk	Item	Factor Loading	Cronbach Alpha (Above 0.7)	CR (Above 0.6)	AVE (Above 0.5)
PU	PU1	0.81	0.926	0.923	0.668
	PU2	0.82			
	PU3	0.87			
	PU4	0.79			
	PU5	0.79			
	PU6	0.82			
PEOU	PEOU1	0.80	0.924	0.924	0.670
	PEOU2	0.82			
	PEOU3	0.86			
	PEOU4	0.81			
	PEOU5	0.82			
	PEOU6	0.80			
S	S1	0.91	0.863	0.935	0.828
	S2	0.92			
	S3	0.90			

4.3 Hasil Analisis

Jadual 4.4: Hasil analisis ujian hipotesis

D V		IV	Estimate	S.E.	C.R.	P	Signifikan
S	←	PU	1.000	1.000	1.000	1.000	Tidak signifikan
S	←	PEOU	-0.451	0.065	-6.983	0.001*	Signifikan

* tahap signifikan yang tinggi pada nilai <0.001

H1: Elemen Kebolegunaan / *Perceived Usefulness* (PU) tidak mempunyai kesan signifikan ke atas sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan aplikasi Nearpod dalam proses PdP.

H2: Elemen Kemudahan / *Perceived Easy of Used* (PEOU) mempunyai kesan signifikan ke atas sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan aplikasi Nearpod dalam proses PdP.

5.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian dapat dirumuskan melalui dua persoalan kajian seperti berikut:

RQ1: Adakah elemen Kebolegunaan / *Perceived Usefulness* (PU) mempengaruhi sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan menggunakan aplikasi Nearpod dalam proses PdP?

Dapatan ini dapat dirumuskan bahawa elemen kebolegunaan tidak mempengaruhi sikap pelajar apabila menggunakan aplikasi Nearpod dalam proses PdP.

RQ2: Adakah elemen Kemudahan / *Perceived Easy of Used* (PEOU) mempengaruhi sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan aplikasi Nearpod dalam proses PdP?

Dapatan daripada kajian ini dapat dirumuskan bahawa elemen kemudahan telah mempengaruhi sikap pelajar apabila menggunakan aplikasi nearpod dalam proses PdP di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang.

Dapatan kajian ini seiring dengan penemuan oleh Davis (1989) menyatakan bahawa perspektif kemudahan, yakin berlaku pengurangan usaha seseorang apabila menggunakan sesuatu teknologi.

Secara kesimpulannya kajian ini telah mendapati bahawa penggunaan medium pembelajaran atas talian seperti aplikasi Nearpod mampu memberi kesan positif ke atas sikap pelajar khususnya melalui elemen kemudahan berasaskan kepada model TAM khususnya bagi pelajar Sijil Perkhidmatan Logistik KKcRP. Untuk kajian akan datang supaya dicadangkan dengan memasukkan elemen moderasi terhadap perbezaan jantina yang menggunakan aplikasi nearpod di KKcRP.

Rujukan

- Davis, M. (1986). *A Technology of Acceptance Model for Empirically testing new-end user information system: Theory and Result*. Massachusetts, USA: Sloan School of Management, Massachusetts Institute of Technology.
- Cochran, W.G. (1977) *Sampling Techniques*. 3rd Edition, John Wiley & Sons, New York.
- Fadzliyah Hashim, Farah Farhana Rosli, Fatahiyah Elias, Mohd Radzi Lebai Mat & Che Nazrah Mohd Yusof (2020) Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam [Online Teaching and Learning by Novice Teachers of Islamic Education and Its Impact. *BITARA* Volume 3, Issue 4, 2020: 151-162 © The Author(s) 2020 e-ISSN: 2600-9080 <http://www.bitarajournal.com>
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J & Anderson, R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis (7th Ed.)* Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Huang, H. M., & Liaw, S. S. (2005). Exploring users' attitudes and intentions toward the web as a survey tool. *Computers in human behavior*, 21(5), 729-743.
- Kurniawan, B., & Purnomo, A. (2020). Penggunaan aplikasi google classroom sebagai upaya peningkatan pembelajaran online bagi guru matapelajaran ips. *International Journal of Community Service Learning*, 4(1), 1-9.
- Makris, D., Makris, K., Arapi, P & Christodoulakis, S. (2016). PlayLearn: A platform for the development and management of learning experiences in location-based mobile games. eLmL 2016: The Eight International Conference on Mobile, Hybrid and On-line Learning. ISBN:978-1-61208-471-8.
- Mohamad Judi, H., Husin, N. F., & Hanawi, S. A. (2022). Meaningful programming learning: A Student-Centered Technology Integration Model. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(1), 29-40. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.1.4.2022>
- Noraini Idris, & Shuki Osman. (2009). *Pengajaran Dan Pembelajaran ; Teori dan Praktis*. McGrawHill(Malaysia) Sdn.Bhd.
- Nor Aziah Abdul Aziz, & Mohd Taufik Hj Ahmed. (2016). E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Ipg Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11, 116–130. <https://doi.org/10.1145/3060403.3060449>
- Norfiza Apfandi, Nurul Hafizah Maarof, Nor Syamilah Md Zin, Nurul Suzaina Joi & Rorlinda Yusof (2021). Kajian Amalan Penggunaan Medium atas Talian Oleh Pelajar bagi Proses Pembelajaran di Rumah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(3): 285-295
- Nurul Husna Mahmud. 2018. *Remaja Mudah Terjebak*. Dicapai daripada <https://www.hmetro.com.my/hati/2018/02/316620/remaja-mudah-terjebak>.

Roberts, D. 2019. Higher education lectures: From passive to active learning via imagery? *Active Learning in Higher Education* 20(1): 63–77. doi:10.1177/1469787417731198

Taiwo, A. A. 2016. Theoretical Modelling to Explain Lecturers use of Educational Support System for Teaching in University-based Library Schools in Nigeria: Extending the Technology Acceptance Model (TAM). University of Nebraska – Lincoln. *Library Philosophy and Practice (e-journal)*, 14-16.

Thannimalai, R. & Raman, A. 2018. Principals technology leadership and teachers technology integration in the 21st century classroom. *International Journal of Civil Engineering and Technology* 9(2): 177–187.

Thompson, R.L., Higgins, C.A. and Howell, J.M. (1991) Personal Computing Toward a Conceptual Model of Utilization. *MIS Quarterly*, 15, 124-143.


Webster, L. & Murphy, D. 2008. Enhancing Learning through Technology: Challenges and Responses. In R. Kwan, R. Fox, F. T. Chan, & P. Tsang (Eds). *Enhancing Learning through Technology: Research on Emerging Technologies and Pedagogies*, 1-16. Singapore: World Scientific.

Zainudin, A. (2012). *Research Methodology and Data Analysis* 2nd Edition. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA Publication Centre (UiTM Press).

eISSN 2948-4405



9 77 29 48 44 00 02



I-PRO.COM